

40
Hadith

**Pengurusan
Harta
&
Perancangan
Kewangan**

Abdullaah Jalil

**Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia**



WISDOM
PUBLICATION

40 HADITH

PENGURUSAN HARTA DAN PERANCANGAN KEWANGAN

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

40 HADITH

**PENGURUSAN HARTA DAN
PERANCANGAN KEWANGAN**

ABDULLAAH JALIL

Wisdom Publication



WISDOM
PUBLICATION

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
Blog: www.wisdompublication.blogspot.com

Hak Cipta Terpelihara © 2013 Wisdom Publication

ISBN: 978-967-10299-2-3

Edisi Pertama: 2013
Cetakan ini: Mei 2015

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Firman Allah ﷻ (Ali 'Imran: 14-15):

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ
مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ
ذَٰلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَبَآئِ ۗ ﴿١٤﴾ ﷻ قُلْ
أَوْبَيْتُكُمْ بِخَيْرٍ مِّنْ ذَٰلِكُمْ ۗ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ
بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿١٥﴾ ﷻ

Maksudnya: “[14] Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, yaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (yaitu Syurga).

[15] Katakanlah (wahai Muhammad): “Mahukah supaya aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertaqwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan/ isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredaan dari Allah”. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan hamba-hambaNya.”

DEDIKASI

Kepada kedua ayahanda dan bonda: Hj Jalil Omar and Hapisah Ismail,
dan seluruh ahli keluarga,

Kepada isteri yang dikasihi: Suraiya Osman,
serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-
Safiyyah, Sara al-Ameena dan Ibtisam al-Nafeesa.

PRAKATA PENERBIT



Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan Pemilik sekalian alam, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani.

Selawat dan salam buat junjungan tercinta, Nabi Muhammad ﷺ dan ahli keluarga serta para sahabat Baginda ﷺ. Semoga Allah ﷻ terus melimpahkan seluas-luas rahmat-Nya kepada seluruh umat Islam untuk terus menjunjung Shariat-Nya mengikut jalan para kekasih-Nya di atas muka bumi ini.

Pihak Wisdom Publication ingin memanjatkan jutaan kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas kurniaan dan tawfiq-Nya untuk kami menerbitkan satu lagi buah tangan Ustaz Abdullaah Jalil di dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam.

Penulisan ini dilihat dapat menyumbang kepada perkembangan literatur ilmiah di dalam bidang ini dan juga dapat membantu pihak pengamal khidmat nasihat kewangan untuk mendapatkan perspektif Islam berkenaan aspek pengurusan harta dan perancangan kewangan Islam yang dilihat semakin mendapat perhatian sejak akhir-akhir ini.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pembaca, khususnya para pelajar, pengajar dan pengamal khidmat nasihat kewangan Islam serta masyarakat awam yang mahukan perspektif Islam dalam urusan harta dan kewangan mereka.

Penerbit.

PRAKATA AR-RAYYAN WEALTH MANAGEMENT

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Tuhan yang Maha Esa, yang memberi anugerah dan rezeki yang tidak terhingga, kepada manusia sejagat. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad ﷺ, keluarga dan sahabat baginda.

Tahniah kami ucapkan kepada Ustaz Abdullaah bin Jalil kerana telah menyempurnakan penulisan buku “40 Hadith Pengurusan Harta Dan Kewangan Islam”. Penerbitan buku ini memang dinantikan oleh industri pengurusan harta dan perancangan kewangan Islam. Pemasaan penerbitan buku ini juga bertepatan dengan perkembangan pesat pasaran modal and perbankan Islam serta trend sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia.

Kami di Ar-Rayyan Wealth Management sentiasa berusaha untuk berkongsi dan menyampaikan prinsip-prinsip utama pengurusan harta berlandaskan Islam. Antaranya, harta adalah milik Allah yang diamanahkan kepada manusia untuk diuruskan menurut syariah Islam. Harta juga merupakan satu ujian untuk pemiliknya. Ia bukannya tujuan utama tetapi suatu wasilah untuk beribadah. Kesemua ini telah diterjemahkan dengan terperinci oleh penulis di dalam buku ini, bersandarkan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis-Hadis. Manhaj penyusunan buku ini juga bertepatan dengan pendekatan perancangan kewangan antarabangsa.

Ustaz Abdullaah bin Jalil mempunyai kredibiliti dan kredential yang tinggi untuk menulis buku ilmiah berteraskan syariah ini. Bertugas sebagai pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia dan sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd, beliau amat memahami akan tuntutan akademik dan industri. Justeru itu, kami ingin mengesyorkan agar buku ini dijadikan bahan rujukan oleh pengamal perancangan kewangan Islam, pelajar dan penyelidik kewangan Islam dan umat Islam secara amnya.

Sekian. Terima kasih
Munawir Mohammad
Pengarah, Ar-Rayyan Wealth Management
(A Division of Efficient Frontier Capital Advisors Sdn Bhd)

PENDAHULUAN

Segala pujian hanyalah layak bagi Allah ﷻ, Tuhan yang Esa, pencipta dan pentadbir alam ini, yang telah mengurniakan manusia dengan pelbagai nikmat dan menguji mereka dengan pelbagai kesenangan dan kesusahan. Selawat dan salam ke atas kekasih Allah ﷻ dan junjungan kita semua, Saidina Muhammad ﷺ, ahli keluarga serta para sahabat Baginda ﷺ.

Azam untuk menulis buku ini telah mula timbul apabila pihak al-Rayyan Wealth Management menjemput penulis untuk menyampaikan serba sedikit maklumat berkenaan pengurusan harta dari perspektif Islam sewaktu pelancaran perasmiannya. Namun begitu, penulis hanya mula terdedah kepada subjek pengurusan harta dan perancangan kewangan secara formal dan serius apabila mengambil subjek “Islamic Wealth Management” di INCEIF, di bawah tunjuk ajar Dr. Shaykh Hamzah Abdul Razak. Itu adalah pada hujung tahun 2011. Sejak itu, azam penulis untuk mengumpulkan hadith-hadith Rasulullah ﷺ yang relevan dengan subjek ini secara tersusun semakin bertambah kuat. Namun begitu, kerana hambatan masa dan tugasan, penulisan ini terpaksa dibuat secara berdikit-dikit.

Dan Alhamdulillah, usaha yang berdikit-dikit ini telah pun dapat disempurnakan dengan tawfiq dan inayah-Nya. Semoga Allah ﷻ memelihara niat penulis dan menjadikan usaha ini di dalam neraca amalan soleh penulis di akhirat nanti. Penulis berharap agar hasil usaha yang sedikit ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmiah dan industri pengurusan harta dan perancangan kewangan Islam serta dapat mempertingkatkan kefahaman masyarakat Islam khususnya terhadap disiplin ini.

Sewajarnya kita - umat Islam - ini kembali dan terus menerus merujuk kekasih dan penghulu kita yang sangat mengasihi umatnya – Nabi Muhammad ﷺ - kerana Baginda lah yang selayaknya menjadi panduan dan teladan hidup kita dalam mengurus harta dan merancang kewangan agar kita benar-benar dapat berada di atas jalan yang lurus. Semoga Allah ﷻ memaafkan segala kekurangan yang berlaku di dalam buku ini dan semoga Allah ﷻ merahmati mereka yang menegur penulis berkenaan kesilapan yang terdapat di dalam buku. Akhir kata: Segala puji hanyalah untuk-Nya.

Penulis.

LATAR BELAKANG PENULIS

(Ustaz) Abdullaah Jalil adalah merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau dilahirkan pada tanggal 10 Zulhijjah 1400 (Aidil Adha), bersamaan 19 Oktober 1980 di Kuala Terengganu dan dibesarkan di Skudai, Johor Bahru, Johor.

Beliau memulakan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ), Kluang (PMR & SRA - *Mumtaz*) sebelum menduduki SPM & SKK (*Mumtaz*) di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, Selangor.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan di dalam bidang Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam). Beliau berjaya menamatkan pengajiannya di Universiti Yarmouk dalam tempoh tiga (3) tahun dan dikurniakan Sarjana Muda Syariah Kelas Pertama (*Mumtaz*) bersama Kepujian. Pelajar Malaysia pertama dengan pencapaian sedemikian.

Setelah diterima sebagai tutor di FEM pada tahun 2002, beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam serta dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dalam tahun 2004.

Setelah berkhidmat selama hampir tujuh (7) tahun di FEM & USIM, beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah di INCEIF, Kuala Lumpur di dalam bidang Kewangan Islam (Islamic Finance) bermula Januari 2011.

Beliau merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Syariah di Bank Rakyat, PruBSN Takaful dan Koperasi Kakitangan USIM. Beliau juga telah dianugerahkan dengan “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2011 kerana kerjasama beliau bersama pihak polis dalam usaha membanteras fahaman militan dan ancaman keselamatan negara.

Beliau juga mengikuti pengajian-pengajian di luar kuliah dengan beberapa *mashayikh* dan ulama’ dari dalam dan luar Malaysia bilamana berkesempatan.

ISI KANDUNGAN

DEDIKASI.....	i
PRAKATA PENERBIT	ii
PRAKATA AR-RAYYAN WEALTH MANAGEMENT	iii
PENDAHULUAN	iv
LATAR BELAKANG PENULIS	v
ISI KANDUNGAN.....	vi
Pengenalan	1
Lima Asas Pengurusan Hidup	1
Pengurusan Harta Dan Perancangan Kewangan	2
Perspektif Islam.....	5
Keperluan Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan Islam Di Malaysia	8
Manhaj Pemilihan, Penulisan dan Penyusunan Hadith.....	9
PRINSIP ASAS	11
1: Merperbetulkan Niat Dan Objektif	13
1.1: Niat Seseorang Mukmin Adalah Asas Amalannya	13
1.2: Menahan Dan Memberi Kerana Allah ﷻ	14
1.3: Allah ﷻ Tidak Menerima Niat Yang Tidak Ikhlas	14
1.4: Allah ﷻ Memandang Kepada Hati	15
1.5: Azab Allah ﷻ Bagi Niat Yang Tidak Ikhlas	15
1.6: Niat Akhirat Memudahkan Urusan Dunia Dan Menenangkan Hati.....	17
1.7: Empat Jenis Manusia	17
2: Harta Sebagai Tanggungjawab dan Ujian.....	19
2.1: Harta Sebagai Ujian Bagi Umat Nabi Muhammad ﷺ	19
2.2: Fitnah Harta Membawa Kepada Peperangan Sesama Umat Islam	20
2.3: Tanggungjawab Harta Di Hari Kiamat.....	20

2.4: Sedikit Harta Dengan Tanggungan Yang Banyak.....	21
3: Harta Sebagai Nikmat Untuk Menjalankan Ketaatan dan Mengangkat Darjat di sisi Allah ﷻ	22
3.1: Orang Yang Menginfaqkan Harta Dicemburui	22
3.2: Indahnya Apabila Harta Yang Baik Bersama Orang Yang Baik	23
3.3: Nikmat Harta Adalah Kurniaan Allah ﷻ Untuk Beribadat	23
4: Menjadi “al-Yad al-’Ulya”	25
4.1: Berusaha Menjadi “Al-Yad Al-’Ulya”	25
4.2: Al-Yad Al-’Ulya Adalah Tangan Yang Memberi.....	26
4.3: Mukmin Yang Kuat Itu Lebih Baik.....	26
5: Kekayaan Sebenar adalah Kekayaan jiwa	27
5.1: Kaya Hati Dan Faqir Hati	27
5.2: Zuhud	28
5.3: Qana’ah (a): Merasa Cukup Dengan Kurniaan Allah ﷻ.....	28
5.4: Qana’ah (b)	29
5.5: Qana’ah (c)	29
5.6: Syukur	29
5.7: Wara’, Qana’ah Dan Lain-Lain.....	30
5.8 Amanah Adalah Satu Kekayaan	30
6: Memilih Yang Halal dan Bersikap Wara’	31
6.1: Kerosakan Zaman Di Mana Status Harta Halal Atau Haram Tidak Diberi Perhatian	32
6.2: Meninggalkan Perkara Yang Meragukan	32
6.3: Wara’ Adalah Sebaik-Baik Agama	32
7: Mengayakan Diri daripada Meminta-minta dan Berhajat kepada Orang Lain.....	33
7.1: Didikan Rasulullah ﷺ Agar Tidak Meminta-Minta.....	33
7.2: Meminta-Minta adalah Pintu Kefakiran	35
7.3: Kefakiran Itu Dekat Dengan Kekufuran.....	35
7.4: Azab Bagi Sikap Meminta-Minta Yang Berterusan.....	36

7.5: Azab Bagi Sikap Meminta-Minta Untuk Memperbanyak Harta.....	36
7.6: Tidak Mengeluh Dalam Menghadapi Kesusahan.....	36
7.7: Memelihara Diri Dari Meminta-Minta	37
8: Rezeki adalah Ketentuan Allah ﷻ	38
8.1: Rezeki Adalah Menurut Kehendak Allah ﷻ, Bukan Kehendak Makhluk	39
8.2: Rezeki Adalah Pasti Seumpama Mati (a)	40
8.3: Rezeki Adalah Pasti Seumpama Mati (b).....	40
9: Menjauhi Cinta Dunia, Sifat Bakhil Dan Boros	41
9.1: Cinta Dunia Dan Panjang Angan-Angan.....	41
9.2: Orang Yang Mengejar Dunia Tidak Akan Kenyang	41
9.3: Cinta Dunia Adalah Penyakit Hati Yang Melemahkan Umat Ini	42
9.4: Tiga Akibat Cinta Dunia.....	43
9.5: Harta Manusia Ialah Apa Yang Dia Guna Dan Pakai	43
9.6: Mengekalkan Dunia Dengan Menjadikannya Untuk Akhirat ...	44
9.7: Kesederhanaan	44
9.8: Sikap Berhemah/Bersederhana	44
10: Kepentingan Pengurusan dan Perancangan Harta	46
10.1: Lima (5) Perkara Sebelum Lima (5) Perkara.....	46
10.2: Sebelum Tujuh Perkara.....	47
10.3: Lalai Pada Tiga Perkara (a)	47
10.4: Lalai Pada Tiga Perkara (b)	48
10.5: Menghisab Diri Sebelum Dihisab.....	48
10.6: Menghisab Diri Ialah Satu Ketaqwaan	49
10.7: Dunia Dan Akhirat Dapat Diperolehi Dengan Ilmu	49
PENJANAAN HARTA (WEALTH CREATION)	51
11: Kewajipan Mencari Rezeki Yang Halal.....	53
11.1: Mencari Rezeki Yang Halal Itu Adalah Wajib.....	53
11.2: Mencari Yang Halal Mestilah Dengan Jalan Yang Baik.....	54
11.3: Diampunkan Kerana Penat Bekerja (a)	54
11.4: Diampunkan Kerana Penat Bekerja (b)	55
11.5: Mencari Rezeki Yang Halal Itu Adalah Satu Jihad	55

11.6: Mencari Rezeki Yang Halal Adalah Satu Bentuk Jalan Allah ﷺ	55
12: Keusahawanan adalah Usaha Mencari Rezeki Paling Baik.....	57
12.1: Keusahawanan Nabi Daud ﷺ.....	57
12.2: Mukmin Yang Bekerja Disukai Allah ﷻ.....	58
13: Galakan Mengusahakan Tanah	59
13.1: Tanah Yang Mati Ialah Bagi Pengusahanya (a)	59
13.2: Tanah Yang Mati Ialah Bagi Pengusahanya (b).....	59
13.3: Hasil Bumi Adalah Sedekah	60
13.4: Tumbuhan Adalah Sebab Pahala Yang Berterusan	60
14. Kemuliaan Peniaga dan Kepentingan Perniagaan	61
14.1: Peniaga Dan Para Shuhada'	61
14.2: Tidak Dilalaikan Oleh Perniagaan	62
14.3: Rezeki Yang Banyak Di Dalam Perniagaan.....	62
14.4: Ancaman Kepada Peniaga Yang Menipu	63
14.5: Kepentingan Perniagaan Kepada Umat Islam	63
PENGEMBANGAN HARTA (WEALTH ACCUMULATION)	65
15: Menyimpan Hasil Pendapatan	67
15.1: Menyimpan Bekalan Tidak Menafikan Tawakkal	67
15.2: Kepentingan Simpanan Jangka Masa Panjang	68
15.3: Tidak Menyimpan Makanan Sewaktu Umat Dalam Kesusahan	69
16: Pelaburan Modal dan Perkongsian Untung Rugi.....	70
16.1: Rasulullah ﷺ Adalah Sebaik-Baik Rakan Kongsi	70
16.2: Perakuan Rasulullah ﷺ Bagi Al- Abbas ﷺ	71
16.3: Mudarabah Adalah Satu Keberkatan	71
17: Kepentingan Pemilikan Tanah dan Aset Tetap.....	72
17.1: Keberkatan Pegangan Aset Tetap	72
18. Keberkatan.....	73
18.1: Keberkatan Di Waktu Pagi	73
18.2: Waktu Pagi Adalah Waktu Keberkatan Dan Kejayaan	74
18.3 Meninggalkan Tidur Di Waktu Pagi.....	74

18.4: Rezeki Diagihkan Di Waktu Pagi.....	75
18.5: Jual-Beli Yang Jujur Diberkati Allah ﷻ.....	75
18.6: Keredaan Pada Rezeki Membawa Kepada Keberkatan (a).....	76
18.7 Keredaan Pada Rezeki Membawa Kepada Keberkatan (b).....	76
PERLINDUNGAN HARTA (WEALTH PROTECTION)	79
19. Kehormatan Harta adalah Seumpama Nyawa.....	81
19.1: Kehormatan Harta Dan Darah Seorang Mukmin	81
19.2: Mati Mempertahankan Harta Adalah Shahid	81
20: Amalan Soleh Memelihara Rezeki dan Membuka Pintunya	82
20.1: Bertawakkal	82
20.2: Tawakkal Tidak Menafikan Usaha.....	83
20.3: Istighfar	83
20.4: Silaturrahim Sebagai Sebab Rezeki.....	83
20.5: Memelihara Silaturrahim	84
20.6: Al-Waqi'ah	84
20.7: Taqwa.....	84
20.8: Istighfar Dan Bertaubat.....	85
20.9: Istighfar	85
20.10: Empat Rakaat Sunat Duha	86
20.11: Doa Perlindungan Yang Diajarkan Oleh Rasulullah ﷺ.....	86
20.12: Amalan Zikrullah “Tahlil” Menjauhkan Kefakiran.....	88
20.13: Zikir “Hawqalah”.....	89
21. Maksiat dan Sifat Buruk Menghilangkan Rezeki dan Keberkatannya.....	91
21.1: Maksiat Menjadi Sebab Pengharaman Rezeki	91
21.2: Zina Itu Mewariskan Kefakiran.....	91
21.3: Tidur Di Waktu Awal Pagi Menghalang Rezeki.....	92
21.4: Maksiat Menjadi Sebab Berlakunya Azab Allah ﷻ	92
21.5: Tidak Memuliakan Rezeki Kurniaan Allah ﷻ	93
22: Takaful Ijtima'i Di Kalangan Ahli Keluarga	94
23: Takaful Ijtima'i Di Kalangan Masyarakat	95
23.1: Umat Islam Yang Beriman Itu Umpama Satu Tubuh Badan ...	97
23.2: Orang Yang Beriman Itu Saling Bantu Membantu	97
PEMBERSIHAN HARTA (WEALTH CLEANSING)	99

24: Menjauhi Elemen Haram Dan Shubhat	101
24.1: Bersedekah Dengan Harta Haram Tidak Mendapat Pahala ...	101
24.2: Bersedekah Dengan Harta Haram Tetap Berdosa	102
24.3: Harta Haram Adalah Bekalan Ke Neraka.....	102
24.4: Daging Yang Tumbuh Dari Harta Haram Adalah Di Neraka	102
25: Membersihkan Harta	104
25.1: Menjauhi Harta Haram	105
25.2: Mencampurkan Sedekah Di Dalam Urusniaga (a)	106
25.3: Mencampurkan Sedekah Di Dalam Urusniaga (b).....	107
25.4: Cara Membersihkan Harta Haram (a).....	107
25.5: Cara Membersihkan Harta Haram (b)	108
25.6: Cara Membersihkan Harta Haram – Abdullah Ibn Mas‘ud ﷺ	108
25.7: Cara Membersihkan Harta Haram – al-Hasan al-Basri	109
25.8: Cara Membersihkan Harta Haram – Imam al-Ghazali	109
26: Melunaskan Hutang Dan Mengembalikan Hak Orang Lain	111
26.1: Mengembalikan Hak Orang Lain	111
26.2: Seorang Kaya Yang Melambat-Lambatkan Pembayaran Hutang Adalah Satu Kezaliman.....	111
26.3: Seorang Kaya Yang Melambat-Lambatkan Pembayaran Hutang Adalah Satu Kezaliman.....	112
26.4: Memperbetulkan Niat Ketika Berhutang.....	112
26.5: Doa Menjauhkan Diri Daripada Dibeberi Hutang	113
26.6: Dosa Yang Tidak Diampunkan Bagi Orang Yang Mati Shahid	113
26.7: Beratnya Tuntutan Hutang Di Sisi Islam.....	113
26.8: Niat Tidak Membayar Hutang Adalah Seumpama Mencuri ..	114
26.9: Niat Tidak Membayar Hutang Adalah Seumpama Mencuri ..	115
26.10: Allah Bersama Orang Yang Berhutang Bukan Untuk Tujuan Yang Dibencinya.....	115
26.11: Rasulullah ﷺ Adalah Wali Bagi Setiap Umatnya.....	116
26.12: Rasulullah ﷺ Lebih Berhak Dan Bertanggungjawab Bagi Umatnya	116
26.13: Amalan Bagi Menghilangkan Bebanan Hutang	117
26.14: Doa Bagi Menolak Bebanan Hutang	118

26.15: Allah ﷻ Mengetahui Niat Si Penghutang.....	119
26.16: Hutang Dibayar Dengan Pahala Di Akhirat Kelak.....	119
26.17: Membayar Semula Hutang Dengan Lebih Baik (a)	120
26.18: Membayar Semula Hutang Dengan Lebih Baik (b)	120
27. Menunaikan Hak Allah ﷻ Yang Tertanggung.....	122
27.1: Hutang Allah ﷻ Adalah Yang Paling Berhak Ditunaikan	122
PENYUCIAN DAN INFAQ HARTA (WEALTH PURIFICATION AND INFAQ).....	123
28: Menunaikan Zakat.....	125
28.1: Kewajipan Zakat	125
28.2: Azab Kerana Tidak Membayar Zakat (a)	126
28.3: Azab Kerana Tidak Membayar Zakat (b).....	127
28.4: Azab Kerana Tidak Membayar Zakat (c)	127
28.5: Memelihara Harta Dengan Berzakat	128
28.6: Zakat Fitrah.....	129
29: Mengerjakan Haji Dan Umrah	130
29.1: Haji Membersihkan Jiwa	130
29.2: Haji Adalah Antara Amalan Terbaik Di Dalam Islam	130
29.3: Haji Seumpama Berjuang Di Jalan Allah.....	131
29.4: Haji Adalah Jihad.....	131
29.5: Haji Tidak Akan Menjadikan Seseorang Itu Faqir.....	131
29.6: Mengerjakan Haji Dengan Nafkah Yang Baik.....	132
29.7: Perancangan Menuju Haji Dan Umrah Bagi Setiap Lima Tahun	132
29.8: Perancangan Menuju Haji Dan Umrah Bagi Setiap Empat Tahun.....	133
30: Memberi Nafaqah.....	134
30.1: Nafaqah Keluarga Adalah Yang Paling Baik	135
30.2: Nafaqah Bagi Tanggungan Adalah Yang Terbaik	135
30.3: Mengabaikan Nafkah Tanggungan Adalah Satu Dosa (a)	135
30.4: Mengabaikan Nafkah Tanggungan Adalah Satu Dosa (b)	136
30.5: Nafkah Ibu Kepada Anakny.....	136
31. Sabilillah.....	137

31.1: Belanja Di Jalan Allah ﷻ Digandakan Dengan Begitu Banyak	137
31.2: Belanja Di Jalan Allah ﷻ Seumpama Melakukannya	138
31.3: Makna Sebenarnya Bagi Jalan Allah ﷻ	138
31.4: Perumpamaan Bagi Belanja Di Jalan Allah ﷻ	139
32: Hadiah dan Hibah.....	140
32.1: Kebaikan Memberi Hadiah	140
32.2: Membalas Hadiah	140
32.3: Tidak Menolak Hadiah	141
32.4: Perumpamaan Bagi Perbuatan Meminta Semula Hadiah.....	141
33: Waqaf – Mengalirkan Manfaat Dengan Jalan Yang Kekal	142
33.1: Kebaikan Yang Kekal Selepas Mati	143
33.2: Tiga Perkara Yang Kebaikannya Berterusan Walaupun Selepas Mati	143
33.3: Kebajikan Yang Berterusan Walaupun Selepas Mati.....	144
33.4: Tujuh Kebaikan Yang Berterusan Pahalanya	144
33.5: Para Sahabat ﷺ Dan Amalan Waqaf	145
33.6: Aset Tetap Adalah Harta Yang Disayangi.....	145
34. Memberi Pinjaman	146
34.1: Sebab Keutamaan Pinjaman	146
34.2: Pinjaman Lebih Baik Daripada Sedekah	147
34.3: Pinjaman Adalah Sedekah	147
34.4: Menanggungkan Atau Melepaskan Peminjam Yang Dalam Kesusahan (a).....	147
34.5: Menanggungkan Atau Melepaskan Peminjam Yang Dalam Kesusahan (b).....	148
35: Sedekah dan Manihah	149
35.1: Allah ﷻ Memberi Infaq Kepada Mereka Yang Melakukannya	149
35.2: Harta Tidak Akan Kurang Dengan Sedekah	149
35.3: Sedekah Adalah Pelindung Di Hari Kiamat	150
35.4: Sedekah Menolak Bala'	150
35.5: Sedekah Menghapuskan Dosa	150

35.6: Sedekah Menolak Kemurkaan Allah ﷻ Dan Kematian Yang Buruk.....	151
35.7: Sedekah Bagi Binatang Bernyawa.....	151
35.8: Sedekah Bagi Ibu Tunggal Dan Orang Miskin	152
35.9: Manihah	152
35.10: Sedikit Tetapi Banyak Di Sisi Allah ﷻ	152
PENGAGIHAN HARTA (WEALTH DISTRIBUTION).....	155
36: Wisoyah – Pentadbir Pusaka.....	157
36.1: Melaburkan Harta Anak Yatim (a)	157
36.2 Melaburkan Harta Anak Yatim (b)	157
36.3: Saidatina ‘A’ishah ﷺ Menjaga Anak Yatim	158
36.4: Al-Ibda’	158
36.5: Menjaga Dan Mendidik Anak Yatim	158
36.6: Melakukan Urusan Dengan Rahsia	159
37: Kepentingan Wasiat	160
37.1: Wasiat Adalah Sedekah Dari Allah ﷻ.....	160
37.2: Bahaya Penyelewengan Wasiat	160
37.3: Kebaikan Wafat Dengan Wasiat.....	161
37.4: Keburukan Wafat Tanpa Wasiat.....	161
38: Hadiah “Atiyyah” Di Kalangan Anak-Anak.....	163
38.1: Berlaku Adil Sesama Anak-Anak.....	163
38.2: Keadilan Terhadap Anak-Anak	164
38.3: Menyamaratakan Pemberian.....	165
38.4: Bapa Boleh Menarik Semula Hadiah Yang Telah Diberikan Kepada Anaknya	165
39: Kewajipan Pembahagian Faraid.....	167
39.1: Pembahagian Berdasarkan Fara’id	167
39.2: Kepentingan Ilmu Fara’id	167
39.3: Kejahilan Ilmu Fara’id Membawa Kepada Fitnah Pergaduhan	168
40: Perancangan Harta Pusaka Bagi Meninggalkan Harta kepada Waris	169
40.1: Jangan Sesekali Mengakhiri Hidup Dengan Amalan Jahat....	170

40.2: Mengakhiri Hidup Ini Dengan Amalan Soleh	171
40.3: Amalan Penutup Itu Penentu	171
40.4: Doa Rasulullah ﷺ Memohon Keluasan Rezeki Di Usia Tua .	171
40.5: Doa Rasulullah ﷺ Memohon Rezeki Yang Baik	172
BIBLIOGRAFI	175

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Perbezaan di antara Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan	2
---	---

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1: Lima Aspek Pengurusan Hidup	1
Gambarajah 2: Hubungan di antara Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan	5
Gambarajah 3: Tujuh (7) Proses Pengurusan Harta dari Perspektif Islam	10

PENGENALAN

LIMA ASAS PENGURUSAN HIDUP


Pengurusan yang baik adalah salah satu daripada ciri-ciri yang dimiliki oleh para rasul dan nabi ﷺ serta pewaris mereka. Para ulama' berkata:

حُسْنُ التَّدْبِيرِ نِصْفُ الْمَعِيشَةِ

Maksudnya: “Pentadbiran yang baik adalah separuh daripada (kejayaan) kehidupan.”

Penulis berpandangan bahawa terdapat lima aspek pengurusan hidup yang paling asas dan perlu dipelajari oleh setiap individu yang ingin mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat. Kelima-lima aspek pengurusan hidup tersebut adalah seperti gambarajah di bawah.

GAMBARAJAH 1: LIMA ASPEK PENGURUSAN HIDUP



Seseorang yang ingin menguruskan kehidupan dunia dan akhiratnya dengan baik perlulah mempelajari setiap pengurusan di atas dengan mengetahui prinsip-prinsipnya, kaedah-kaedahnya dan perkara-perkara yang menghalang serta cara mengatasinya.

PENGURUSAN HARTA DAN PERANCANGAN KEWANGAN

Secara umumnya, istilah pengurusan harta (*wealth management*) dan perancangan kewangan (*financial planning*) sering digunakan secara bersama atau secara berpisah tetapi dengan makna yang sama. Namun begitu, sebahagian penulis dan literatur di dalam bidang ini telah membincangkan serba sedikit perbezaan di antara kedua-duanya. Bagi memudahkan pembaca, penulis membentangkan perbezaan tersebut di dalam jadual di bawah.

JADUAL 1: PERBEZAAN DI ANTARA PENGURUSAN HARTA DAN PERANCANGAN KEWANGAN


Bil.	Aspek Perbezaan	Perancangan Kewangan (<i>Financial Planning</i>)	Pengurusan Harta (<i>Wealth Management</i>)
1	Definisi	Ia adalah satu siri perancangan yang mengandungi objektif dan langkah-langkah untuk mencapai objektif tersebut bersama penilaian secara progresif dan kumulatif.	Ia adalah satu bentuk khidmat nasihat kewangan dan pelaburan yang menggabungkan beberapa disiplin seperti: <ul style="list-style-type: none"> • perancangan kewangan, • pengurusan portfolio pelaburan, • perbankan privasi, • dan khidmat nasihat kewangan yang lain.
2	Skop Khidmat Nasihat	Lebih terfokus kepada sesuatu aspek dan lebih bersifat individu.	Lebih komprehensif, lebih terperinci dan lebih umum kerana melihat dari pelbagai aspek.
3	Penilaian Prestasi	Melihat kepada objektif yang lebih spesifik dan tertentu seperti	Melihat kepada prestasi menyeluruh aset yang dimiliki oleh klien dan

		persediaan persaraan atau penyingkiran hutang.	mempunyai skop yang lebih besar.
4	Pihak Pemberi Khidmat Nasihat	Boleh dilakukan oleh seorang individu yang mahir, berkelayakan dan berpengalaman	Biasanya dilakukan oleh sekumpulan penasihat kerana ia memerlukan kepelbagaian disiplin.
5	Hubungan di antara Klien dan Pemberi Khidmat Nasihat	Hubungan di antara klien dan pemberi khidmat nasihat adalah lebih ringkas dan boleh berlaku dalam hanya beberapa pertemuan. Pihak klien mungkin memilih untuk melaksanakan sendiri perancangan yang dibuat.	Hubungan di antara klien dan pemberi nasihat adalah lebih holistik, pro-aktif dan professional.
6	Kesesuaian Pelanggan	Pelanggan yang memerlukan keperluan yang spesifik dan ringkas.	Pelanggan yang memerlukan khidmat nasihat yang lebih kompleks merangkumi pelbagai isu dan objektif seperti keperluan perbankan, khidmat nasihat berkenaan cukai, nasihat perundangan, harta pusaka, pengurusan portfolio, pengurusan pelaburan dan lain-lain.
7	Elemen dan komponen	Bagi perancangan kewangan pula, ia biasanya dikategorikan berdasarkan sesuatu	Dari sudut komponen pula pengurusan harta biasanya dikategorikan berdasarkan peringkat dan aspek

		<p>tujuan perancangan itu dibuat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan Pelaburan • Perancangan Pendidikan • Perancangan Insuran/Takaful • Perancangan Cukai • Perancangan Persaraan • Perancangan Harta Pusaka 	<p>pengurusan harta seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjanaaan Harta • Pengembangan Harta • Pelaburan Harta • Perlindungan Harta • Pengagihan Harta
8	Kewujudan istilah dalam industri	Istilah perancangan kewangan muncul terlebih dahulu.	Istilah pengurusan harta muncul lebih lewat.

Berdasarkan perbincangan tersebut, kita boleh menggambarkan hubungan di antara pengurusan harta dan perancangan kewangan adalah hubungan di antara perkara umum dan khusus. Perancangan kewangan pada hakikatnya adalah sebahagian daripada pengurusan harta dan istilah pengurusan harta itu lebih umum dan mengandungi pelbagai perkara lain selain daripada perancangan kewangan. Hubungan kedua-dua istilah ini mungkin dapat digambarkan oleh Gambarajah 2.

GAMBARAJAH 2: HUBUNGAN DI ANTARA PENGURUSAN HARTA DAN PERANCANGAN KEWANGAN



PERSPEKTIF ISLAM

Secara umumnya, subjek pengurusan harta dan perancangan kewangan itu adalah bertepatan dengan prinsip umum Islam dan Muamalat. Pengurusan harta dan perancangan kewangan sepatutnya tidak memberi maksud bahawa seseorang itu mengutamakan dunia ini lebih berbanding kehidupan yang abadi di akhirat. Bahkan di sana terdapat begitu banyak nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan pengurusan harta dan perancangan kewangan. Namun begitu, pendekatan al-Quran dan al-Sunnah di dalam bidang ini adalah lebih bersifat prinsip umum kecuali dalam beberapa perkara seperti zakat dan fara'id. Ini menjadikan kedua-dua bidang ini adalah bidang yang fleksibel dan dinamik pada pandangan Islam. Pendekatan ini mampu menjadikan Shariat Islam lebih praktikal dalam mendepani perubahan keperluan umat Islam serta menangani masalah-masalah dalam kehidupan mereka. Pada pandangan penulis, subjek pengurusan harta dan perancangan kewangan dari sudut Islam adalah bertujuan untuk:

1. Memastikan agar aspek-aspek Syariah dalam pengurusan harta dan perancangan kewangan dipatuhi dan kewajipan Syariah berkaitan harta serta amalan terbaik dari pandangan Islam dapat diamalkan.
2. Di samping itu, sikap dan perspektif pemilik harta/ klien terhadap hartanya dapat dimurnikan dan diharmonikan dengan pandangan Islam kepada kehidupan dunia dan akhirat.

Di sana terdapat beberapa konsep, pelaksanaan dan instrumen yang ditawarkan di dalam ruang lingkup Syariah yang mempunyai beberapa perbezaan yang amat ketara dengan kerangka konvensional. Berdasarkan pemerhatian penulis, di antara perkara-perkara yang membezakan dan menambah nilai kepada pengurusan harta dan perancangan kewangan menurut perspektif Islam adalah seperti berikut:

- Niat dan objektif pemilik harta
- Keseimbangan di antara dunia dan akhirat
- Kepentingan infaq dan penekanan kepadanya
- Penyucian harta dengan menjalankan kewajipan-kewajipan berkaitan harta
- Pembersihan harta daripada elemen haram, shubhat dan hak-hak orang lain
- Pematuhan kepada prinsip-prinsip al-Mu'amalat
- Konsep ibadah
- Konsep *halal* dan *tayyib*
- Konsep barakah
- Dan lain-lain.

Islam melihat harta yang dimiliki oleh manusia sebagai alat untuk mencapai tujuan Allah ﷻ menciptakan manusia di bumi ini iaitu: (i) ibadah dan (ii) khilafah. Berkenaan dengan penciptaan Nabi Adam ﷺ, Allah ﷻ berfirman (al-Baqarah: 30-33):

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةًۭ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا
 مَنْ يُّفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ اِنِّىْ

أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ
 فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا
 إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾ قَالَ يَتَّكِدُمْ أَنْبِئْتَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا
 أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا
 تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: “[30] Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”. [31] Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: “Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar”. [32] Malaikat itu menjawab: “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. [33] Allah berfirman: “Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka”. Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: “Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?”.

Berkenaan dengan penciptaan jin dan manusia secara umumnya, Allah ﷻ berfirman (al-Dhariyat: 56-58):

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ
 يُطْعَمُونِ ﴿٥٧﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “[56] Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. [57] Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. [58] Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.”

KEPERLUAN PENGURUSAN HARTA DAN PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Sektor “Islamic Wealth Management” dan “Islamic Financial Planning” adalah salah satu daripada empat sektor utama di dalam perkembangan dan pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia. Walaupun istilah ini sering digunakan bagi pengurusan harta golongan yang kaya dan hartawan, namun begitu pada hakikatnya ilmu pengurusan harta dan perancangan kewangan ini mempunyai relevannya bagi setiap peringkat masyarakat dan kitaran hidup seorang individu.

Disiplin ini mungkin lebih rumit dan signifikan bagi mereka yang mempunyai harta yang banyak lantaran kesukaran untuk menguruskannya, namun begitu itu tidak bermakna bahawa pengurusan harta dan perancangan kewangan tidak penting bagi orang biasa dan masyarakat awam. Ini adalah kerana urusan berkaitan harta dan kewangan melibatkan semua manusia dan di antara elemen-elemen asas dan tanggungjawab utama bagi manusia menurut perspektif Shariah.

Dengan pertambahan harta, tanggungjawab kita semakin besar dan semakin rumit. Namun begitu, peluang untuk berbuat kebajikan dan infaq juga semakin besar. Penulis berpendapat bahawa industri pengurusan harta dan perancangan kewangan Islam serta ilmu berkaitannya adalah satu medium yang sangat baik bagi mengembangkan ilmu dan amalan Islam kerana hubungan yang rapat dan khusus yang boleh terbina di antara pelanggan dan penasihat kewangan/pengurus harta. Penasihat pengurusan harta dan kewangan Islam membantu pemilik harta untuk bermuhasabah, memberi khidmat nasihat serta melaksanakan prinsip bantu-membantu di dalam mengerjakan kebaikan, khususnya berkaitan tanggungjawab harta. Perkembangan industri ini perlu disokong dengan

input dari sumber-sumber asas Shariah agar ia benar-benar berkembang di atas prinsip-prinsip Islam yang tepat dan benar.

MANHAJ PEMILIHAN, PENULISAN DAN PENYUSUNAN HADITH

Sebenarnya di sana terdapat ribuan hadith yang berkaitan dengan pengurusan harta dan perancangan kewangan di dalam Islam. Ini adalah kerana pengurusan harta dan perancangan kewangan di dalam Islam boleh dilihat dari sudut aqidah, fiqh dan tasawwuf. Shariat Islam tidak hanya merangkumi isu-isu berkaitan dengan hukum ahkam amali yang merujuk kepada perbuatan zahir manusia, tetapi ia mestilah juga bertunjangkan aqidah yang sahih dan penghayatan tasawwuf yang benar agar perbuatan zahir manusia itu dikira sebagai amalan soleh dan diterima di sisi Allah ﷻ.

Buku ini mengandungi hadith-hadith yang terpilih berkaitan dengan pengurusan harta dan perancangan kewangan daripada ketiga-tiga sudut Shariat: aqidah, fiqh dan tasawwuf. Daripada hadith-hadith yang telah dipilih, penulis menjadikan empat puluh (40) hadith sebagai hadith-hadith utama dan selebihnya sebagai hadith-hadith sokongan yang mempunyai kaitan dengan hadith-hadith utama. Penulis telah cuba sedaya upaya memastikan agar hadith-hadith yang dipilih sebagai hadith-hadith utama adalah berstatus sahih atau sekurang-kurangnya hasan (baik). Bagi hadith-hadith sokongan, hadith-hadith da'if juga dipilih selagi mana ia tidak mengandungi perkara-perkara aqidah atau elemen halal dan haram. Sebagai tambahan faedah, penulis juga meletakkan ayat-ayat al-Quran dan kata-kata para ulama', khususnya para sahabat ﷺ, di tajuk-tajuk yang relevan.


Penulis membahagikan hadith-hadith tersebut kepada tujuh (7) bahagian, iaitu:

1. Prinsip Asas
 2. Penjanaan Harta
 3. Pengembangan Harta
 4. Perlindungan Harta
 5. Pembersihan Harta
 6. Penyucian dan Infaq Harta
-

7. Pengagihan Harta

Gambarajah 3 adalah merupakan ilustrasi bagi ketujuh-tujuh proses tersebut.

GAMBARAJAH 3: TUJUH (7) PROSES PENGURUSAN HARTA DARI PERSPEKTIF ISLAM



Seseorang yang menjumpai hadith di dalam kitab ini atau mana-mana kitab perlulah merujuk kepada pentafsiran para ulama' fiqh sekiranya ingin mengetahui pentafsiran dan pemahaman para ulama' tentang hukum ahkam yang dapat dikeluarkan daripada hadith tersebut. Pengeluaran hukum ahkam daripada nas al-Quran dan al-Sunnah adalah satu bidang yang sangat luas dan memerlukan keahlian yang sangat tinggi. Oleh itu, penulis menasihatkan diri penulis sendiri dan pembaca agar tidak mengambil mudah hal ini agar makna sebenar yang dikehendaki oleh nas al-Quran dan al-Hadith itu tidak menyeleweng ke makna yang salah.

PRINSIP ASAS

Firman Allah ﷻ (al-Kahf: 46)

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ

ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

1: MERPERBETULKAN NIAT DAN OBJEKTIF

Amir al-Mu'minin Saidina 'Umar Ibn al-Khattab رضي الله عنه berkata: Aku mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَىٰ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَىٰ دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَىٰ مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: “Hanyasanya semua amalan itu adalah berdasarkan niat. Dan hanyasanya bagi seseorang itu apa yang telah dia niatkan. Barangsiapa (yang niat) hijrahnya (ke Madinah) adalah kerana Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa (yang niat) hijrahnya (ke Madinah) itu adalah kerana dunia yang dia ingin miliknya atau (kerana) perempuan yang dia ingin menikahnya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang telah dia (niatkan) hijrah kepadanya.”

T: Al-Bukhari dan Muslim.

1.1: Niat Seseorang Mukmin Adalah Asas Amalannya

Sahl Ibn Sa'd رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

نِيَّةُ الْمُؤْمِنِ خَيْرٌ مِنْ عَمَلِهِ، وَعَمَلُ الْمُنَافِقِ خَيْرٌ مِنْ نِيَّتِهِ، وَكُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ نِيَّتِهِ، فَإِذَا عَمَلَ الْمُؤْمِنُ عَمَلًا كَانَ فِي قَلْبِهِ نُورُهُ

Maksudnya: “Niat seorang mukmin itu lebih baik daripada amalannya, dan amalan seorang munafiq itu lebih baik daripada niatnya. Dan setiap orang beramal berasaskan niatnya sendiri. Maka apabila seorang mukmin itu mengamalkan (apa yang diniatkannya), nur (cahaya) amalannya itu akan wujud di hatinya.”

T: al-Tabarani - al-Kabir; Abu Nu'aym al-Asbahani - Hilyat al-Awliya' dan al-Khatib al-Baghdadi - Tarikh Baghdad.

1.2: Menahan Dan Memberi Kerana Allah ﷻ

Abu Umamah al-Bahili رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَحَبَّ لِلَّهِ وَأَبْغَضَ لِلَّهِ وَأَعْطَى لِلَّهِ وَمَنَعَ لِلَّهِ، فَقَدْ اسْتَكْمَلَ الْإِيمَانَ

Maksudnya: “Barangsiapa yang menyintai kerana Allah, dan membenci kerana Allah, dan memberi kerana Allah, dan menahan/tidak memberi kerana Allah, maka sesungguhnya dia telah menyempurnakan iman.”

T: Abu Dawud, al-Tabarani – Musnad al-Shamiyyin, al-Awsat dan al-Kabir; al-Bayhaqi – Shu^cab al-Iman dan al-I^tiqad ila Sabil al-Rashad, Ibn ^cAsakir – Tarikh Dimashq, dan lain-lain.

1.3: Allah ﷻ Tidak Menerima Niat Yang Tidak Ikhlas

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: أَنَا أَغْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشُّرْكِ، مَنْ عَمِلَ عَمَلًا أَشْرَكَ فِيهِ مَعِيَ غَيْرِي تَرَكْتُهُ وَشِرْكَهُ

Maksudnya: “Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): Aku adalah yang paling terkaya daripada dipersekutukan. Barangsiapa yang melakukan sesuatu amalan di mana dia mempersekutukan-Ku padanya bersama selain-Ku, maka Aku akan meninggalkannya dan sekutunya.”

T: Muslim; Abu Dawud; Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban, dan lain-lain.

1.4: Allah ﷻ Memandang Kepada Hati

Abu Hurayrah ﷺ meriwayatkan bahwa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ، وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ، وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah ﷻ tidak memandang kepada rupa-rupa kamu dan harta benda kamu, tetapi Dia memandang kepada hati-hati kamu dan amalan-amalan kamu.”

T: Muslim; Ibn Majah; Ahmad; Ibn Hibban, dan lain-lain.

1.5: Azab Allah ﷻ Bagi Niat Yang Tidak Ikhlas

Abu Hurayrah ﷺ meriwayatkan bahwa beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ يُقْضَىٰ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَيْهِ رَجُلٌ اسْتَشْهَدَ، فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا، قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟، قَالَ: قَاتَلْتُ فِيكَ حَتَّى اسْتَشْهَدْتُ، قَالَ: كَذَبْتَ، وَلَكِنَّكَ قَاتَلْتَ لِأَنْ يُقَالَ جَرِيءٌ، فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ، وَرَجُلٌ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ وَعَلَّمَهُ وَقَرَأَ الْقُرْآنَ، فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا، قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟، قَالَ: تَعَلَّمْتُ الْعِلْمَ وَعَلَّمْتُهُ وَقَرَأْتُ فِيكَ الْقُرْآنَ، قَالَ: كَذَبْتَ، وَلَكِنَّكَ تَعَلَّمْتَ الْعِلْمَ لِيُقَالَ عَالِمٌ وَقَرَأْتَ الْقُرْآنَ لِيُقَالَ هُوَ قَارِئٌ، فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ، وَرَجُلٌ وَسَّعَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَعْطَاهُ مِنْ أَصْنَافِ الْمَالِ كُلِّهِ، فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا، قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟، قَالَ: مَا تَرَكْتُ مِنْ سَبِيلٍ تُحِبُّ أَنْ يُنْفَقَ فِيهَا إِلَّا أَنْفَقْتُ فِيهَا لَكَ، قَالَ: كَذَبْتَ، وَلَكِنَّكَ فَعَلْتَ لِيُقَالَ هُوَ جَوَادٌ، فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ ثُمَّ أُلْقِيَ فِي النَّارِ

Maksudnya: “Sesungguhnya manusia pertama yang akan dihukumkan ke atasnya pada hari Kiamat ialah: (i) seorang lelaki yang telah mati syahid, lalu didatangkan dengannya, maka Allah mengingatkan kembali nikmat-nikmatnya dan dia mengingatnya. Allah bertanya: Maka apakah yang telah engkau lakukan padanya?. Dia menjawab: Daku telah berperang kerana-Mu sehinggalah daku gugur syahid. Allah berfirman: Engkau telah berbohong, akan tetapi engkau telah berperang kerana mahu dipanggil sebagai seorang yang berani, maka engkau telah dipanggil demikian. Kemudian diperintahkan dengannya untuk diheret di atas mukanya sehingga dicampakkan ke dalam api neraka.

(ii) dan seorang lelaki yang telah mempelajari ilmu dan mengajarkannya dan telah membaca al-Quran. Maka didatangkan dengannya, lalu Allah mengingatkan kembali nikmat-nikmatnya dan dia mengingatnya. Allah bertanya: Maka apakah yang telah engkau lakukan padanya?. Dia menjawab: Daku telah mempelajari ilmu dan mengajarkannya dan membaca al-Quran kerana-Mu. Allah berfirman: Engkau telah berbohong, akan tetapi engkau telah mempelajari ilmu supaya dipanggil “Alim” dan engkau telah membaca al-Quran supaya dipanggil “Qari””, dan engkau telah dipanggil demikian. Kemudian diperintahkan dengannya untuk diheret di atas mukanya sehingga dicampakkan ke dalam api neraka.

(iii) dan seorang lelaki yang telah diluaskan oleh Allah ke atasnya (rezekinya) dan Dia telah mengurniaknya dengan semua jenis-jenis harta. Maka didatangkan dengannya, lalu Allah mengingatkan kembali nikmat-nikmatnya dan dia mengingatnya. Allah bertanya: Maka apakah yang telah engkau lakukan padanya?. Dia menjawab: Tidaklah aku tinggalkan mana-mana jalan yang Engkau suka untuk diinfaqkan padanya melainkan telah aku infaqkan padanya kerana-Mu. Allah berfirman: Engkau telah berbohong, akan tetapi engkau telah melakukannya untuk dikatakan sebagai "pemurah", dan engkau telah dipanggil demikian. Kemudian diperintahkan dengannya untuk diheret di atas mukanya sehingga dicampakkan ke dalam api neraka.”

T: Muslim; al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan al-Bayhaqi dan lain-lain.

1.6: Niat Akhirat Memudahkan Urusan Dunia Dan Menenangkan Hati

Zayd Ibn Thabit رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ كَانَتْ الدُّنْيَا هَمَّهُ، فَفَرَّقَ اللَّهُ عَلَيْهِ أَمْرَهُ، وَجَعَلَ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ، وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا كُتِبَ لَهُ، وَمَنْ كَانَتْ الْآخِرَةُ نِيَّتَهُ، جَمَعَ اللَّهُ لَهُ أَمْرَهُ، وَجَعَلَ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ، وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ

Maksudnya: “Barangsiapa yang (menjadikan) dunia sebagai kerisauannya, maka Allah akan memisah-misahkan ke atasnya urusannya, dan menjadikan kefaqirannya di antara kedua-dua matanya, dan tidak akan datang dunia kepadanya melainkan apa yang telah ditulis baginya. Dan barangsiapa yang (menjadikan) Akhirat sebagai niatnya, maka Allah akan menghimpukan baginya urusannya, dan menjadikan kekayaannya di hatinya dan dunia akan datang kepadanya dalam keadaan menunduk hina.”

T: Ibn Majah; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Tabarani - al-Kabir; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan al-Adab; Ibn 'Asakir dan lain-lain.

1.7: Empat Jenis Manusia

Abu Kabshah al-Annamariyy رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنَّمَا الدُّنْيَا لِأَرْبَعَةِ نَفَرٍ: عَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالًا وَعِلْمًا فَهُوَ يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ وَيَصِلُ فِيهِ رَحْمَهُ وَيَعْلَمُ اللَّهُ فِيهِ حَقًّا فَهَذَا بِأَفْضَلِ الْمَنَازِلِ، وَعَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ عِلْمًا وَلَمْ يَرْزُقْهُ مَالًا فَهُوَ صَادِقُ النِّيَّةِ، يَقُولُ: لَوْ أَنَّ لِي مَالًا لَعَمِلْتُ بِعَمَلِ فُلَانٍ فَهُوَ بِنِيَّتِهِ فَأَجْرُهُمَا سَوَاءٌ، وَعَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالًا وَلَمْ يَرْزُقْهُ عِلْمًا فَهُوَ يَجْبِطُ فِي مَالِهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ لَا يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ وَلَا يَصِلُ فِيهِ رَحْمَهُ وَلَا يَعْلَمُ اللَّهُ فِيهِ حَقًّا فَهَذَا بِأَخْبَثِ الْمَنَازِلِ، وَعَبْدٍ لَمْ يَرْزُقْهُ اللَّهُ مَالًا وَلَا عِلْمًا، فَهُوَ يَقُولُ: لَوْ أَنَّ لِي مَالًا لَعَمِلْتُ فِيهِ بِعَمَلِ فُلَانٍ فَهُوَ بِنِيَّتِهِ فَوَزُرُهُمَا سَوَاءٌ

Maksudnya: “Hanyasanya dunia itu bagi empat manusia:

(i) Seorang hamba yang dikurniakan oleh Allah harta dan ilmu, maka dia bertaqwa kepada Allah padanya dan menyambungkan dengannya perhubungan silaturahmi dan dia mengetahui bahawa bagi Allah terdapat hak padanya, maka hamba ini berada di kedudukan yang paling utama;

(ii) dan seorang hamba yang dikurniakan ilmu oleh Allah tetapi tidak dikurniakan harta, dan dia seorang yang benar pada niatnya dengan berkata: Sesungguhnya sekiranya bagiku harta, pasti aku akan beramal dengan (seumpama) amalan si fulan, maka dia dengan niatnya (yang baik) itu, dan pahala kedua-dua mereka adalah sama;

(iii) dan seorang hamba yang dikurniakan harta oleh Allah dan tidak dikurniakan ilmu, maka dia menggunakan hartanya tanpa ilmu, lagi tidak bertaqwa kepada Allah padanya, dan tidak menyambungkan perhubungan silaturahmi, dan tidak mengetahui bahawa Allah mempunyai hak padanya, maka hamba ini berada dikedudukan yang paling buruk;

(iv) dan seorang hamba yang tidak dikurniakan harta dan juga ilmu oleh Allah, maka dia berkata: Sesungguhnya sekiranya bagiku harta, pasti aku akan beramal dengan (seumpama) amalan si fulan, maka dia dengan niatnya (yang jahat) itu, dan dosa kedua-dua mereka adalah sama.”

T: al-Tabarani - al-Kabir; al-Tirmidhi; al-Mizzi; Abu Zar^cah al-Iraqi; Ahmad dan al-Baghawi - Sharh al-Sunnah.

2: HARTA SEBAGAI TANGGUNGJAWAB DAN UJIAN

Abu Barzah رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ
فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

Maksudnya: “Tidak akan bergerak kedua kaki seorang hamba pada hari akhirat nanti sehinggalah ditanya tentang umurnya, pada apakah yang telah dia habiskan?; dan tentang ilmunya, pada apakah yang telah dia amalkan?; dan tentang hartanya, dari manakah dia mendapatkannya dan pada apakah dia membelanjakannya?; dan tentang tubuh badannya, pada apakah dia telah bersusah payah?.”

T: al-Tirmidhi dan beliau berkata: Hadith ini adalah hasan sahih; al-Darimi; al-Bayhaqi; Abu Ya'la al-Mawsili, al-Tabarani - al-Mu'jam al-Awsat dan lain-lain.

2.1: Harta Sebagai Ujian Bagi Umat Nabi Muhammad ﷺ

Ka'b Ibn 'Iyad رضي الله عنه berkata: Aku telah mendengar Nabi ﷺ berkata:

إِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ فِتْنَةً، وَفِتْنَةُ أُمَّتِي الْمَالُ

Maksudnya: “Sesungguhnya bagi setiap umat itu fitnah/ujian, dan fitnah/ujian bagi umatku ialah harta.”

T: al-Tirmidhi dan beliau berkata: Hadith ini hasan sahih gharib; Ahmad; Ibn Hibban; al-Hakim; al-Nasa'i dan lain-lain.

2.2: Fitnah Harta Membawa Kepada Peperangan Sesama Umat Islam

‘Amr Ibn ‘Awf رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

فَوَاللَّهِ لَا الْفَقْرَ أَخْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكِنْ أَخْشَى عَلَيْكُمْ أَنْ تُبْسَطَ عَلَيْكُمُ الدُّنْيَا
كَمَا بُسِطَتْ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، فَتَنَافَسُوهَا كَمَا تَنَافَسُوهَا، وَتُهْلِكَكُمُ كَمَا
أَهْلَكْتَهُمْ

Maksudnya: “Maka demi Allah! Bukanlah kefaqiran yang aku takutkan ke atas kamu, akan tetapi aku takut ke atas kamu apabila dibentangkan dunia ke atas kamu, sepertimana ia telah dibentangkan ke atas mereka yang sebelum kamu, lalu kamu berlumba-lumba padanya seperti mana mereka pernah berlumba-lumba, dan ia menghancurkan kamu sepertimana ia telah menghancurkan mereka.”

T: Muslim dan al-Bukhari.

2.3: Tanggungjawab Harta Di Hari Kiamat

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ غَنِيٍّ وَلَا فَقِيرٍ إِلَّا وَدَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنَّهُ أُتِيَ مِنَ الدُّنْيَا قُوتًا

Maksudnya: “Tidak ada seorang pun dari kalangan orang kaya ataupun orang miskin melainkan dia suka pada hari Kiamat nanti bahawa sesungguhnya dia dikurniakan daripada dunia ini sekadar apa yang cukup untuk hidup.”

T: Ibn Majah; Ahmad dan lain-lain.

2.4: Sedikit Harta Dengan Tanggungan Yang Banyak

Abu Sa'îd al-Khudri رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ قَلَّ مَالُهُ، وَكَثُرَ عِيَالُهُ، وَحَسُنَ صَلَاتُهُ، وَلَمْ يَغْتَبِ الْمُسْلِمِينَ، جَاءَ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ وَهُوَ مَعِيَ كَهَاتَيْنِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang sedikit hartanya, dan banyak tanggungannya, lagi baik solatnya, serta dia tidak mengumpat (mana-mana) orang Islam, (maka) dia akan datang pada hari Kiamat nanti dalam keadaan dia bersamaku seperti kedua-dua (jariku) ini.”

T: Abu Ya'la al-Mawsili; Ibn Hajar al-^cAsqalani; al-Khatib al-Baghdadi; Ibn ^cAsakir dan lain-lain.

3: HARTA SEBAGAI NIKMAT UNTUK MENJALANKAN KETAATAN DAN MENGGANGKAT DARJAT DI SISI ALLAH ﷻ

°Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ berkata: Nabi ﷺ bersabda:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ، رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَسُلِّطَ عَلَىٰ هَلَكَتِهِ فِي الْحَقِّ، وَرَجُلٌ
آتَاهُ اللَّهُ الْحِكْمَةَ فَهُوَ يَقْضِي بِهَا وَيُعَلِّمُهَا

Maksudnya: “Tidak patut ada rasa cemburu melainkan pada dua orang manusia: (i) Seorang lelaki yang Allah ﷻ telah memberinya harta, lalu diberi kekuatan bagi menghabiskannya pada kebenaran, (ii) dan seorang lelaki yang Allah ﷻ telah kurniakan kepadanya hikmah, maka dia menghukum dengannya dan mengajarkannya.”

T: al-Bukhari; Muslim; Ibn Majah; Ahmad; Al-Hakim; al-Bayhaqi; dan lain-lain.

3.1: Orang Yang Menginfaqqan Harta Dicemburui

°Abdullah Ibn 'Umar ﷺ berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا حَسَدَ إِلَّا عَلَىٰ اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَقَامَ بِهِ آتَاءَ اللَّيْلِ، وَرَجُلٌ
أَعْطَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يَتَصَدَّقُ بِهِ آتَاءَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ

Maksudnya: “Tidak patut ada rasa cemburu melainkan pada dua orang manusia: (i) Seorang lelaki yang Allah ﷻ telah kurniakan kepadanya al-Quran dan dia berdiri dengannya di waktu malam, (ii) dan seorang lelaki yang Allah ﷻ kurniakan kepadanya harta, maka dia bersedekah dengannya pada waktu malam dan siang.”

T: al-Bukhari; Muslim; Ibn Majah; Ahmad; Ibn Hibban; al-Nasa'i; al-Bayhaqi; dan lain-lain.

3.2: Indahnya Apabila Harta Yang Baik Bersama Orang Yang Baik

‘Amr Ibn al-‘As رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

يَا عَمْرُو، نِعَمَ الْمَالُ الصَّالِحِ مَعَ الرَّجُلِ الصَّالِحِ

Maksudnya: “Wahai ‘Amr! Betapa baiknya, harta yang baik bersama orang yang baik.”

T: Ibn Hibban dengan sanad yang baik.

3.3: Nikmat Harta Adalah Kurniaan Allah ﷻ Untuk Beribadat

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ فُقَرَاءَ الْمُهَاجِرِينَ، أَتَوْا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَالُوا: ذَهَبَ أَهْلُ الدُّثُورِ بِالدرَجَاتِ الْعُلَى، وَالنَّعِيمِ الْمُقِيمِ، فَقَالَ: وَمَا ذَاكَ؟ قَالُوا: يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَيَتَصَدَّقُونَ وَلَا نَتَصَدَّقُ، وَيُعْتِقُونَ وَلَا نُعْتِقُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَفَلَا أَعَلَّمَكُمُ شَيْئًا تُدْرِكُونَ بِهِ مَنْ سَبَقَكُمْ، وَتَسْبِقُونَ بِهِ مَنْ بَعْدَكُمْ، وَلَا يَكُونُ أَحَدٌ أَفْضَلَ مِنْكُمْ، إِلَّا مَنْ صَنَعَ مِثْلَ مَا صَنَعْتُمْ؟ " قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: " تَسْبِحُونَ، وَتُكَبِّرُونَ، وَتُحَمِّدُونَ، ذُبِرَ كُلُّ صَلَاةٍ، ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ مَرَّةً "، قَالَ أَبُو صَالِحٍ: فَرَجَعَ فُقَرَاءُ الْمُهَاجِرِينَ، إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالُوا: سَمِعَ إِخْوَانُنَا أَهْلَ الْأَمْوَالِ بِمَا فَعَلْنَا، فَفَعَلُوا مِثْلَهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ، يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ

Maksudnya: “Sesungguhnya golongan faqir daripada Muhajirin telah mendatangi Rasulullah ﷺ dan berkata: Orang-orang yang mempunyai harta telah pergi dengan darjat-darjat yang tinggi, dan nikmat yang kekal. Baginda lalu bersabda: Dan apakah (maksud kamu) itu?. Mereka berkata: Mereka bersolat seperti kami bersolat, mereka berpuasa seperti kami berpuasa, dan mereka memberi sedekah sedangkan kami tidak memberi sedekah, dan mereka

memerdekakan hamba sedangkan kami tidak memerdekakan hamba.

Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Adakah (kamu tidak mahu) daku ajarkan kamu sesuatu yang kamu akan capai dengannya sesiapa yang mendahului kamu, dan kamu mendahului dengannya sesiapa yang selepas kamu, dan tidak ada seseorang pun yang lebih afdal daripada kamu melainkan sesiapa lakukan seperti yang kamu perbuat?. Mereka menjawab: Bahkan, wahai Rasulullah!.

Baginda bersabda: Kamu bertasbih, bertakbir dan bertahmid di akhir setiap solat sebanyak tiga puluh tiga kali. Abu Salih berkata: Maka para fuqara daripada Muhajirin pun kembali semula kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: Saudara-saudara kami yang mempunyai harta telah mendengar dengan apa yang telah kami lakukan, maka mereka pun melakukan seperti nya.

Rasulullah ﷺ pun bersabda: Itu adalah kelebihan kurniaan Allah, Dia memberinya kepada sesiapa yang Dia kehendaki.”

T: Muslim; al-Bukhari dan lain-lain.

4: MENJADI “AL-YAD AL-‘ULYA”

Hakim Ibn Hizam rahimahullah meriwayatkan bahawa Baginda Nabi shallallahu alaihi wasallam bersabda:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَأَبْدَأُ بِمَنْ تَعُولُ، وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهْرٍ
غَنَى، وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللَّهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللَّهُ

Maksudnya: “Tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah, dan mulakanlah dengan sesiapa yang di bawah tanggunganmu, dan sebaik-baik sedekah itu adalah yang masih menjadikan pemberinya kaya dengan baki harta walaupun setelah memberi. Dan barangsiapa yang memelihara dirinya daripada meminta-minta, Allah akan memeliharanya; dan barangsiapa yang menahan dirinya daripada meminta pertolongan daripada makhluk, Allah akan mengayakannya.”

T: al-Bukhari.

4.1: Berusaha Menjadi “Al-Yad Al-‘Ulya”

Abu Hurayrah rahimahullah berkata: Daku telah mendengar Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda:

لَأَنْ يَغْدُوَ أَحَدُكُمْ فَيَحْطَبَ عَلَى ظَهْرِهِ، فَيَتَصَدَّقَ بِهِ وَيَسْتَغْنِيَ بِهِ مِنَ النَّاسِ،
خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ رَجُلًا أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ ذَلِكَ، فَإِنَّ الْيَدَ الْعُلْيَا أَفْضَلُ مِنَ
الْيَدِ السُّفْلَى، وَأَبْدَأُ بِمَنْ تَعُولُ

Maksudnya: “Untuk salah seorang daripada kamu berpagi-pagi hari dengan memikul kayu api di atas belakangnya, lalu dia (dapat) bersedekah dengan (hasil)nya dan mengayakan dirinya dengannya daripada manusia, maka itu adalah lebih baik (baginya) daripada dia meminta daripada seseorang lain, sama ada orang itu memberinya atau tidak. Sesungguhnya tangan yang di atas itu adalah lebih utama daripada tangan yang dibawah, dan mulakanlah dengan sesiapa yang di bawah tanggunganmu.”

T: Muslim.

4.2: Al-Yad Al-'Ulya Adalah Tangan Yang Memberi

Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda - sedang Baginda berada di atas mimbar, dan Baginda sedang menyebut tentang sedekah dan (kepentingan) menahan diri daripada meminta-minta - :

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَالْيَدُ الْعُلْيَا الْمُنْفِقَةُ، وَالسُّفْلَى السَّائِلَةُ

Maksudnya: “Tangan yang di atas itu adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah; dan tangan yang di atas itu ialah (tangan) yang memberi infaq, dan (tangan) yang di bawah itu ialah (tangan) yang meminta.”

T: Muslim

4.3: Mukmin Yang Kuat Itu Lebih Baik

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ
أَحْرَصُ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِنَ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا
تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنْ لَوْ
تَفْتَحَ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: “Mukmin yang kuat itu adalah lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah; Dan dalam setiap sesuatu itu ada kebaikan, berusaha di atas apa yang memberi manfaat kepadamu, dan mintalah pertolongan daripada Allah dan janganlah kamu lemah; Dan sekiranya sesuatu menimpa kamu, maka janganlah kamu katakan: Sesungguhnya andainya daku melakukan seperti ini dan seperti itu, akan tetapi katakanlah: Takdir Allah, dan Dia melakukan apa yang Dia kehendaki, maka sesungguhnya (kalimah) "andai" itu membuka amalan Syaitan.”

T: Muslim; Ibn Majah; al-Nasa'i – al-Sunan al-Kubra; Ahmad; Ibn Hibban; dan lain-lain.

5: KEKAYAAN SEBENAR ADALAH KEKAYAAN JIWA

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

لَيْسَ الْغِنَى عَنْ كَثْرَةِ الْعَرَضِ، وَلَكِنَّ الْغِنَى غِنَى النَّفْسِ

Maksudnya: “Bukanlah kekayaan (yang sebenar) itu kerana harta yang banyak, akan tetapi kekayaan (yang sebenar) ialah kekayaan diri/jiwa/hati.”

T: al-Bukhari dan Muslim.

5.1: Kaya Hati Dan Faqir Hati

Abu Dharr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda kepada beliau:

يَا أَبَا ذَرٍّ أَتَرَى كَثْرَةَ الْمَالِ هُوَ الْغِنَى؟ ، قُلْتُ: نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: فَتَرَى قِلَّةَ الْمَالِ هُوَ الْفَقْرُ؟ ، قُلْتُ: نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: إِنَّمَا الْغِنَى غِنَى الْقَلْبِ، وَالْفَقْرُ فَقْرُ الْقَلْبِ .

Maksudnya: “Wahai Abu Dharr, adakah kamu melihat banyaknya harta sebagai kekayaan?. Daku berkata: Ya, wahai Rasulullah!. Baginda bersabda: “Dan kamu melihat sedikitnya harta sebagai kefaqiran?. Daku berkata: Ya, wahai Rasulullah!. Baginda bersabda: Hanyasanya kekayaan itu adalah kekayaan jiwa/hati, dan kefaqiran itu adalah kefaqiran jiwa/hati.”

T: Ibn Hibban; al-Nasa'i; al-Hakim; al-Tabarani - Musnad al-Shamiyyin dan lain-lain.

5.2: Zuhud

Sahl Ibn Sa'd al-Sa'idi رضي الله عنه berkata:

أَتَى النَّبِيَّ ﷺ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، دُلَّنِي عَلَى عَمَلٍ إِذَا أَنَا عَمَلْتُهُ
أَحَبَّنِي اللَّهُ، وَأَحَبَّنِي النَّاسُ.

Maksudnya: “Telah datang kepada Nabi ﷺ seorang lelaki, lalu dia berkata: Wahai Rasulullah! Tunjukkanlah kepadaku satu amalan yang mana apabila aku mengamalkannya, maka Allah akan menyintaiku, dan manusia (juga) akan menyintaiku.

Maka Rasulullah ﷺ bersabda:

إِزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللَّهُ، وَإِزْهَدْ فِي أَيِّدِي النَّاسِ يُحِبُّوكَ

Maksudnya: "Zuhudlah pada dunia, maka Allah akan menyintaimu, dan zuhudlah pada apa yang ada di tangan manusia, maka mereka akan menyintaimu."

T: Ibn Majah; al-Hakim; al-Quda'i – Musnad al-Shihab; al-Tabarani - al-Kabir; dan lain-lain.

5.3: Qana'ah (a): Merasa Cukup Dengan Kurniaan Allah ﷻ

'Abdullah Ibn 'Amr Ibn al-'As رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ أَسْلَمَ، وَرُزِقَ كَفَافًا، وَفَنَّعَهُ اللَّهُ بِمَا آتَاهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya telah berjaya sesiapa yang beragama Islam, dan diberi rezeki yang cukup, dan Allah menjadikannya berasa cukup (*qana'ah*) dengan apa yang telah dikurniakan oleh-Nya.”

T: Muslim.

5.4: Qana'ah (b)

Fadalah Ibn 'Ubayd رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

طُوبَى لِمَنْ هُدِيَ إِلَى الْإِسْلَامِ وَكَانَ عَيْشُهُ كَفَافًا وَقَعَّ

Maksudnya: "Bertuahlah bagi sesiapa yang diberi petunjuk kepada Islam dan hidupnya itu mencukupi dan dia berasa cukup (dengan kurniaan Allah kepadanya)."

T: al-Tirmidhi: Hadith baik lagi sah.

5.5: Qana'ah (c)

Jabir Ibn 'Abdullah al-Ansari رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالْقَنَاعَةِ، فَإِنَّ الْقَنَاعَةَ مَالٌ لَا يَنْفَدُ

Maksudnya: "Hendaklah kamu bersifat dengan *qana'ah*, maka sesungguhnya *qana'ah* itu adalah harta yang tidak akan habis."

T: al-Tabarani; al-Bayhaqi - al-Zuhd al-Kabir dan lain-lain.

5.6: Syukur

al-Nu'man Ibn Bashir al-Ansari رضي الله عنه berkata: Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda - sedang Baginda (berada) di atas mimbar -:

مَنْ لَمْ يَشْكُرْ الْقَلِيلَ، لَمْ يَشْكُرْ الْكَثِيرَ، وَمَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ،
التَّحَدُّثُ بِنِعْمَةِ اللَّهِ شُكْرٌ، وَتَرْكُهَا كُفْرٌ، وَالْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ، وَالْفُرْقَةُ عَذَابٌ

Maksudnya: "Sesiapa tidak bersyukur di atas nikmat yang sedikit, tidak akan bersyukur di atas nikmat yang banyak; Dan sesiapa yang tidak mensyukuri manusia, tidak akan bersyukur kepada Allah ﷻ; Berbicara tentang nikmat Allah itu adalah satu kesyukuran dan meninggalkannya merupakan kekufuran (kufur nikmat); Dan bersatu/berjemaah itu adalah rahmat dan perpecahan itu adalah azab."

T: Ahmad; al-Bazzar; al-Qudā'i - Musnad al-Shihab; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.

5.7: Wara', Qana'ah Dan Lain-Lain

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

يَا أَبَا هُرَيْرَةَ، كُنْ وَرِعًا تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ، وَكُنْ قَنَعًا تَكُنْ أَشْكَرَ النَّاسِ،
وَأَحَبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ تَكُنْ مُؤْمِنًا، وَأَحْسِنْ جِوَارَ مَنْ جَاوَرَكَ تَكُنْ
مُسْلِمًا، وَأَقَلَّ الضَّحِكُ فَإِنَّ كَثْرَةَ الضَّحِكِ تُمِيتُ الْقَلْبَ

Maksudnya: “Wahai Abu Hurairah! Jadilah seorang yang wara', kamu akan menjadi manusia yang paling banyak beribadat; dan jadilah seseorang yang merasa cukup dengan apa yang dimilikinya, kamu akan menjadi manusia yang paling bersyukur; dan cintailah bagi manusia apa yang engkau suka bagi dirimu, kamu akan menjadi seorang mukmin (yang sempurna); dan berbuat baiklah kepada orang yang berhampiran/ berjiran denganmu, kamu akan menjadi seorang muslim (yang sempurna); dan kurangkan ketawa, maka sesungguhnya banyak ketawa itu mematikan hati.”

T: Ibn Majah; al-Tirmidhi; Ahmad; al-Mawsili; al-Tabarani – Musnad al-Shamiyyin dan lain-lain.

5.8 Amanah Adalah Satu Kekayaan

Anas Ibn Malik رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

الْأَمَانَةُ غِنَى

“Amanah itu adalah satu kekayaan.”

T: al-Shihāb al-Qudā'ī – Musnad al-Shihāb.

Hadith ini juga diriwayatkan dengan matan yang sama secara *Mursal* oleh Ibn Abi al-Dunya (281H) di dalam *Makārim al-Akhlaq* dari Muslim al-Baṭīn al-Kūfī (*Thiqah*).

6: MEMILIH YANG HALAL DAN BERSIKAP WARAK

Al-Nu'man Ibn Bashir رضي الله عنه berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

الْحَلَالُ بَيِّنٌ وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ
اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَعَ يَرَعَى
حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي
أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا
فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: “Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang kabur (shubhat). Ramai dari kalangan manusia tidak mengetahui perkara-perkara tersebut.

Maka barangsiapa yang memelihara dirinya daripada perkara-perkara shubhat, maka dia telah mencari keselamatan bagi agama dan maruahnyanya. Dan barangsiapa yang berada di dalam perkara-perkara shubhat, pastinya dia akan jatuh ke dalam perkara yang haram. Ia adalah seperti seorang pengembala yang mengembala haiwannya di sekeliling kawasan larangan (raja), maka dia pasti sangat hampir untuk mengambil bahagian makanan daripada kawasan larangan tersebut. Dan sesungguhnya bagi setiap raja itu kawasan larangan, dan kawasan larangan Allah ﷻ adalah perkara-perkara yang diharamkanNya.

Ambillah perhatian, sesungguhnya di dalam jasad ini ada seketul daging, apabila ia baik, maka baik lah seluruh badan, dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh badan; Ambillah perhatian, dan daging itu ialah jantung/ hati sanubari.”

T: al-Bukhari dan Muslim

6.1: Kerosakan Zaman Di Mana Status Harta Halal Atau Haram Tidak Diberi Perhatian

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ، لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ، أَمِنَ الْحَلَالَ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ؟

Maksudnya: “Akan datang satu masa kepada manusia satu zaman di mana seseorang itu tidak ambil peduli dari manakah dia mengambil hartanya, adakah daripada sumber yang halal, atau daripada sumber yang haram?”

T: al-Bukhari; al-Nasa'i; al-Darimi; Ahmad; Ibn Hibban; al-Bayhaqi; dan lain-lain.

6.2: Meninggalkan Perkara Yang Meragukan

Al-Hasan Ibn ^oAli رضي الله عنه - cucu Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan kesayangan Baginda – berkata: Daku menghafaz daripada Rasulullah صلى الله عليه وسلم (bahawa Baginda صلى الله عليه وسلم bersabda):

دَعْ مَا يَرِيبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيبُكَ

Maksudnya: “Tinggalkan lah apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau.”

T: al-Nasa'i dan al-Tirmidhi dan beliau berkata: Baik lagi sah.

6.3: Wara' Adalah Sebaik-Baik Agama

Huzayfah Ibn al-Yaman رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

فَضْلُ الْعِلْمِ خَيْرٌ مِنْ فَضْلِ الْعِبَادَةِ، وَخَيْرٌ دِينِكُمْ الْوَرَعُ

Maksudnya: “Keutamaan ilmu adalah lebih baik daripada keutamaan ibadat, dan sebaik-baik agama kamu adalah wara'.”

T: al-Tabarani di dalam al-Mu'jam al-Awsat dengan sanad yang baik.

7: MENGAYAKAN DIRI DARIPADA MEMINTA-MINTA DAN BERHAJAT KEPADA ORANG LAIN

al-Zubayr Ibn al-^cAwwam رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَأْتِيَ بِحُزْمَةِ الْحَطَبِ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَبِيعَهَا فَيَكُفَّ اللَّهُ بِهَا وَجْهَهُ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ

Maksudnya: “Untuk seseorang daripada kamu mengambil talinya, lalu dia mendatangkan dengan satu ikatan kayu api di atas belakangnya itu, dan kemudian menjualnya, lalu Allah memelihara dengannya air mukanya, adalah lebih baik baginya daripada dia meminta daripada manusia, lalu mereka memberinya atau menghalang pemberian mereka.”

T: al-Bukhari; Ibn Majah, Ahmad dan lain-lain.

7.1: Didikan Rasulullah ﷺ Agar Tidak Meminta-Minta

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ أَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَسْأَلُهُ، فَقَالَ: "أَمَا فِي بَيْتِكَ شَيْءٌ؟" قَالَ: بَلَى، حِلْسٌ نَلْبَسُ بَعْضُهُ وَنَبْسُطُ بَعْضُهُ وَقَعْبٌ نَشْرَبُ فِيهِ مِنَ الْمَاءِ، قَالَ: "اِئْتِنِي بِهِمَا"، قَالَ: فَأَتَاهُ بِهِمَا فَأَخَذَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِيَدِهِ، وَقَالَ: "مَنْ يَشْتَرِي هَذَيْنِ؟" قَالَ رَجُلٌ: أَنَا أَخَذَهُمَا بِدَرَاهِمٍ، قَالَ: "مَنْ يَزِيدُ عَلَي دِرْهَمٍ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا، قَالَ رَجُلٌ: أَنَا أَخَذَهُمَا بِدَرَاهِمَيْنِ، فَأَعْطَاهُمَا إِيَّاهُ وَأَخَذَ الدَّرَاهِمَيْنِ وَأَعْطَاهُمَا الْأَنْصَارِيَّ، وَقَالَ: "اشْتَرِ بِأَحَدِهِمَا طَعَامًا فَاذْبُذْهُ إِلَى أَهْلِكَ وَاشْتَرِ بِالْآخَرِ قَدُومًا فَأْتِنِي بِهِ"، فَأَتَاهُ بِهِ، فَشَدَّ فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عُوْدًا بِيَدِهِ، ثُمَّ قَالَ لَهُ: "اذْهَبْ فَاحْتَطِبْ وَبِعْ وَلَا أَرِيَنَّكَ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا"، فَذَهَبَ الرَّجُلُ يَحْتَطِبُ وَيَبِيعُ فَجَاءَ وَقَدْ أَصَابَ عَشْرَةَ دَرَاهِمٍ فَاشْتَرَى

بِبَعْضِهَا ثَوْبًا وَبِبَعْضِهَا طَعَامًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: هَذَا خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ
تَجِيءَ الْمَسْأَلَةَ نُكْتَةً فِي وَجْهِكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَصْلُحُ إِلَّا لِثَلَاثَةٍ:
لِذِي فَقْرٍ مُدْقِعٍ، أَوْ لِذِي غُرْمٍ مُفْطَعٍ، أَوْ لِذِي دَمٍ مُوجِعٍ

Maksudnya: "Seorang lelaki daripada Ansar telah datang kepada Nabi ﷺ dan meminta (diberikan sesuatu) daripada Baginda. Maka Baginda bertanya: Apakah di rumah kamu tidak ada sesuatu apa pun?. Dia menjawab: Bahkan, kain kasar yang kami pakai sebahagiannya dan kami bentangkan sebahagiannya, dan bekas yang kami minum daripadanya air. Baginda bersabda: Berikan kedua-duanya kepadaku.

(Anas) berkata: Maka lelaki itu pun mendatangkan kedua-duanya dan Rasulullah ﷺ mengambilnya dengan tangan Baginda yang mulia dan bersabda: Siapakah yang mahu membeli kedua-dua barang ini?. Seorang lelaki menjawab: Daku membelinya dengan satu dirham. Baginda bersabda: Siapakah yang mahu membelinya dengan lebih daripada satu dirham?, sebanyak dua atau tiga kali. Seorang lelaki menjawab: Daku membelinya dengan dua dirham. Maka Baginda pun memberikan kedua-dua barang itu kepadanya dan mengambil dua dirham tersebut dan memberikannya kepada lelaki Ansar tersebut dan Baginda bersabda: Belilah dengan salah satu (dirham)nya makanan dan hantarkannya kepada keluargamu, dan belilah dengan yang satu (dirham) lagi kepala kapak dan datanglah kepadaku dengannya.

Maka dia pun mendatangi Rasulullah ﷺ dengannya, lalu Rasulullah ﷺ mengikat batang kayu padanya dengan tangan Baginda yang mulia, kemudian Baginda bersabda kepadanya: Pergilah, dan potonglah kayu api, dan juallah, dan janganlah daku melihat kamu (di sini) dalam masa lima belas hari.

Maka lelaki tersebut pun mencari dan mengumpulkan kayu api dan menjualnya. Kemudian, dia datang setelah berjaya mendapatkan sepuluh dirham. Lalu dia membeli pakaian dengan sebahagiannya dan makanan dengan sebahagiannya.

Maka Rasulullah ﷺ pun bersabda: Ini adalah lebih baik bagi kamu daripada (sikap) meminta-minta itu datang sebagai satu titik hitam di wajahmu pada hari Kiamat. Sesungguhnya permintaan itu tidaklah baik melainkan bagi tiga manusia: (i) bagi orang yang

mempunyai kefaqiran yang sangat mendesak; atau (ii) orang yang mempunyai hutang yang sangat berat; atau (iii) orang yang mempunyai (pampasan) darah yang menyakitkan."

T: Abu Dawud; Ibn Majah; Ahmad; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.

7.2: Meminta-Minta adalah Pintu Kefakiran

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَا يَفْتَحُ الْإِنْسَانُ عَلَى نَفْسِهِ بَابَ مَسْأَلَةٍ، إِلَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ بَابَ فَقْرٍ، يَأْخُذُ
الرَّجُلُ حَبْلَهُ فَيَعْمِدُ إِلَى الْجَبَلِ، فَيَحْتَطِبُ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَأْكُلُ بِهِ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ
يَسْأَلَ النَّاسَ مُعْطَى أَوْ مَمْنُوعًا

Maksudnya: "Tidaklah membuka seseorang manusia ke atas dirinya pintu meminta-minta, melainkan Allah akan membukakan ke atasnya pintu kefaqiran. (Sekiranya) seorang lelaki tu mengambil talinya dan kemudian pergi ke bukit, lalu dia memotong dan mengumpulkan kayu api di atas belakangnya, dan kemudian dia mendapatkan makanan dengannya, (itu) adalah lebih baik daripada dia meminta-minta daripada manusia, sama ada dia diberi atau tidak diberi."

T: Ahmad; Ibn Hibban; Abu Ya'la al-Mawsili dan lain-lain.

7.3: Kefakiran Itu Dekat Dengan Kekufuran

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُونَ كُفْرًا، وَكَادَ الْحَسَدُ أَنْ يَغْلِبَ الْقَدْرَ

Maksudnya: "Kefakiran itu telah begitu hampir untuk menjadi kekufuran, dan hasad dengki itu telah begitu hampir untuk menolak ketentuan (Allah)."

T: al-Bayhaqi – Shu'ab al-Iman; al-Quda'i – Musnad al-Shihab; Abu Nu'aym al-Asbahani – Hilyat al-Awliya' dan Akhbar Asbahan.

7.4: Azab Bagi Sikap Meminta-Minta Yang Berterusan

Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

لَا تَزَالُ الْمَسْأَلَةُ بِأَحَدِكُمْ حَتَّى يَلْقَى اللَّهَ، وَلَيْسَ فِي وَجْهِهِ مِرْعَةٌ لَحْمٍ

Maksudnya: "(Jika) sikap meminta-minta itu terus dilakukan oleh salah seorang daripada kamu, (maka) dia (akan) berjumpa dengan Allah (pada hari Kiamat) kelak, dalam keadaan tidak ada sepotong daging pun di wajahnya."

T: Muslim; al-Bukhari; al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain..

7.5: Azab Bagi Sikap Meminta-Minta Untuk Memperbanyakkan Harta

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ سَأَلَ النَّاسَ أَمْوَالَهُمْ تَكْثُرًا، فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا، فَلَيْسَتْ قِلٌّ أَوْ لَيْسَتْ كَثْرٌ

Maksudnya: "Barangsiapa yang meminta daripada manusia harta-harta mereka untuk memperbanyakkan harta mereka sendiri (bukan kerana hajat), maka hanyasanya mereka sedang meminta batu (yang panas), maka sedikitkanlah atau perbanyakkanlah (hal itu)."

T: Muslim; Ibn Majah; Ahmad; Ibn Hibban; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

7.6: Tidak Mengeluh Dalam Menghadapi Kesusahan

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ نَزَلَتْ بِهِ فَاقَةٌ فَأَنْزَلَهَا بِالنَّاسِ لَمْ تُسَدَّ فَاقَتُهُ، وَمَنْ نَزَلَتْ بِهِ فَاقَةٌ فَأَنْزَلَهَا بِاللَّهِ
فِيُوشِكُ اللَّهُ لَهُ بِرِزْقٍ عَاجِلٍ أَوْ آجِلٍ

Maksudnya: "Barangsiapa yang turun ke atasnya satu kepayahan, lalu dia meletakkannya kepada manusia, kepayahannya itu tidak akan ditampung. Dan barangsiapa yang turun ke atasnya satu kepayahan, lalu dia meletakkan (kebergantungannya) kepada

Allah, maka hampir-hampir Allah akan mendatangkannya rezeki yang cepat atau lambat."

T: al-Tirmidhi; Abu Dawud; Ahmad; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

7.7: Memelihara Diri Dari Meminta-Minta

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

اسْتَعْفِفْ عَنِ السُّؤَالِ مَا اسْتَطَعْتَ

Maksudnya: "Peliharalah dirimu daripada meminta-minta sedaya yang kamu mampu."

T: al-Quda'i -Musnad al-Shihab.

8: REZEKI ADALAH KETENTUAN ALLAH ﷻ

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ telah memberitahu kami – dan Baginda ﷺ adalah seorang yang benar lagi dipercayai:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً
مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ
الرُّوحَ وَيُؤَمِّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ بَكْتَبِ رِزْقِهِ، وَأَجَلِهِ، وَعَمَلِهِ، وَشَقِيٍّ، أَوْ سَعِيدٍ،
فَوَالَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ
وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا،
وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ،
فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا.

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap seorang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam perut ibunya selama empat puluh hari, kemudian ia menjadi sebuku darah beku dalam tempoh seumpama itu, kemudian ia menjadi seketul daging dalam tempoh seumpama itu. Kemudian, Allah ﷻ akan mengutuskan kepadanya satu malaikat, lalu dia meniupkan padanya roh, dan diperintahkan dengan empat kalimah: dituliskan rezekinya, amalannya, ajalnya, dan sama ada dia seorang yang sengsara atau bahagia.

Maka demi (Allah) yang tiada Tuhan melainkannya, sesungguhnya salah seorang kamu akan beramal dengan amalan seorang ahli syurga sehingga di antaranya dan syurga tersebut hanyalah sehasta, maka penulisan tersebut mendahuluinya, lalu dia beramal dengan amalan ahli neraka dan akan memasukinya. Dan sesungguhnya salah seorang kamu akan beramal dengan amalan seorang ahli neraka sehingga di antaranya dan neraka tersebut hanyalah sehasta, maka penulisan tersebut mendahuluinya, lalu dia beramal dengan amalan ahli syurga dan akan memasukinya.”

T: Muslim; al-Bukhari; al-Tirmidhi; Abu Dawud; Ibn Majah; Ahmad dan lain-lain.

8.1: Rezeki Adalah Menurut Kehendak Allah ﷻ, Bukan Kehendak
Makhluk

°Abdullah Ibn °Abbas ﷺ berkata:

كُنْتُ رَدِيفَ النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: " يَا غُلَامُ أَوْ يَا غُلِيمَ أَلَا أَعَلَّمُكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ
اللَّهُ بِهِنَّ؟ "، فَقُلْتُ: بَلَى. فَقَالَ: " أَحْفَظْ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، أَحْفَظْ اللَّهَ تَجِدْهُ
أَمَامَكَ، تَعْرِفْ إِلَيْهِ فِي الرَّخَاءِ، يَعْرِفَكَ فِي الشَّدَّةِ، وَإِذَا سَأَلْتَ، فَاسْأَلِ اللَّهَ،
وَإِذَا اسْتَعْنَتْ، فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، قَدْ جَفَّ الْقَلَمُ بِمَا هُوَ كَائِنٌ، فَلَوْ أَنَّ الْخَلْقَ
كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَرَادُوا أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَكْتُبْهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، لَمْ يَقْدِرُوا عَلَيْهِ، وَإِنْ
أَرَادُوا أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَكْتُبْهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، لَمْ يَقْدِرُوا عَلَيْهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ فِي
الصَّبْرِ عَلَى مَا تَكَرَّهُ خَيْرًا كَثِيرًا، وَأَنَّ النَّصْرَ مَعَ الصَّبْرِ، وَأَنَّ الْفَرْجَ مَعَ
الْكَرْبِ، وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا.

Maksudnya: "Pernah satu ketika daku berada di belakang Nabi ﷺ di atas tunggangan, maka Baginda bersabda: Wahai budak kecil, apakah tidak kamu mahu aku ajarkan kepada kamu kalimah-kalimah yang Allah akan memberi kamu manfaat dengannya?. Maka daku menjawab: Bahkan. Maka Baginda bersabda:

“Peliharalah Allah, Allah akan memeliharamu. Peliharalah Allah, kamu akan mendapatinya di hadapanmu. Perkenalkanlah dirimu kepadanya dalam keadaan senang, Dia akan mengenalmu (mengingatimu) dalam keadaan susah. Dan apabila engkau meminta, maka pintalah daripada Allah, dan apabila engkau meminta pertolongan, maka mintalah pertolongan daripada Allah. Sesungguhnya pena itu telah kering pada mencatatkan apa yang akan berlaku. Maka sekiranya para makhluk itu semuanya seluruhnya mahu memberi kamu manfaat dengan sesuatu yang tidak dituliskan oleh Allah ke atasmu, maka mereka tidak akan mampu berbuat demikian. Dan sekiranya mereka mahu memudaratkan kamu dengan sesuatu yang tidak ditulis oleh Allah ke atas kamu, maka mereka tidak mampu berbuat demikian. Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya di dalam kesabaran terhadap apa

yang kamu tidak suka itu kebaikan yang banyak, dan sesungguhnya kemenangan adalah bersama kesabaran, dan sesungguhnya bersama kepayahan itu ada jalan keluar, dan sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangan."

T: Ahmad; al-Tirmidhi; al-Hakim dan lain-lain.

8.2: Rezeki Adalah Pasti Seumpama Mati (a)

Ummu al-Darda' رضي الله عنها berkata: Daku telah mendengar Abu al-Darda' رضي الله عنه berkata:

لَوْ أَنَّ رَجُلًا هَرَبَ مِنْ رِزْقِهِ، كَهَرَبِهِ مِنَ الْمَوْتِ، لَأَدْرَكَهُ رِزْقُهُ كَمَا يَدْرِكُهُ
الْمَوْتُ

Maksudnya: "Sekiranya seseorang lelaki itu melarikan diri daripada rezekinya sepertimana dia melarikan diri daripada kematian, pasti rezekinya akan mendapatkannya sepertimana kematian akan mendapatkannya jua."

T: al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman.

8.3: Rezeki Adalah Pasti Seumpama Mati (b)

Mu'adh Ibn Jabal رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَوْ هَرَبَ عَبْدٌ مِنْ رِزْقِهِ كَمَا يَهْرُبُ مِنَ الْمَوْتِ، لَأَتَاهُ رِزْقُهُ كَمَا يَأْتِيهِ الْمَوْتُ

Maksudnya: "Sekiranya seseorang hamba itu melarikan diri daripada rezekinya sepertimana dia melarikan diri daripada kematian, pasti rezekinya akan mendatangnya sepertimana kematian akan mendatangnya jua."

T: al-Asqalani - Al-Matalib al-Aliyah.

9: MENJAUHI CINTA DUNIA, SIFAT BAKHIL DAN BOROS

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَا يَبْتَغَى ثَالِثًا، وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ، إِلَّا التُّرَابُ، وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ.

Maksudnya: “Sekiranya bagi seseorang anak Adam itu dua lembah daripada harta, pasti dia akan mencari yang ketiga. Dan tidak akan memenuhi kerongkong anak Adam itu melainkan tanah, dan Allah menerima taubat daripada sesiapa yang bertaubat.”

T: Al-Bukhari; Muslim; Ahmad; al-Bayhaqi; Ibn Hibban dan lain-lain.

9.1: Cinta Dunia Dan Panjang Angan-Angan

Abu Hurayrah رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَا يَزَالُ قَلْبُ الْكَبِيرِ شَابًّا فِي اثْنَتَيْنِ: فِي حُبِّ الدُّنْيَا، وَطُولِ الْأَمَلِ

Maksudnya: “Hati seorang manusia yang tua itu tetap muda remaja pada dua perkara: pada (i) menyintai dunia, (ii) dan panjang angan-angan.”

T: Al-Bukhari.

9.2: Orang Yang Mengejar Dunia Tidak Akan Kenyang

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْهُمَانِ لَا يَشْبَعَانِ: مَنْهُمُ فِي عِلْمٍ لَا يَشْبَعُ، وَمَنْهُمُ فِي دُنْيَا لَا يَشْبَعُ

Maksudnya: “Manusia yang berada di dalam dua kerisauan/kecintaan tidak akan pernah kenyang: (i) Seorang yang risau/cinta pada ilmu tidak akan pernah kenyang, (ii) Seorang yang risau/cinta pada dunia (juga) tidak akan pernah kenyang.”

T: Al-Hakim.

9.3: Cinta Dunia Adalah Penyakit Hati Yang Melemahkan Umat Ini

Thawban رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

يُوشِكُ الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا، فَقَالَ قَائِلٌ:
وَمِنْ قِلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ؟ قَالَ: بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ كَغُثَاءِ السَّيْلِ
وَلَيَنْزَعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمُهَابَةَ مِنْكُمْ وَلَيَقْذِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمْ
الْوَهْنَ، فَقَالَ قَائِلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْوَهْنُ؟ قَالَ: حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ
المُوتِ.

Maksudnya: “Telah hampir (masanya) umat-umat (yang lain) akan panggil memanggil untuk menyerang kamu sepertimana orang-orang yang mahu makan memanggil sesama mereka kepada hidangan mereka. Maka seseorang berkata: Dan adakah disebabkan kami sedikit pada waktu itu?. Baginda bersabda: Bahkan kamu semua pada hari itu ramai, akan tetapi kamu umpama kotoran yang mengalir bersama buih-buih air dan Allah pasti akan mencabut daripada dada-dada musuh kamu ketakutan terhadap kamu, dan Allah akan pasti mencampakkan di dalam hati-hati kamu *al-wahn*. Maka seseorang bertanya: Wahai Rasulullah! Apakah itu *al-wahn*?. Baginda bersabda: Cinta dunia dan bencikan kematian.”

T: Abu Dawud.

9.4: Tiga Akibat Cinta Dunia

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ أَشْرَبَ حُبَّ الدُّنْيَا التَّاطَ مِنْهَا بِثَلَاثٍ: شَقَاءٌ لَا يَنْفَدُ عَنَاؤُهُ، وَحِرْصٌ لَا يَبْلُغُ غِنَاهُ، وَأَمَلٌ لَا يَبْلُغُ مُتْتَهَاهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang minum kecintaan kepada dunia, akan melekat padanya tiga perkara: (i) Kesengsaraan yang tidak akan habis keperitannya, (ii) dan sikap tamak yang tidak akan mencapai kekayaannya, (iii) dan cita-cita yang tidak akan sampai ke penghujungnya.”

T: al-Quda'i – Musnad al-Shihab.

9.5: Harta Manusia Ialah Apa Yang Dia Guna Dan Pakai

Abdullah Ibn al-Shakhir al-Harshi رضي الله عنه berkata:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم وَهُوَ يَقْرَأُ "أَلْهَاكُمُ التَّكَاثُرُ" قَالَ: يَقُولُ ابْنُ آدَمَ: مَا لِي مَالِي، قَالَ: وَهَلْ لَكَ يَا بَنَ آدَمَ مِنْ مَالِكَ إِلَّا مَا أَكَلْتَ، فَأَفْنَيْتَ أَوْ لَبَيْتَ، فَأَبْلَيْتَ أَوْ تَصَدَّقْتَ، فَأَمْضَيْتَ.

Maksudnya: “Daku telah datang kepada Nabi صلى الله عليه وسلم dan Baginda sedang membaca “*Alhakumut takathur*”, (kemudian) Baginda bersabda: Anak Adam berkata: Hartaku, hartaku. (Dan) Baginda bersabda lagi: Dan adakah bagi kamu wahai Anak Adam daripada hartamu melainkan apa yang telah engkau makan, maka engkau habiskannya, atau apa yang engkau pakai, lalu engkau rosakkannya, atau apa yang engkau sedekahkan, maka engkau telah kekalkannya.”

T: Muslim; al-Tirmidhi; al-Nasa'i - al-Sughra; Ahmad; Ibn Hibban dan lain-lain.

9.6: Mengekalkan Dunia Dengan Menjadikannya Untuk Akhirat

‘A’ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa:

أَتَتْهُمْ ذَبْحُوا شَاةً، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "مَا بَقِيَ مِنْهَا؟" قَالَتْ: "مَا بَقِيَ مِنْهَا إِلَّا كَتِفُهَا، قَالَ: "بَقِيَ كُلُّهَا غَيْرَ كَتِفِهَا."

Maksudnya: "Sesungguhnya mereka telah menyembelih seekor kambing, maka Nabi ﷺ bertanya: Apakah yang masih berbaki daripadanya?. Beliau menjawab: Tidak ada yang berbaki daripadanya melainkan pahanya. Baginda bersabda: Kekal semuanya kecuali pahanya."

T: al-Tirmidhi; Ahmad; Ishaq Ibn Rahawayh dan lain-lain.

9.7: Kesederhanaan

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنهما meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

الْإِقْتِصَادُ فِي النَّفَقَةِ نِصْفُ الْمَعِيشَةِ، وَالتَّوَدُّدُ إِلَى النَّاسِ نِصْفُ الْعَقْلِ، وَحُسْنُ السُّؤَالِ نِصْفُ الْعِلْمِ.

Maksudnya: "Bersederhana pada nafaqah adalah satu perdua daripada kehidupan, dan menzahirkan kecintaan kepada manusia/orang lain ialah satu perdua akal dan pertanyaan/soalan yang baik adalah satu perdua ilmu."

T: al-Bayhaqi.

9.8: Sikap Berhemah/Bersederhana

Jabir رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

الرِّفْقُ فِي الْمَعِيشَةِ خَيْرٌ مِنْ بَعْضِ التَّجَارَةِ

Maksudnya: "Berhemah/serdhana di dalam kehidupan adalah lebih baik daripada sebahagian perniagaan."

*T: al-Tabarani - al-Awsat; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman; Ibn
cAsakir - Tarikh Dimashq dan lain-lain.*

10: KEPENTINGAN PENGURUSAN DAN PERANCANGAN HARTA

Shaddad Ibn Aws al-Ansari رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا
وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ.

Maksudnya: “Orang yang bijak itu ialah orang yang menghisab (menghitung) dirinya (di dunia ini) dan beramal untuk apa yang ada selepas mati (di Akhirat), dan orang yang lemah itu ialah orang yang memperhambakan dirinya kepada hawa nafsunya dan (dalam masa yang sama) berangan-angan ke atas Allah (dengan kebaikan).”

T: al-Tirmidhi: Ini adalah hadith yang baik.

10.1: Lima (5) Perkara Sebelum Lima (5) Perkara

‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda kepada seorang lelaki ketika (Baginda) sedang menasihatinya:

اغْتَنِمْ حَمْسًا قَبْلَ حَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ،
وَغِنَاءَكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

Maksudnya: “Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara: usia remajamu sebelum datang usia tuamu, kesihatanmu sebelum sakitmu, kekayaanmu sebelum datangnya kefaqiranmu, dan waktu lapangmu sebelum waktu sibukmu, dan kehidupanmu sebelum kematianmu.”

T: al-Hakim, al-Bayhaqi: Shu‘ab al-Iman, dan lain-lain.

10.2: Sebelum Tujuh Perkara

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ سَبْعًا هَلْ تَنْتَظِرُونَ إِلَّا فَقْرًا مُنْسِيًّا، أَوْ غِنًى مُطْغِيًّا، أَوْ
مَرَضًا مُفْسِدًا، أَوْ هَرَمًا مُفْنِدًا، أَوْ مَوْتًا مُجْهِزًا، أَوِ الدَّجَالَ فَشَرُّ غَائِبٍ يُنْتَظَرُ،
أَوِ السَّاعَةِ فَالسَّاعَةُ أَذْهَى وَأَمْرٌ.

Maksudnya: “Bersegeralah dengan melakukan amalan-amalan (soleh) sebelum tujuh perkara. Tidaklah kamu menunggu melainkan kefaqiran yang melupakan, atau kekayaan yang melampaui batas, atau penyakit yang merosakkan, atau waktu tua yang melemahkan, atau kematian yang datang dengan cepat, atau Dajjal, maka itulah seburuk-buruk perkara ghaib yang ditunggu, atau hari Kiamat, maka hari Kiamat sesungguhnya sangat dahsyat dan amat pahit.”

T: Al-Tirmidhi; al-Hakim; Abu Ya'la al-Mawsili; al-Tabarani – al-Awsat dan lain-lain.

10.3: Lalai Pada Tiga Perkara (a)

Abdullah Ibn Amr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

الْغَفْلَةُ عَنْ ثَلَاثٍ: الْغَفْلَةُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ، وَالْغَفْلَةُ فِيمَا بَيْنَ طُلُوعِ الْفَجْرِ إِلَى
طُلُوعِ الشَّمْسِ، وَالْغَفْلَةُ أَنْ يَغْفَلَ الرَّجُلُ حَتَّى يَرْكَبَهُ الدَّيْنُ

Maksudnya: “Kelalaian itu daripada tiga perkara: (i) Kelalaian daripada zikrullah (mengingati Allah), dan (ii) kelalaian pada waktu di antara terbitnya fajar sehingga terbitnya matahari, dan (iii) kelalaian di mana seseorang lelaki itu terlupa sehingga hutang menungganginya.”

T: al-Busiri – Ittihaf al-Khiyarah al-Maharah.

10.4: Lalai Pada Tiga Perkara (b)

Abdullah Ibn Amr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

الْغَفْلَةُ فِي ثَلَاثٍ: عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ، وَحِينَ يُصَلِّي الصُّبْحَ إِلَى أَنْ تَطْلُعَ
الشَّمْسُ، وَغَفْلَةُ الْإِنْسَانِ عَنِ نَفْسِهِ حَتَّى يَرْكَبَهُ الدَّيْنُ.

Maksudnya: “Kelalaian itu pada tiga perkara: (i) Kelalaian daripada zikrullah عَلَيْكُمْ, dan (ii) ketika selesai mengerjakan solat Subuh sehingga matahari terbit, dan (iii) kelalaian seseorang manusia daripada dirinya sehingga hutang menungganginya.”

T: al-Asqalani – al-Matalib al-Aliyah.

10.5: Menghisab Diri Sebelum Dihisab

Dan diriwayatkan daripada Saidina Umar al-Khattab رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا، وَتَزَيِّنُوا لِلْعَرْضِ الْأَكْبَرِ وَإِنَّمَا يَخِفُّ
الْحِسَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى مَنْ حَاسَبَ نَفْسَهُ فِي الدُّنْيَا

Maksudnya: “Hisabkanlah diri-diri kamu sebelum kamu dihisab, dan berhiaslah untuk pembentangan (amalan) yang terbesar (di padang mahsyar nanti), dan hanyasanya hisab itu menjadi ringan di hari Kiamat nanti bagi orang-orang yang menghisab dirinya di dunia.”

T: al-Tirmidhi.

10.6: Menghisab Diri Ialah Satu Ketaqwaan

Dan diriwayatkan daripada Maymun Ibn Mahran bahawa beliau berkata:

لَا يَكُونُ الْعَبْدُ تَقِيًّا حَتَّى يُحَاسِبَ نَفْسَهُ كَمَا يُحَاسِبُ شَرِيكَهُ مِنْ أَيْنَ مَطْعَمُهُ
وَمَلْبَسُهُ

Maksudnya: “Seseorang hamba itu tidak akan menjadi (hamba yang benar-benar) bertaqwa sehinggalah dia menghitung dirinya sepertimana dia menghitung rakan perkongsiannya, daripada mana (sumber perbelanjaan bagi) makanan dan pakaiannya.”

T: al-Tirmidhi; Ibn Majah; Ahmad; al-Hakim; al-Bayhaqi; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Bazzar; al-Tabarani - al-Kabir dan lain-lain.

10.7: Dunia Dan Akhirat Dapat Diperolehi Dengan Ilmu

Diriwayatkan bahawa Saidina [°]Ali عليه السلام berkata:

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ.

Maksudnya: "Barangsiapa yang mahukan dunia ini, maka hendaklah dia mempunyai ilmu; dan barangsiapa yang mahukan Akhirat, maka hendaklah dia mempunyai ilmu; dan barangsiapa yang mahukan dunia dan Akhirat, maka hendaklah dia mempunyai ilmu.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

PENJANAAN HARTA (WEALTH CREATION)

Firman Allah ﷻ (al-Qasas: 77)

وَأَبْتِغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “[77] Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

11: KEWAJIPAN MENCARI REZEKI YANG HALAL

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

طَلَبُ الْحَلَالِ فَرِيضَةٌ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ

Maksudnya: "Mencari (rezeki) yang halal itu adalah satu kefarduan selepas kefarduan."

T: al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman: Daif; al-Quda'i - Musnad al-Shihab; al-Tabarani; Abu Nu'aym al-Asbahani – Hilyat al-Awliya'; al-Dhahabi - Siyar A'lam al-Nubala' dan lain-lain. Dengan komentar:

إسناده حسن في المتابعات والشواهد، رجاله ثقات عدا عباد بن راشد اليماني، وهو مقبول.

"Sanadnya hasan pada mutabi'at dan shawahid. Semua perawinya adalah thiqah kecuali Ibad Ibn Rashid al-Yamani, beliau adalah seorang yang diterima."

11.1: Mencari Rezeki Yang Halal Itu Adalah Wajib

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya: "Mencari (rezeki) yang halal itu adalah wajib ke atas setiap Muslim."

T: al-Tabarani - al-Awsat dan al-Daylami.

11.2: Mencari Yang Halal Mestilah Dengan Jalan Yang Baik

Jabir Ibn ^cAbdullah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ، فَإِنَّ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَوِيَ
رِزْقَهَا، وَإِنْ أَبْطَأَ عَنْهَا، فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ خُذُوا مَا حَلَّ وَدَعُوا مَا
حُرْمَ.

Maksudnya: “Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah ﷻ dan percantikkanlah (usaha kamu) dalam mencari (rezeki). Maka sesungguhnya sesuatu nyawa itu tidak akan mati sehinggalah dia menghabiskan rezekinya, sekalipun (rezeki) itu lambat (sampai) kepadanya. Maka bertaqwalah kepada Allah ﷻ dan percantikkanlah (usaha kamu) dalam mencari (rezeki). Ambillah apa yang halal dan tinggalkan apa yang haram.”

T: Ibn Majah.

11.3: Diampunkan Kerana Penat Bekerja (a)

al-Miqdad Ibn Ma^cdi Karib al-Zubaydi رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Nabi ﷺ bersabda:

مَا أَكَلَ الْعَبْدُ طَعَامًا أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ كَدِّ يَدِهِ، وَمَنْ بَاتَ كَالًا مِنْ عَمَلِهِ بَاتَ
مَغْفُورًا لَهُ.

Maksudnya: "Tidaklah seseorang hamba itu makan suatu makanan yang lebih dicintai Allah daripada usaha tangannya; dan barangsiapa yang tidur dalam keadaan penat daripada kerjanya, maka dia tidur dalam keadaan diampunkan baginya (oleh Allah ﷻ)."

T: Ibn ^cAsakir: Tarikh Dimashq.

11.4: Diampunkan Kerana Penat Bekerja (b)

‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَمْسَى كَالَّذِي مِنْ عَمَلِ يَدَيْهِ أَمْسَى مَغْفُورًا لَهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang berada di waktu petang dalam keadaan penat kerana usaha kedua-dua tangannya, maka dia berada di waktu petang dalam keadaan diampunkan baginya (oleh Allah ﷻ).”

T: *al-Tabarani- Al-Awsat.*

11.5: Mencari Rezeki Yang Halal Itu Adalah Satu Jihad

‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

طَلَبُ الْحَلَالِ جِهَادٌ.

Maksudnya: "Mencari (rezeki) yang halal itu adalah satu jihad."

T: *al-Quda‘i dan Ibn Abi al-Dunya – Islah al-Mal.*

11.6: Mencari Rezeki Yang Halal Adalah Satu Bentuk Jalan Allah ﷻ

Ka‘ab Ibn ‘Ujrah رضي الله عنه berkata:

مَرَّ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ رَجُلٌ، فَرَأَى أَصْحَابَ النَّبِيِّ ﷺ مِنْ جَلْدِهِ وَنَشَاطِهِ مَا
أَعْجَبَهُمْ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَوْ كَانَ هَذَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ
ﷺ: إِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى وَلَدِهِ صِغَارًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ خَرَجَ
يَسْعَى عَلَى أَبَوَيْنِ شَيْخَيْنِ كَبِيرَيْنِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ يَسْعَى عَلَى
نَفْسِهِ يَعْتُهَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ خَرَجَ رِيَاءً وَتَفَاخُرًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ
الشَّيْطَانِ.

Maksudnya: “Seorang lelaki telah lalu di hadapan Rasulullah ﷺ, maka para sahabat Nabi ﷺ yang melihatnya kagum dengan kekentalan dan kecergasannya. Maka mereka berkata: Wahai Rasulullah! Alangkah baik sekiranya ini dilakukan di jalan Allah?. Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Sekiranya dia keluar berusaha untuk anaknya yang kecil, maka dia berada di jalan Allah; dan sekiranya dia keluar berusaha untuk kedua-dua ibu bapanya yang tua, maka dia berada di jalan Allah; dan sekiranya dia keluar berusaha untuk dirinya agar dia dapat memelihara maruah dirinya (dari memintaminta), maka dia berada di jalan Allah; dan sekiranya dia keluar kerana riya' (menunjuk-nunjuk) dan berbangga-bangga, maka dia berada di jalan syaitan.”

T: al-Tabarani - al-Mu^cjam al-Saghir, al-Awsat dan al-Kabir.

12: KEUSAHAWANAN ADALAH USAHA MENCARI REZEKI PALING BAIK

Rafi^c Ibn Khadij al-Ansari رضي الله عنه berkata:

قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟ قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ.

Maksudnya: “Ditanya kepada Rasulullah ﷺ: Wahai Rasulullah! Apakah usaha pekerjaan yang paling baik?. Baginda ﷺ menjawab: Amalan/pekerjaan seseorang itu dengan tangannya dan setiap jual beli yang baik (bebas daripada unsur-unsur haram).”

T: Ahmad dan al-Hakim dengan sanad yang baik; al-Tabarani - Al-Awsat dan al-Kabir; al-Bayhaqi - Shu^cab al-Iman, dan lain-lain.

12.1: Keusahawanan Nabi Daud عليه السلام

Al-Miqdam Ibn Ma^cdi Karib al-Kindi رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ.

Maksudnya: “Tidak ada seorang pun yang makan satu makanan yang lebih baik daripada memakan daripada apa yang telah diusahakan oleh tangannya, dan sesungguhnya Nabi Allah Daud عليه السلام makan daripada apa yang diusahakan oleh tangannya.”

T: Al-Bukhari; Ahmad; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; al-Tabarani - Musnad al-Shamiyyin, al-Mu^cjam al-Kabir dan Shu^cab al-Iman dan lain-lain.

12.2: Mukmin Yang Bekerja Disukai Allah ﷻ

Abdullah Ibn Umar ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُؤْمِنَ الْمُحْتَزِفَ.

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah sukakan seorang mukmin yang bekerja (membuat sesuatu)."

T:al-Quda'i - Musnad al-Shihab; al-Tabarani - Al-Awsat dan al-Kabir; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.

13: GALAKAN MENGUSAHAKAN TANAH

°A'ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَعْمَرَ أَرْضًا لَيْسَتْ لِأَحَدٍ فَهُوَ أَحَقُّ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang membangunkan sesebuah tanah yang tidak dimiliki oleh sesiapa, maka dialah yang paling berhak baginya.”

°Urwah Ibn al-Zubayr berkata:

قَضَى بِهِ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي خِلَافَتِهِ

Maksudnya: “°Umar رضي الله عنه telah membuat keputusan penghakiman dengannya di zaman khilafah beliau.”

T: al-Bukhari.

13.1: Tanah Yang Mati Ialah Bagi Pengusahanya (a)

°A'ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مَيِّتَةً لَيْسَتْ لِأَحَدٍ فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menghidupkan sesuatu bidang tanah yang mati dan tidak dimiliki oleh sesiapa pun, maka dialah yang paling berhak dengannya.”

T: Al-Nasa'i – al-Sunan al-Kubra.

13.2: Tanah Yang Mati Ialah Bagi Pengusahanya (b)

Sa'id Ibn Zayd رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ أَحْيَى أَرْضًا مَيِّتَةً فَهِيَ لَهُ، وَلَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menghidupkan sesuatu bidang tanah yang mati, ia adalah baginya; dan tidak ada bagi (usaha) peluh si zalim itu sebarang hak.”

T: al-Tirmidhi.

13.3: Hasil Bumi Adalah Sedekah

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَيْهَمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ.

Maksudnya: “Tidak ada seorang Muslim pun yang menanam tanaman atau meletakkan benih pokok, lalu dimakan oleh burung atau manusia atau binatang, melainkan baginya dengannya pahala sedekah.”

T: Al-Bukhari; Muslim; al-Tirmidhi; Ahmad; al-Bayhaqi – al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

13.4: Tumbuhan Adalah Sebab Pahala Yang Berterusan

Abu Ayyub al-Ansari رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ رَجُلٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، إِلَّا كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْكَ لَهُ مِنْ الْأَجْرِ قَدْرَ مَا يَخْرُجُ مِنْ ثَمَرِ ذَلِكَ الْغَرْسِ.

Maksudnya: “Tidak ada seorang lelaki pun yang menanam tanaman melainkan Allah ﷻ akan menulis baginya pahala dengan kadar apa yang keluar daripada buah tanaman itu.”

T: Ahmad.

14. KEMULIAAN PENIAGA DAN KEPENTINGAN PERNIAGAAN

Abu Sa' id al-Khudri رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ، وَالصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ.

Maksudnya: “Peniaga yang benar lagi amanah itu bersama para Nabi, para Siddiqin (orang-orang yang benar), dan para Shuhada’ (orang-orang yang mati shahid) (pada hari Kiamat).”

T: al-Tirmidhi; al-Darimi; al-Hakim; al-Daruqutni; Ibn ‘Asakir - Tarikh Dimashq dan lain-lain.

14.1: Peniaga Dan Para Shuhada’

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

التَّاجِرُ الْأَمِينُ الصَّدُوقُ الْمُسْلِمُ مَعَ الشُّهَدَاءِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: "Peniaga Muslim yang amanah lagi benar akan bersama para Shuhada' (orang-orang yang mati shahid) pada hari Kiamat kelak."

T: Ibn Majah; al-Hakim; al-Daruqutni; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra, Shu‘ab al-Iman dan al-Adab; al-Tabarani - al-Awsat dan lain-lain.

14.2: Tidak Dilalaikan Oleh Perniagaan

Allah ﷻ berfirman (al-Nur: 37-38):

رَجَالٌ لَا نُلَيْهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا
ثَنَّالٌ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾ لِيَجْزِيَهمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَيَزِيدَهُم مِّنْ
فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ يُرْزِقُ مَن يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: “[37] (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. [38] (Mereka mengerjakan semuanya itu) supaya Allah membalas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurniaNya; dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terhitung.”

14.3: Rezeki Yang Banyak Di Dalam Perniagaan

Nu'aym Ibn 'Abd al-Rahman berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي التِّجَارَةِ.

Maksudnya: “Sembilan per sepuluh daripada rezeki itu adalah di dalam perniagaan.”

T: Ibn Hajar al-^cAsqalani - al-Matalib al-^cAliyah (Mursal); Ibn Abi al-Dunya - Islah al-Mal (Mursal); al-Rafi^ci - al-Tadwin fi Akhbar Qazwin (Mursal) dan al-Busiri - Ittihaf al-Khiyarah al-Maharah (Majhul).

14.4: Ancaman Kepada Peniaga Yang Menipu

Rafi^c Ibn Malik al-Ansari رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّه خَرَجَ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ إِلَى الْمُصَلَّى، فَرَأَى النَّاسَ يَتَبَايَعُونَ، فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ
التُّجَّارِ، فَاسْتَجَابُوا لِلرَّسُولِ اللَّهِ ﷺ وَرَفَعُوا أَعْنَاقَهُمْ، وَأَبْصَرَهُمْ إِلَيْهِ، فَقَالَ:
إِنَّ التُّجَّارَ يُبْعَثُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فُجَّارًا إِلَّا مَنْ اتَّقَى اللَّهَ وَبَرَّ، وَصَدَقَ.

Maksudnya: "Sesungguhnya beliau pernah keluar bersama Nabi ﷺ ke tempat solat, lalu Baginda melihat orang ramai sedang berjual-beli, maka Baginda bersabda: "Wahai sekalian para peniaga!". Maka mereka pun menjawab seruan Rasulullah ﷺ itu dan mengangkat leher-leher mereka dan pandangan mereka kepada Baginda. Maka Baginda (pun) bersabda: "Sesungguhnya para peniaga itu dibangkitkan pada hari Kiamat nanti sebagai orang-orang jahat melainkan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, dan berbuat baik serta berlaku benar."

T: al-Tirmidhi: Hadith ini sahih lagi baik.

14.5: Kepentingan Perniagaan Kepada Umat Islam

Diriwayatkan bahawa Saidina Umar al-Khattab رضي الله عنه pernah memasuki pasar Madinah pada zamannya dan beliau melihat bahawa kebanyakan para peniagaanya adalah dari golongan *nabt* – satu golongan daripada orang-orang asing (zahir riwayat menunjukkan mereka mungkin bukan orang Islam). Lalu beliau merasa bimbang dan apabila beliau berkumpul dengan orang ramai, beliau memaklumkan keadaan tersebut (penguasaan orang asing ke atas pasar Madinah) dan mengkritik tindakan mereka meninggalkan perniagaan di pasar Madinah, lalu orang ramai menjawab:

إِنَّ اللَّهَ أَغْنَانَا عَنِ السُّوقِ بِمَا فَتَحَ بِهِ عَلَيْنَا.

Maknanya: "Sesungguhnya Allah ﷻ telah mengayakan kami daripada pasar dengan apa yang Dia telah buka/limpahkan ke atas kami."

Saidina Umar al-Khattab رضي الله عنه menjawab:

وَاللّٰهُ لَئِنْ فَعَلْتُمْ، لَيَحْتَاجُ رِجَالَكُمْ إِلَىٰ رِجَالِهِمْ، وَنِسَاؤُكُمْ إِلَىٰ نِسَائِهِمْ.

Maksudnya: “Demi Allah, sekiranya kamu melakukan perkara ini (iaitu meninggalkan perniagaan di pasar Madinah), pasti lelaki-lelaki kamu akan berhajat kepada lelaki-lelaki mereka, dan para wanita kamu akan berhajat kepada para wanita mereka.”

Di dalam riwayat yang lain, beliau dilaporkan berkata:

سُوقُكُمْ بِيَدِ عَدُوِّكُمْ. لَوْ بَقِيَ الْحَالُ عَلَىٰ مَا هُوَ عَلَيْهِ، لَأَحْتَاجُ رِجَالَكُمْ إِلَىٰ رِجَالِهِمْ وَنِسَاؤُكُمْ إِلَىٰ نِسَائِهِمْ.

Maksudnya: “Pasar kamu di tangan musuh kamu! Sekiranya keadaan berterusan sepertimana ia pada hari ini, pasti lelaki-lelaki kamu akan berhajat kepada lelaki-lelaki mereka, dan para wanita kamu akan berhajat kepada para wanita mereka.”

PENGEMBANGAN HARTA (WEALTH ACCUMULATION)

Allah ﷻ berfirman (Al-Jumu'ah: 10-11):

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾ وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ هَمَّوْا أَنْفُسَهُمْ إِلَيْهَا وَتَرَكَوْكَ
قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ اللَّهِوِ وَمِنَ النَّجْرَةِ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّزِقِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “[10] Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). [11] Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baharu tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar – berkhotbah). Katakanlah (wahai Muhammad:” Pahala – balasan) yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu; dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

15: MENYIMPAN HASIL PENDAPATAN

Umar al-Khattab رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَبِيعُ نَخْلَ بَنِي النَّضِيرِ وَيَحْبِسُ لِأَهْلِهِ قُوتَ سَنَتِهِمْ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi ﷺ pernah menjual pohon kurma Bani al-Nadir dan menahan (menyimpan) bagi ahli keluarga Baginda bekalan makanan asas mereka bagi setahun.”

T: al-Bukhari; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; al-Bazzar; dan al-Khatib al-Baghdadi - Tarikh Baghdad.

15.1: Menyimpan Bekalan Tidak Menafikan Tawakkal

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه berkata:

كَانَ أَهْلُ الْيَمَنِ يَحْجُونَ وَلَا يَتَزَوَّدُونَ وَيَقُولُونَ: نَحْنُ الْمُتَوَكِّلُونَ، فَإِذَا قَدِمُوا مَكَّةَ سَأَلُوا النَّاسَ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

Maksudnya: “Pernah satu ketika orang-orang Yaman pergi mengerjakan haji dan mereka tidak membawa bekalan, dan mereka berkata: Kami adalah orang-orang yang bertawakkal. Maka apabila mereka sampai di Mekah, mereka meminta-minta daripada orang ramai. Maka Allah ﷻ menurunkan ayat: Dan ambillah bekalan kamu, maka sesungguhnya sebaik-baik bekal ialah taqwa.”

T: al-Bukhari; al-Bayhaqi dan lain-lain.

15.2: Kepentingan Simpanan Jangka Masa Panjang

Firman Allah ﷻ (Yusuf: 46-49):

يُوسُفُ أَيُّهَا الصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعُ عِجَافٍ
وَسَبْعِ سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ لَعَلِّي أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ
﴿٤٦﴾ قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَابًّا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا
مِّمَّا نَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعُ شِدَادٍ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا
مِّمَّا تُحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْرِضُونَ

﴿٤٩﴾

Maksudnya: “[46] (Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): “Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! Tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya. [47] Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. [48] Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). [49] Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).”

15.3: Tidak Menyimpan Makanan Sewaktu Umat Dalam Kesusahan

Anas Ibn Malik رضي الله عنه berkata:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ لَا يَدَّخِرُ شَيْئًا لِعَدِّ

Maksudnya: “Adalah Nabi (Muhammad) ﷺ tidak menyimpan sesuatu untuk esok hari.”

T.: al-Tirmidhi; Ibn Hibban; al-Diya' al-Maqdisi - al-Ahadith al-Mukhtarah; Ibn al-Muqri' - Mu'jam Ibn al-Muqri' dan lain-lain.

16: PELABURAN MODAL DAN PERKONGSIAN UNTUNG RUGI

Abu Hurayrah رضي الله عنه menyatakan bahawa Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ: أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يُخْنِ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ، فَإِذَا خَانَهُ
خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah berfirman (hadith qudsi): Aku adalah pihak yang ketiga bagi dua orang yang berkerjasama/berkongsi selama mana salah seorang daripada mereka berdua tidak mengkhianati rakan kongsinya yang lain. Maka apabila dia (salah seorangnya) melakukan pengkhianatan, Aku akan keluar daripada (perkongsiannya) mereka berdua.”

T: Abu Dawud; al-Hakim; al-Daruqutni; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Saghir dan lain-lain.

16.1: Rasulullah ﷺ Adalah Sebaik-Baik Rakan Kongsi

al-Sa'ib Ibn Abi al-Sa'ib رضي الله عنه berkata:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ فَجَعَلُوا يُثْنُونَ عَلَيَّ وَيَذْكُرُونِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَنَا
أَعْلَمُكُمْ يَعْنِي بِهِ، قُلْتُ: صَدَقْتَ، بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي كُنْتَ شَرِيكِي فَنِعْمَ
الشَّرِيكَ كُنْتَ لَا تُدَارِي وَلَا تُمَارِي.

Maksudnya: “Daku datang berjumpa dengan Nabi ﷺ, maka mereka (yang berada di sisi Baginda) mula memuji daku dan menyebut tentang diriku. Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Akulah yang paling mengetahui di kalangan kamu, iaitu tentang beliau. Daku berkata: Benarlah engkau (wahai Rasulullah!). Demi bapa dan ibuku, engkau pernah menjadi rakan kongsiku, maka (engkaulah) sebaik-baik rakan kongsi, engkau tidak menyalahi (rakanmu) dan engkau tidak menyanggahi(nya).”

T: Abu Dawud; Ibn Majah; Ahmad; al-Hakim; al-Nasa'i - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

16.2: Perakuan Rasulullah ﷺ Bagi Al-'Abbas

Abdullah Ibn 'Abbas ؓ berkata:

كَانَ الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ إِذَا دَفَعَ مَالًا مُضَارَبَةً اشْتَرَطَ عَلَى صَاحِبِهِ، أَنْ
لَا يَسْلُكَ بِهِ بَحْرًا، وَلَا يَنْزِلَ بِهِ وَادِيًا، وَلَا يَشْتَرِيَ بِهِ ذَا كَبِدٍ رَطْبَةٍ، فَإِنْ فَعَلَهُ
فَهُوَ ضَامِنٌ، فَرَفَعَ شَرْطَهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَأَجَازَهُ.

Maksudnya: “Adalah al-'Abbas Ibn 'Abd al-Mutallib, apabila beliau menyerahkan harta sebagai modal dalam mudarabah, beliau mensyaratkan ke atas rakan kongsinya agar tidak melalui laut dengannya, dan tidak turun ke lembah dengannya, dan tidak membeli dengannya binatang bernyawa. Sekiranya dia melakukan perkara tersebut, maka dia mesti menjamin kerugian yang berlaku. Maka beliau mengangkat (memberitahu) syarat ini kepada Rasulullah ﷺ dan Baginda meluluskannya.”

T: al-Daruqutni; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; Ibn Hajar al-'Asqalani - al-Matalib al-'Aliyah dan Ittihaf al-Maharah dan al-Tabarani - al-Awsat.

16.3: Mudarabah Adalah Satu Keberkatan

Suhayb al-Rumi ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبَرَكَةُ: الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ، وَالْمُقَارَضَةُ، وَأَخْلَاطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ
لَلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ.

Maksudnya: “Tiga perkara padanya ada keberkatan: (i) jual-beli bertanggung (pembayarannya ke masa hadapan), dan (ii) perkongsian *muqaradah* (*mudarabah* / *qirad*), dan (iii) mencampurkan gandum dengan barli bagi kegunaan rumah, dan bukan untuk jual-beli.”

T: Ibn Majah; Ibn 'Asakir - Tarikh Dimashq dan al-Shawkani - al-Fawa'id al-Majmu'ah.

17: KEPENTINGAN PEMILIKAN TANAH DAN ASET TETAP

Sa'īd Ibn Hurayth (al-Makhzumi) رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ بَاعَ دَارًا أَوْ عَقَارًا فَلَمْ يَجْعَلْ ثَمَنَهَا فِي مِثْلِهِ كَانَ قَمِنًا أَنْ لَا يُبَارَكَ لَهُ فِيهِ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menjual rumah atau tanah, lalu dia tidak meletakkan (hasil) harga (jualan)nya di dalam aset yang seumpamanya (iaitu rumah atau tanah yang lain), maka patutlah tidak diberkati baginya pada (hasil jualan)nya itu.”

T: T: Ibn Majah (lafaz di atas); Ahmad; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; Ibn Abi Shaybah; Abu Ya'la al-Mawsili dan lain-lain.

17.1: Keberkatan Pegangan Aset Tetap

Huzayfah Ibn al-Yaman رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ بَاعَ دَارًا وَلَمْ يَجْعَلْ ثَمَنَهَا فِي مِثْلِهَا لَمْ يُبَارَكَ لَهُ فِيهَا.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menjual rumah dan dia tidak menjadikan harga (jualannya)nya pada aset seumpamanya, tidak diberkati baginya pada (harga jualan)nya (itu).”

T: Ibn Majah (lafaz di atas); al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; al-Bazzar; al-Tahawi - Mushkil al-Athar dan lain-lain.

18. KEBERKATAN

Hakim Ibn Hizam rahimahullah berkata:

سَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ فَأَعْطَانِي، ثُمَّ سَأَلْتُهُ فَأَعْطَانِي، ثُمَّ سَأَلْتُهُ فَأَعْطَانِي، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ هَذَا الْمَالَ خَضِرَةٌ حُلْوَةٌ فَمَنْ أَخَذَهُ بِطَيْبِ نَفْسٍ بُورِكَ لَهُ فِيهِ، وَمَنْ أَخَذَهُ بِإِشْرَافِ نَفْسٍ لَمْ يُبَارَكْ لَهُ فِيهِ، وَكَانَ كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبَعُ، وَالْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى .

Maksudnya: "Daku meminta daripada Nabi ﷺ, maka Baginda memberi kepadaku. Kemudian daku meminta daripada Baginda (lagi), maka Baginda memberi kepadaku. Kemudian daku meminta daripada Baginda (lagi), maka Baginda memberi kepadaku dan bersabda: Sesungguhnya harta ini (seumpama) buah yang hijau segar lagi manis. Maka, barangsiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang baik, (maka akan) diberkati baginya padanya, dan barangsiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang tamak, (maka) tidak akan diberkati baginya padanya, dan dia seumpama seseorang yang makan dan tidak pernah kenyang. Dan tangan yang di atas (memberi) itu lebih baik daripada tangan yang di bawah (menerima)."

T: Muslim; al-Bukhari; al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; al-Darimi; Ahmad; Ibn Hibban; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; al-Tabarani - al-Kabir dan lain-lain.

18.1: Keberkatan Di Waktu Pagi

Sakhr al-Ghamidi rahimahullah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ berdoa:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا قَالَ: وَكَانَ إِذَا بَعَثَ سَرِيَّةً، أَوْ جَيْشًا بَعَثَهُمْ
أَوَّلَ النَّهَارِ.

“Ya Allah! Kurniakanlah keberkatan bagi umatku di waktu awal siang.” Dan beliau berkata: Dan apabila Baginda mengutuskan rombongan atau tentera, Baginda akan mengutuskannya di awal siang.”

Imam al-Tirmidhi menyebut di dalam kitabnya:

وَكَانَ صَخْرٌ رَجُلًا تَاجِرًا، وَكَانَ إِذَا بَعَثَ تِجَارَةً بَعَثَهُمْ أَوَّلَ النَّهَارِ، فَآثَرَى،
وَكَثُرَ مَالُهُ.

“Dan Sakhr رضي الله عنه adalah seorang peniaga, dan apabila beliau mengutuskan rombongan perniagaannya, beliau akan mengutuskan mereka pada awal hari, maka beliau telah menjadi kaya, dan hartanya bertambah banyak.”

T: al-Tirmidhi; Abu Dawud; Ibn Majah; al-Darimi; Ahmad dan lain-lain.

Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli (2009) menyebut: Hadith ini menunjukkan bahawa keluar mencari rezeki di waktu pagi itu mempunyai kebaikan dan keberkatan.

18.2: Waktu Pagi Adalah Waktu Keberkatan Dan Kejayaan

‘A’ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

بَاكِرُوا طَلَبَ الرِّزْقِ وَالْحَوَائِجِ، فَإِنَّ الْغُدُوَّ بَرَكَةٌ وَنَجَاحٌ.

Maksudnya: "Hendaklah kamu berpagi-pagi hari dalam mencari rezeki dan hajat-hajat (kamu), sesungguhnya waktu pagi itu (padanya) berkat dan kejayaan."

T: al-Tabarani - al-Awsat; al-Khatib al-Baghdadi - Tarikh Baghdad; al-Haythami - Kashf al-Astar dan lain-lain.

18.3 Meninggalkan Tidur Di Waktu Pagi

Anas رضي الله عنه berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَا تَنَامُوا عَنْ طَلَبِ أَرْزَاقِكُمْ فِيمَا بَيْنَ صَلَاةِ الْفَجْرِ عَلَى طُلُوعِ الشَّمْسِ

“Janganlah kamu tidur daripada mencari rezekimu di antara solat Subuh (fajar) sehingga terbitnya matahari.”

T: al-Daylami.

فَسُئِلَ مَالِكٌ عَنْ مَعْنَى هَذَا الْحَدِيثِ فَقَالَ: يُسَبِّحُ، وَيُكَبِّرُ، وَيَسْتَغْفِرُ سَبْعِينَ
مَرَّةً.

“Maka (Imam) Malik ditanya berkenaan maksud hadith ini, lalu beliau berkata: Dia hendaklah bertasbih, bertakbir dan beristighfar sebanyak tujuh puluh (70) kali.”

R: *al-Shawkani – al-Fawa'id al-Majmu'ah*

18.4: Rezeki Diagihkan Di Waktu Pagi

Fatimah al-Zahra' عليها السلام (anak perempuan Rasulullah ﷺ) berkata:

مَرَّ بِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَأَنَا مُضْطَجِعَةٌ مُتَّصِبِحَةٌ، فَحَرَّكَنِي بِرِجْلِهِ، ثُمَّ قَالَ: يَا
بُنَيَّةُ، قَوْمِي (وَ) أَشْهَدِي رِزْقَ رَبِّكَ، وَلَا تَكُونِي مِنَ الْغَافِلِينَ، فَإِنَّ اللَّهَ يَقْسِمُ
أَرْزَاقَ النَّاسِ مَا بَيْنَ طُلُوعِ الْفَجْرِ إِلَى طُلُوعِ الشَّمْسِ

“Rasulullah ﷺ lalu di sisiku sedang daku dalam keadaan berbaring di waktu pagi. Maka Baginda pun menggerakkan daku dengan kaki Baginda (yang mulia) dan kemudian Baginda bersabda: Wahai anak perempuanku! Bangunlah, (dan) saksikanlah rezeki tuhanmu, dan janganlah engkau menjadi dari kalangan orang-orang yang lalai. Maka sesungguhnya Allah membahagikan rezeki-rezeki manusia di antara terbitnya waktu fajar sehingga terbitnya matahari.”

T: *al-Bayhaqi – Shu'ab al-Iman, dan beliau berkata: Sanadnya da'if; Ibn Bushran – Amali Ibn Buhsran; Ibn Haji al-Dimashqi; al-Arba'in al-Buldaniyyah; Abu Bakr al-Ansari – Ahadith Muntaqah min Mashyakhah Abi Bakr al-Ansari & al-Shawkani – al-Fawa'id al-Majmu'ah.*

18.5: Jual-Beli Yang Jujur Diberkati Allah ﷻ

Hakim Ibn Hizam ﷻ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا، فَإِنْ صَدَقَا وَبَيْنَا بُورِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا، وَإِنْ كَذَبَا
وَكْتَمَا مُحِقَّ بَرَكَتُهُ بَيْعِهِمَا .

Maksudnya: "Dua orang yang berjual-beli itu masih mempunyai khiyar (majlis) selama mana mereka belum berpisah. Maka sekiranya mereka berdua berlaku benar dan menerangkan (ciri-ciri barang akad), diberkati bagi mereka berdua dalam jual-beli mereka berdua, dan sekiranya mereka berdua menipu dan menyembunyikan (aib barang akad), dihilangkan berkat jual-beli mereka berdua."

T: Muslim; al-Bukhari; al-Tirmidhi; Abu Dawud; al-Nasa'i - al-Sughra; al-Darimi; Ahmad dan lain-lain.

18.6: Keredaan Pada Rezeki Membawa Kepada Keberkatan (a)

°Abdullah Ibn °Abbas ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ لِكُلِّ عَبْدٍ رِزْقَهُ فِي الدُّنْيَا، هُوَ آتِيهِ لَا مَحَالَةَ، مَنْ رَضِيَهِ بُورِكَ لَهُ فِيهِ، وَمَنْ
لَمْ يَرْضَهُ لَمْ يُبَارَكْ لَهُ فِيهِ وَلَمْ يَسْعَهُ .

Maksudnya: "Sesungguhnya bagi setiap hamba itu rezekinya di dunia, dan ia akan datang kepadanya tanpa ragu-ragu. Barangsiapa yang reda dengannya, (maka akan) diberkati baginya padanya, dan barangsiapa yang tidak meredainya, (maka) tidak akan diberkati baginya padanya dan ia tidak mencukupinya."

T: al-Tabarani - Musnad al-Shamiyyin.

18.7 Keredaan Pada Rezeki Membawa Kepada Keberkatan (b)

Abu al-°Ala' Ibn al-Shikhkhir meriwayatkan bahawa salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ daripada Banu Sulaym menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَبْتَلِي عَبْدَهُ بِمَا أَعْطَاهُ، فَمَنْ رَضِيَ بِمَا قَسَمَ اللَّهُ وَجَّكَ لَهُ،
بَارَكَ اللَّهُ لَهُ فِيهِ وَوَسَّعَهُ، وَمَنْ لَمْ يَرْضَ لَمْ يُبَارَكْ لَهُ .

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah - Tabaraka wa ta'ala - menguji hambaNya dengan apa yang Dia kurniakan kepadanya. Maka barangsiapa yang reda dengan apa yang telah Allah ﷻ bahagikan kepadanya, (maka) Allah akan memberkati baginya padanya dan meluaskannya; dan barangsiapa yang tidak reda (dengan pembahagianNya), (maka) tidak akan diberkati baginya."

T: Ahmad; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan al-Adab, dan lain-lain.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

PERLINDUNGAN HARTA (WEALTH PROTECTION)

Allah ﷻ berfirman (al-Kahf: 39-42):

وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ إِن تَرَنِ أَنَا أَقَلَّ مِنْكَ
مَالًا وَوَلَدًا ﴿٣٩﴾ فَعَسَى رَبِّي أَنْ يُؤْتِيَنِي خَيْرًا مِنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا
مِّنَ السَّمَاءِ فَنُصَبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾ أَوْ يُصْبِحَ مَأْوَهَا غُورًا فَلَنْ تَسْتَطِيعَ لَهُ
طَلَبًا ﴿٤١﴾ وَأُحِيطَ بِشَمْرِهِ فَاصْبِحْ يَوْمَئِذٍ كَفَّيْهِ عَلَى مَا أَنْفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى
عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “[39] Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (Semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah)? Kalau engkau memandangkanku sangat kurang tentang harta dan anak, berbanding denganmu, [40] Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) dia akan menimpakannya dengan bala, bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. [41] Ataupun air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian, engkau tidak akan dapat mencarinya lagi. [42] Dan segala tanaman serta harta bendanya itu pun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: “Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku!”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

19. KEHORMATAN HARTA ADALAH SEUMPAMA NYAWA

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

سَبَابُ الْمُسْلِمِ أَخَاهُ فُسُوقٌ، وَقِتَالُهُ كُفْرٌ، وَحُرْمَةُ مَالِهِ كَحُرْمَةِ دَمِهِ.

Maksudnya: “Cacian seorang Muslim terhadap saudara (seagamanya) adalah kefasikan, dan memerangnya adalah kekufuran, dan kehormatan hartanya adalah seperti kehormatan darahnya.”

T: Ahmad; Abu Ya'la al-Mawsili; al-Busiri; al-Haythami; al-Tabarani - al-Kabir dan lain-lain.

19.1: Kehormatan Harta Dan Darah Seorang Mukmin

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

حُرْمَةُ مَالِ الْمُؤْمِنِ كَحُرْمَةِ دَمِهِ.

Maksudnya: “Kehormatan harta seorang Mukmin adalah seperti kehormatan darahnya.”

T: al-Daruqutni, al-Bazzar; al-Quda'i – Musnad al-Shihab; Ibn Hajar al-Asqalani dan lain-lain.

19.2: Mati Mempertahankan Harta Adalah Shahid

Abdullah Ibn 'Amr رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang dibunuh kerana mempertahankan hartanya, maka dia adalah seorang shahid.”

T: al-Bukhari dan Muslim.

20: AMALAN SOLEH MEMELIHARA REZEKI DAN MEMBUKA PINTUNYA

Anas Ibn Malik رضي الله عنه berkata:

كَانَ أَخْوَانٍ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ فَكَانَ أَحَدُهُمَا يَأْتِي النَّبِيَّ ﷺ وَالْآخَرُ يَحْتَرِفُ، فَشَكَا الْمُحْتَرِفُ أَخَاهُ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: لَعَلَّكَ تُرْزَقُ بِهِ .

Maksudnya: "Pernah satu ketika pada zaman Nabi ﷺ ada dua orang adik beradik lelaki. Salah seorangnya selalu mendatangi Nabi ﷺ dan yang seorang lagi melakukan pekerjaan. Maka, si pekerja itu telah mengadu kepada Nabi ﷺ, maka Baginda pun bersabda: Mungkin jua kamu diberi rezeki dengannya."

T: al-Tirmidhi; al-Hakim; al-Bazzar; al-Bayhaqi dan lain-lain.

20.1: Bertawakkal

Umar al-Khattab رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda:

لَوْ أَنَّكُمْ تَوَكَّلْتُمْ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ، لَرَزَقَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ، تَغْدُو خِمَاصًا، وَتَرُوحُ بِطَانًا.

Maksudnya: "Sekiranya kamu semua bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, pasti Dia akan memberi rezeki kepada kamu sepertimana Dia memberi rezeki kepada burung, ia keluar di pagi hari dalam keadaan lapar, dan pulang dalam keadaan kenyang."

T: al-Hakim; al-Tirmidhi; Ibn Majah; Ahmad; al-Nasa'i- al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

20.2: Tawakkal Tidak Menafikan Usaha

Amr Ibn Umayyah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

قَالَ رَجُلٌ لِلنَّبِيِّ ﷺ: أُرْسِلُ نَاقَتِي وَأَتَوَكَّلُ؟ قَالَ: اعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ.

Maksudnya: "Seorang lelaki telah bertanya kepada Nabi ﷺ: Aku melepaskan untaku dan aku bertawakkal, (adakah begitu)?. Baginda menjawab: Ikatlah ia dan (kemudian kamu) bertawakkal."

T: Ibn Hibban; al-Hakim; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain; Anas Ibn Malik رضي الله عنه: al-Tirmidhi; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.

20.3: Istighfar

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ لَزِمَ الْإِسْتِغْفَارَ، جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضَيْقٍ مَخْرَجًا، وَمِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرَجًا،
وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ.

Maksudnya: "Barangsiapa yang melazimi al-Istighfar (memohon keampunan), maka Allah akan menjadikan baginya jalan keluar bagi setiap kesempitan, penyelesaian bagi setiap kerisauan, dan mendatangkan kepadanya rezeki dari sumber yang tidak disangkanya."

T: Abu Dawud, Ibn Majah dan lain-lain.

20.4: Silaturrahim Sebagai Sebab Rezeki

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

Maksudnya: "Barangsiapa yang suka untuk dilapangkan baginya rezekinya dan ditangguhkan baginya kewafatannya, maka hubungkanlah silaturrahimnya."

T: al-Bukhari; Muslim; Abu Dawud; Ahmad; al-Hakim dan lain-lain.

20.5: Memelihara Silaturahmi

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

تَعَلَّمُوا مِنْ أَنْسَابِكُمْ مَا تَصِلُونَ بِهِ أَرْحَامَكُمْ، فَإِنَّ صِلَةَ الرَّحِمِ مَحَبَّةٌ فِي
الْأَهْلِ، مَثْرَاءٌ فِي الْمَالِ، مَنْسَأَةٌ فِي الْأَثْرِ.

Maksudnya: “Pelajarilah tentang nasab-nasab kamu yang kamu dapat menghubungkan silaturahmi kamu dengannya. Maka sesungguhnya silaturahmi itu adalah sebab kecintaan sesama ahli keluarga, pertambahan bagi harta dan penangguhan bagi kewafatan.”

T: al-Tirmidhi: Dengan sanad yang baik.

20.6: Al-Waqi'ah

Abu Zibyah meriwayatkan bahawa sesungguhnya ^cAbdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْوَاقِعَةِ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ لَمْ تُصِبْهُ فَاقَةٌ أَبَدًا.

Maksudnya: “Barangsiapa yang membaca surah al-Waqi'ah pada setiap malam, kesusahan tidak akan menyimpannya selamanya-lamanya.”

Beliau (Abu Zibyah) menambah:

وَقَدْ أَمَرْتُ بَنَاتِي أَنْ يَقْرَأْنَهَا كُلَّ لَيْلَةٍ.

Maksudnya: “Dan daku telah memerintahkan anak-anak perempuanku untuk membacanya pada setiap malam.”

T: Ibn Abi al-Dunya; al-Bayhaqi dan lain-lain.

20.7: Taqwa

Allah ﷻ berfirman (al-Talaq: 2-3):

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

Maksudnya: “[2] ... Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya).[3] Dan memberi rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan sesiapa berserah diri kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya. Sesungguhnya Allah melakukan perkara yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah menentukan tiap-tiap sesuatu.”

20.8: Istighfar Dan Bertaubat

Firman Allah ﷻ (Hud: 52):

وَيَقَوْمٍ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “[52] (Nabi Hud عليه السلام berkata:) Dan wahai kaumku! Mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat (bertaubat) kepadaNya, supaya Ia menghantarkan kepada kamu hujan lebat serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada; dan janganlah kamu membelakangkan seruanKu dengan terus melakukan dosa!”

20.9: Istighfar

Firman Allah ﷻ (Nuh: 10-12):

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

Maksudnya: “[10] Sehingga aku (Nabi Nuh عليه السلام) berkata (kepada mereka): `Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun. [11] (Sekiranya kamu berbuat

demikian), Ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu; [12] Dan Ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).”

20.10: Empat Rakaat Sunat Duha

Nu'aym Ibn Hammar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

يَقُولُ اللَّهُ ﷻ: يَا ابْنَ آدَمَ، لَا تُعْجِزْنِي مِنْ أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ فِي أَوَّلِ نَهَارِكَ أَكْفِكَ
آخِرَهُ.

Maksudnya: "Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): Wahai anak Adam! Janganlah engkau lemah untuk bersolat bagiku dengan empat rakaat (al-Duha) di awal harimu, Aku akan mencukupkanmu pada akhirnya (hari tersebut)."

T: Abu Dawud; al-Darimi; Ahmad; Ibn Hibban; al-Nasa'i - al-Sunan al-Kubra; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain; Abu Dharr al-Ghifari رضي الله عنه: al-Tirmidhi; 'Uqbah Ibn 'Amir رضي الله عنه: Ahmad; Abu Ya'la al-Mawsili dan lain-lain.

20.11: Doa Perlindungan Yang Diajarkan Oleh Rasulullah ﷺ

Talq Ibn Habib meriwayatkan dengan berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، فَقَالَ: يَا أَبَا الدَّرْدَاءِ احْتَرَقَ بَيْتِكَ؟
قَالَ: مَا احْتَرَقَ، ثُمَّ جَاءَ آخِرُ فَقَالَ مِثْلَ ذَلِكَ، فَقَالَ: مَا احْتَرَقَ، ثُمَّ جَاءَ آخِرُ
فَقَالَ مِثْلَ ذَلِكَ فَقَالَ: مَا احْتَرَقَ، ثُمَّ جَاءَ آخِرُ فَقَالَ: يَا أَبَا الدَّرْدَاءِ، انْبَعَثِ
النَّارُ حَتَّى انْتَهَتْ إِلَى بَيْتِكَ طَهْفَتْ، قَالَ: قَدْ عَلِمْتُ أَنَّ اللَّهَ ﷻ لَمْ يَكُنْ
لِيَفْعَلْ، قَالَ: يَا أَبَا الدَّرْدَاءِ، مَا نَدْرِي أَيُّ كَلَامِكَ أَعْجَبُ؟ قَوْلِكَ: مَا
احْتَرَقَ، أَوْ قَوْلِكَ: قَدْ عَلِمْتُ أَنَّ اللَّهَ ﷻ لَمْ يَكُنْ لِيَفْعَلْ ذَلِكَ قَالَ: ذَاكَ لِكَلِمَاتِ

سَمِعْتُهُنَّ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ مَنْ قَاهَنَّ حِينَ يُصْبِحُ لَنْ تُصِيبَهُ مُصِيبَةٌ حَتَّى
يُمْسِي: اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، عَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَاَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ
الْكَرِيْمِ، مَا شَاءَ اللهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ
الْعَظِيْمِ، اَعْلَمُ اَنَّ اللهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، وَاَنَّ اللهَ قَدْ اَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا،
اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ اَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا، اِنَّ
رَبِّيْ عَلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيْمٍ .

Maksudnya: "Seorang lelaki telah datang kepada Abu al-Darda' رضي الله عنه dan berkata: Wahai Abu al-Darda', rumahmu telah terbakar. Beliau menjawab: Ia tidak terbakar. Kemudian, datang seorang lelaki yang lain dan berkata seperti lelaki yang pertama tadi, tetapi beliau menjawab: Ia tidak terbakar. Kemudian datang lagi seorang lelaki yang lain dan berkata seumpama yang sebelumnya, tetapi beliau menjawab: Ia tidak terbakar. Kemudian, datang seorang lelaki yang lain dan berkata: Wahai Abu al-Darda'! Api telah marak merebak sehingga apabila ia sampai ke rumahmu, ia lantas terpadam.

Beliau berkata: Sesungguhnya daku telah mengetahui bahawa Allah ﷻ tidak akan melakukannya. Lelaki itu berkata: Wahai Abu al-Darda'! Kami tidak tahu manakah kata-kata kamu yang lebih menakutkan, katamu: Ia tidak terbakar atau katamu: Sesungguhnya daku telah mengetahui bahawa Allah tidak akan melakukannya. Beliau berkata: Itu adalah kalimah-kalimah yang telah daku dengar daripada Rasulullah ﷺ, barangsiapa yang mengucapkannya ketika dia berada di pagi hari, musibah tidak akan menimpanya selamanya sehingga ke petang, (iaitu):

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، عَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَاَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيْمِ،
مَا شَاءَ اللهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ،
اَعْلَمُ اَنَّ اللهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، وَاَنَّ اللهَ قَدْ اَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ

أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا، إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

“Ya Allah! Engkaulah tuhanku, tiada tuhan melainkan Engkau, denganMu daku bertawakkal, dan Engkaulah tuhan bagi ʿArash yang mulia, apa yang Engkau mahukan (ia berlaku), pasti (ia) akan berlaku, dan apa yang Engkau tidak mahu (ia) berlaku, pasti (ia) tidak akan berlaku. Dan tiada upaya dan tiada kekuatan melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Aku mengetahui (yakin percaya) bahawa sesungguhnya Allah Maha Berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu, dan sesungguhnya Allah telah meliputi dengan tiap-tiap sesuatu dengan ilmu-Nya. Ya Allah! Sesungguhnya daku berlingung denganMu daripada kejahatan diriku, dan dari kejahatan setiap makhluk yang melata yang Engkau mempunyai kekuasaan ke atas mereka. Sesungguhnya Tuhanku berada di atas jalan yang lurus.”

T: al-Bayhaqi - al-Asma' wa al-Sifat dan Dala'il al-Nubuwwah; Ibn ʿAsakir - Tarikh Dimashq; al-Tabarani - al-Du'a' dan lain-lain.

20.12: Amalan Zikrullah “Tahlil” Menjauhkan Kefakiran

ʿAli Ibn Abi Talib ؑ meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ قَالَ فِي كُلِّ يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، كَانَ لَهُ أَمَانًا مِنَ الْفَقْرِ، وَاسْتَجْلَبَ بِهِ الْغِنَى، وَأَمِنَ مِنْ وَحْشَةِ الْقَبْرِ، وَاسْتَقْرَعَ بِهِ بَابَ الْجَنَّةِ.

Maksudnya: "Barangsiapa yang menyebut pada setiap hari:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَقُّ الْمُبِينُ

“Tiada Tuhan melainkan Allah, yang Maha Benar, lagi Maha Jelas/Zahir”,

sebanyak seratus kali, (maka) baginya keamanan daripada kefaqiran, dan dia menarik dengannya kekayaan, dan dia aman daripada keliaran kubur, dan dia mengetuk dengannya pintu syurga.”

Al-Imam Abu Nu'aym al-Asbahani meriwayatkan perkara yang sama dengan tambahan "al-Malik" seperti di bawah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ

“Tiada Tuhan melainkan Allah, Raja/ Pemilik yang Maha Berkuasa, yang Maha Benar, lagi Maha Jelas/Zahir”.

T: al-Khatib al-Baghdadi – Tarikh Baghdad; Ibn ‘Abd al-Barr - al-Tamhid; Abu Nu‘aym al-Asbahani – Hilyat al-Awliya’ & Sifat al-Jannah : Dengan kalimah (الملك); al-Raf‘i; al-Daylami; dan lain-lain.

20.13: Zikir “Hawqalah”

Abu Hurayrah رضي الله عنه berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ أَلْبَسَهُ اللَّهُ نِعْمَةً فَلْيُكْثِرْ مِنَ الْحَمْدِ لِلَّهِ، وَمَنْ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ فَلْيَسْتَغْفِرِ اللَّهَ،
وَمَنْ أَبْطَأَ رِزْقُهُ فَلْيُكْثِرْ مِنْ قَوْلٍ: لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، وَمَنْ نَزَلَ مَعَ
قَوْمٍ فَلَا يَصُومُونَ إِلَّا بِإِذْنِهِمْ، وَمَنْ دَخَلَ دَارَ قَوْمٍ فَلْيَجْلِسْ حَيْثُ أَمْرُوهُ، فَإِنَّ
الْقَوْمَ أَعْلَمُ بِعَوْرَةِ دَارِهِمْ

“Barangsiapa yang dipakaikan oleh Allah ﷻ dengan sesuatu nikmat, maka hendaklah dia memperbanyakkan memuji Allah (dengan *tahmid: Alhamdulillah*); dan barangsiapa yang banyak dosanya, maka hendaklah dia memperbanyakkan memohon keampunan daripada Allah (*istighfar*); dan barangsiapa yang lambat rezekinya, maka hendaklah dia memperbanyakkan menyebut “Tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan Allah” (*Hawqalah*); dan barangsiapa yang turun (menjadi tetamu) di sisi sesuatu kaum, maka janganlah dia berpuasa (sunat) melainkan dengan izin mereka; dan barangsiapa yang memasuki rumah sesuatu kaum, maka hendaklah dia duduk di mana dia diarahkan oleh mereka untuk duduk, maka sesungguhnya sesuatu kaum itu lebih mengetahui aurat rumah mereka.”

T: al-Tabarani (360H) – al-Mu‘jam al-Saghir (lafaz di atas), al-Mu‘jam al-Awsat & al-Du‘a’; Ibn ‘Asakir (571H) – Tarikh

*Dimashq & Tamam Ibn Muhammad al-Razi al-Dimashqi (414H) –
Islam Zayd Ibn Harithah wa Ghayrih min Ahadith al-Shuyukh.*

21. MAKSIAT DAN SIFAT BURUK MENGHILANGKAN REZEKI DAN KEBERKATANNYA

Thawban رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرَّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ، وَلَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ، وَلَا يَزِيدُ فِي الْعُمُرِ إِلَّا الْبِرُّ.

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang lelaki itu diharamkan rezeki dengan dosa yang menimpanya, dan tidaklah menolak takdir melainkan doa, dan tidaklah menambah pada usia melainkan amalan kebajikan.”

T: Ahmad.

21.1: Maksiat Menjadi Sebab Pengharaman Rezeki

Thawban رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَزِيدُ فِي الْعُمُرِ إِلَّا الْبِرُّ، وَلَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرَّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ.

Maksudnya: “Tidaklah menambah pada usia melainkan amalan kebajikan, dan tidaklah menolak takdir melainkan doa, dan sesungguhnya seseorang lelaki itu diharamkan rezeki dengan dosa yang menimpanya.”

T: Ibn Majah.

21.2: Zina Itu Mewariskan Kefakiran

Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

الزَّانِي يُورِثُ الْفَقْرَ

Maksudnya: “Zina itu mewariskan kefakiran.”

T: *al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman; al-Daruqutni - Ta'liqat al-Daruqutni 'ala kitab al-Majruhin li Ibn Hibban; dan al-Quda'i - Musnad al-Shihab.*

21.3: Tidur Di Waktu Awal Pagi Menghalang Rezeki

Uthman Ibn Affan رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

الصُّبْحَةُ تَمْنَعُ الرِّزْقَ.

“(Tidur) di waktu Subuh (dari terbit fajar sehingga terbit matahari) itu menghalang rezeki.”

T: Ahmad.

21.4: Maksiat Menjadi Sebab Berlakunya Azab Allah ﷻ

Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم datang kepada kami dan bersabda:

يَا مَعْشَرَ الْمُهَاجِرِينَ، خَمْسٌ إِذَا ابْتُلَيْتُمْ بِهِنَّ، وَأَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ تُدْرِكُوهُنَّ، لَمْ تَظْهَرَ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ، حَتَّى يُعْلِنُوا، بِهَا إِلَّا فَشَا فِيهِمُ الطَّاعُونَ وَالْأَوْجَاعُ، الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا، وَلَمْ يَنْقُصُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ، إِلَّا أَخَذُوا بِالسِّنِينَ، وَشِدَّةِ الْمُتُونَةِ، وَجَوْرِ السُّلْطَانِ عَلَيْهِمْ، وَلَمْ يَمْنَعُوا زَكَاةَ أَمْوَالِهِمْ إِلَّا مُنِعُوا الْقَطْرَ مِنَ السَّمَاءِ، وَلَوْلَا الْبَهَائِمُ لَمْ يُمْطَرُوا، وَلَمْ يَنْقُصُوا عَهْدَ اللَّهِ، وَعَهْدَ رَسُولِهِ إِلَّا سَلَّطَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ عَدُوًّا مِنْ غَيْرِهِمْ، فَأَخَذُوا بَعْضَ مَا فِي أَيْدِيهِمْ وَمَا لَمْ تَحْكَمْ أَيْمَتُهُمْ بِكِتَابِ اللَّهِ، وَيَتَخَيَّرُوا مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ بِأَسْهُمٍ بَيْنَهُمْ.

Maksudnya: "Wahai sekalian muhajirin! Lima perkara apabila kamu dibala'kan (diuji) dengannya, dan daku berlindung dengan Allah (daripada) kamu sampai kepadanya: (i) Tidak zahir zina di dalam sesuatu kaum, sehingga mereka melakukannya secara

terang-terangan, melainkan akan tersebar pada mereka (penyakit) taun dan kelaparan yang tidak pernah berlaku kepada golongan terdahulu mereka yang telah lalu, (ii) Dan tidaklah mereka mengurangkan sukatan dan timbangan, melainkan mereka akan diazabkan dengan kemarau, kesusahan hidup, dan kezaliman pemimpin ke atas mereka, (iii) Dan tidaklah mereka menahan zakat harta-harta mereka, melainkan mereka ditahan daripada hujan daripada langit, dan kalaulah tidak kerana binatang-binatang, mereka tidak akan dituruni hujan, (iv) Dan tidaklah mereka melanggar perjanjian dengan Allah, dan perjanjian dengan Rasulullah, melainkan Allah akan menguasai ke atas mereka musuh-musuh mereka daripada selain mereka, lalu musuh tersebut akan merampas apa yang ada di tangan-tangan mereka, (v) Dan selama mana para pemimpin mereka tidak menghukum dengan kitab Allah, dan memilih daripada apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka Allah akan menjadikan azab kepedihan (permusuhan) di antara sesama mereka."

T: Ibn Majah; al-Hakim; al-Bazzar; al-Tabarani - al-Kabir; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.

21.5: Tidak Memuliakan Rezeki Kurniaan Allah ﷺ

‘A’ishah رضي الله عنها berkata:

دَخَلَ النَّبِيُّ ﷺ الْبَيْتَ، فَرَأَى كِسْرَةَ مُلْقَاةٍ فَأَخَذَهَا فَمَسَحَهَا، ثُمَّ أَكَلَهَا، وَقَالَ:
يَا عَائِشَةُ أَكْرَمِي كَرِيمَكَ، فَإِنَّهَا مَا نَفَرَتْ عَنْ قَوْمٍ قَطُّ فَعَادَتْ إِلَيْهِمْ.

Maksudnya: “Nabi ﷺ telah masuk ke dalam rumah (kami), lalu Baginda melihat satu potongan makanan yang dicampak, maka Baginda mengambilnya dan menyapunya, kemudian memakannya dan bersabda: Wahai ‘A’ishah! Muliakanlah (tetamu) kamu yang mulia (rezeki kamu), maka sesungguhnya tidaklah ia lari daripada satu kaum, (melainkan) ia (tidak akan) kembali kepada mereka.”

T: Ibn Majah.

22: TAKAFUL IJTIMA'I DI KALANGAN AHLI KELUARGA

Abu Musa al-Ash^cari رضي الله عنه berkata: Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْغَزْوِ أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ
عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ فَهُمْ مِنِّي
وَأَنَا مِنْهُمْ.

Maksudnya: “Sesungguhnya ahli keluarga al-Ash^cariyyin itu apabila bekalan makanan mereka hampir kehabisan di dalam peperangan atau makanan keluarga mereka menjadi sedikit di Madinah, mereka akan mengumpulkan apa yang ada di sisi mereka di dalam satu pakaian dan kemudiannya membahagikannya di kalangan mereka di dalam bekas yang satu dengan sama rata, maka aku daripada mereka dan mereka daripada aku.”

T: al-Bukhari; Muslim; al-Nasa'i - al-Sunan al-Kubra; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; Abu Ya^cla al-Mawsili dan lain-lain.

Jarir Ibn Abdullah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa bapanya berkata:

كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَدْرِ النَّهَارِ قَالَ فَجَاءَهُ قَوْمٌ حُفَاءَ عُرَاةٍ مُجْتَابِي النَّهَارِ أَوْ الْعَبَاءِ مُتَقَلِّدِي السُّيُوفِ عَامَّتُهُمْ مِنْ مُضَرَ بَلْ كُلُّهُمْ مِنْ مُضَرَ فَتَمَعَّرَ وَجْهُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمَا رَأَى بِهِمْ مِنْ الْفَاقَةِ فَدَخَلَ ثُمَّ خَرَجَ فَأَمَرَ بِأَلَا فَاذْنَ وَأَقَامَ فَصَلَّى ثُمَّ خَطَبَ فَقَالَ (يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ إِلَى آخِرِ الْآيَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا) وَالْآيَةُ الَّتِي فِي الْحَشْرِ (اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ) تَصَدَّقَ رَجُلٌ مِنْ دِينَارِهِ مِنْ دِرْهَمِهِ مِنْ ثَوْبِهِ مِنْ صَاعِ بُرِّهِ مِنْ صَاعِ تَمْرِهِ (حَتَّى قَالَ) وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ " ، قَالَ : فَجَاءَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ بِصُرَّةٍ كَادَتْ كَفُّهُ تَعْجِزُ عَنْهَا بَلْ قَدْ عَجَزَتْ قَالَ ثُمَّ تَتَابَعَ النَّاسُ حَتَّى رَأَيْتُ كَوْمِينَ مِنْ طَعَامٍ وَثِيَابٍ حَتَّى رَأَيْتُ وَجْهَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَهَلَّلَ كَأَنَّهُ مُذْهَبَةٌ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ " .

Maksudnya: “Ketika kami sedang berada di sisi Rasulullah ﷺ pada waktu tengahari, maka datanglah satu kaum yang dalam keadaan tidak beralas kaki dan tidak cukup pakaian, mereka memakai penutup kepala yang terkoyak sambil menggantungkan pedang di badan mereka, kebanyakan mereka adalah dari (qabilah) Mudar, bahkan setiap mereka adalah dari Mudar. Maka berubah wajah Rasulullah ﷺ kerana melihat kesusahan yang mereka hadapi. Maka Rasulullah ﷺ pun memasuki (rumah) dan kemudian keluar serta

memerintahkannya Bilal ؓ untuk melakukan azan dan iqamah (Zohor). Setelah itu, Baginda ؓ (dan para sahabat ؓ) bersolat. Setelah selesai solat, Baginda ؓ berkhotbah dan membaca ayat al-Quran (dari Surah al-Nisaa': Ayat 1 dan Surah al-Hashr: Ayat 18).

[1] Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

[18] Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

(Serta bersabda):

“Bersedekahlah seseorang itu daripada dinarnya, daripada dirhamnya, daripada pakaiannya, daripada segantang gandumnya, daripada segantang tamarnya, (sehingga Baginda ؓ bersabda) walaupun dengan sebahagian daripada sebiji tamarnya.”

Maka orang ramai agak perlahan untuk mula bersedekah. Maka datanglah seorang lelaki daripada Ansar dengan satu kantung yang hampir-hampir tidak mampu dipegang dengan tapak tangannya. Maka setelah itu, orang ramai pun terus bersedekah secara berterusan sehingga terkumpulnya dua longgokan besar pakaian dan makanan dan sehingga aku telah melihat wajah Rasulullah ؐ berseri-seri seolah-olah bekas yang bersinar. Maka Baginda ؓ pun bersabda:

“Barangsiapa yang mencipta di dalam Islam satu sunnah yang baik, maka dia memperoleh pahalanya dan pahala orang-orang yang beramal dengannya (sunnah tersebut) selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa mencipta satu sunnah yang buruk, maka dia memperoleh dosanya dan dosa orang-orang yang beramal dengan

sunnah (yang buruk) tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun dosa-dosa mereka.”

T: Muslim; al-Nasa'i – al-Sunan al-Sughra dan lain-lain.

23.1: Umat Islam Yang Beriman Itu Umpama Satu Tubuh Badan

al-Nu^cman Ibn Bashir رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ
عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

Maksudnya: “Perumpamaan orang-orang beriman di dalam kasih-sayang sesama mereka, rahmat merahmati sesama mereka, dan belas kasihan sesama mereka ialah seumpama jasad yang satu. Apabila salah satu anggotanya mengadu kesakitan, maka seluruh anggotanya juga akan bantu membantu dengan berjaga malam dan demam.”

T: Muslim; al-Bukhari; Ahmad; Ibn Hibban; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Humaydi; al-Bazzar dan lain-lain.

23.2: Orang Yang Beriman Itu Saling Bantu Membantu

Abu Musa al-Ash^cari رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا، وَشَبَّكَ أَصَابِعُهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya seorang mukmin bagi seorang mukmin yang lain adalah seumpama sebuah binaan yang kukuh, sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain.” Dan Baginda pun menyilangkan (menjalinkan) jari-jemari tangan Baginda yang mulia.”

T: al-Bukhari; Muslim; al-Tirmidhi; al-Nasa'i - al-Sunan al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; Ibn Hibban; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; al-Bazzar; Abu Ya^cla al-Mawsili dan lain-lain.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

PEMBERSIHAN HARTA (WEALTH CLEANSING)

Firman Allah ﷻ (al-Baqarah: 188):

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksudnya: “[188] Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

24: MENJAUHI ELEMEN HARAM DAN SHUBHAT

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ، فَقَالَ: (يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا)، وَقَالَ تَعَالَى: (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ)، ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ: أَشْعَثَ أَغْبَرَ، يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبَّ يَا رَبَّ، وَمَطَعُمُهُ حَرَامًا، وَمَشْرَبُهُ حَرَامًا، وَمَلْبَسُهُ حَرَامًا، وَغُذِّيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لِذَلِكَ؟.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah صلى الله عليه وسلم itu baik, (dan) tidak menerima melainkan sesuatu yang baik. Dan sesungguhnya Allah صلى الله عليه وسلم telah memerintahkan orang-orang beriman dengan apa yang telah Dia perintahkan kepada para rasul-Nya الصلوات, maka Dia berfirman: Wahai Para Rasul! Makanlah dari yang baik-baik dan beramallah dengan amalan yang soleh. Dan Dia berfirman: Wahai orang-orang yang telah beriman! Makanlah daripada yang baik-baik yang telah Kami rezekikan kepada kamu. Kemudian, Baginda صلى الله عليه وسلم menyebut tentang seorang lelaki yang bermusafir dengan begitu jauh, dalam keadaan rambutnya yang kusut dan berdebu kepalanya, memanjatkan kedua-dua tangannya ke langit seraya berdoa: Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku!, Sedangkan makanannya haram, dan minumannya haram, dan pakaiannya haram, dan diberi makan dari sumber yang haram, maka bagaimanakah akan diterima (doanya) itu?”

T: Muslim.

24.1: Bersedekah Dengan Harta Haram Tidak Mendapat Pahala

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا، ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ، لَمْ يَكُنْ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ، وَكَانَ إِضْرُهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang mengumpulkan harta yang haram, kemudian dia bersedekah dengannya, tidak ada baginya padanya pahala, dan bebanan dosanya adalah ke atasnya.”

T: Ibn Hibban.

24.2: Bersedekah Dengan Harta Haram Tetap Berdosa

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahwa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا أَدَيْتَ الزَّكَاةَ فَقَدْ قَضَيْتَ مَا عَلَيْكَ، وَمَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا، ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ،
لَمْ يَكُنْ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ، وَكَانَ إِضْرُهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya: “Apabila engkau menunaikan zakat, maka sesungguhnya engkau telah melaksanakan apa yang wajib ke atasmu, dan barangsiapa yang mengumpulkan harta yang haram, kemudian dia bersedekah dengannya, tidak ada baginya padanya pahala, dan bebanan dosanya adalah ke atasnya.”

T: al-Hakim – al-Mustadrak; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Bayhaqi – al-Sunan al-Kubra, al-Sunan al-Sughra dan Shu^cab al-Iman.

24.3: Harta Haram Adalah Bekalan Ke Neraka

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يُغْبَطَنَّ جَامِعُ الْمَالِ مِنْ غَيْرِ حِلِّهِ، أَوْ قَالَ: مِنْ غَيْرِ حَقِّهِ، فَإِنَّهُ إِنْ تَصَدَّقَ لَمْ
يُقْبَلْ مِنْهُ، وَمَا بَقِيَ كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ.

Maksudnya: “Tidak dicemburui si pengumpul harta tanpa halalnya – atau Baginda menyebut – tanpa haknya. Maka sesungguhnya sekiranya dia bersedekah (dengannya), tidak diterima (oleh Allah) daripadanya, dan apa yang dikekalkan (disimpan) baginya adalah merupakan bekalannya ke neraka.”

T: al-Hakim dan beliau berkata: Hadith ini bersanad sahih tetapi tidak diriwayatkan oleh mereka berdua (al-Bukhari dan Muslim).

24.4: Daging Yang Tumbuh Dari Harta Haram Adalah Di Neraka

Jabir Ibn ʿAbdullah ﷺ meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

يَا كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ، لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ نَبَتَ حَمُّهُ مِنْ سُحْتِ النَّارِ أَوْلَى بِهِ.

Maksudnya: “Wahai Kaʿb Ibn ʿUjrah, tidak akan masuk syurga sesiapa yang tumbuh dagingnya daripada (sumber) yang haram, api neraka lebih layak baginya.”

T: Ahmad; al-Darimi; Ibn Hibban; al-Hakim dan lain-lain.

25: MEMBERSIHKAN HARTA

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَسَمَ بَيْنَكُمْ أَخْلَاقَكُمْ، كَمَا قَسَمَ بَيْنَكُمْ أَرْزَاقَكُمْ، وَإِنَّ اللَّهَ ﷻ يُعْطِي الدُّنْيَا مَنْ يُحِبُّ وَمَنْ لَا يُحِبُّ، وَلَا يُعْطِي الدِّينَ إِلَّا لِمَنْ أَحَبَّ، فَمَنْ أَعْطَاهُ اللَّهُ الدِّينَ، فَقَدْ أَحَبَّهُ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَا يُسَلِّمُ عَبْدٌ حَتَّى يَسَلِّمَ قَلْبَهُ وَلِسَانَهُ، وَلَا يُؤْمِنُ حَتَّى يَأْمَنَ جَارُهُ بِوَأْتِقَهُ "، قَالُوا وَمَا بِوَأْتِقَهُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ؟ قَالَ: " غَشْمُهُ وَظُلْمُهُ، وَلَا يَكْسِبُ عَبْدٌ مَالًا مِنْ حَرَامٍ، فَيَنْفِقَ مِنْهُ فَيَبَارِكَ لَهُ فِيهِ، وَلَا يَتَصَدَّقُ بِهِ فَيُقْبَلَ مِنْهُ، وَلَا يَتْرُكُ خَلْفَ ظَهْرِهِ إِلَّا كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ، إِنَّ اللَّهَ ﷻ لَا يَمْحُو السَّيِّئَ بِالسَّيِّئِ، وَلَكِنْ يَمْحُو السَّيِّئَ بِالْحَسَنِ، إِنَّ الْحَبِيثَ لَا يَمْحُو الْحَبِيثَ .

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah membahagikan di antara kamu akhlak-akhlak kamu, sepertimana mana Dia membahagikan di antara kamu rezeki-rezeki kamu, dan sesungguhnya Allah ﷻ memberi dunia kepada sesiapa yang Dia cintai dan sesiapa yang Dia tidak cintai, dan Dia tidak memberikan agama melainkan kepada sesiapa yang Dia cintai. Maka baringsiapa yang diberi agama oleh Allah, maka sesungguhnya Dia menyintainya.

Dan demi (Allah) yang nyawaku di dalam kekuasaanNya, tidaklah seseorang hamba itu benar-benar menyempurnakan Islamnya sehinggalah hati dan lidahnya juga sejahtera (dari menyakiti orang lain), dan tidak sempurna iman (seseorang hamba) sehingga jirannya merasakan keamanan daripada kejahatannya.

Para sahabat bertanya: Dan apakah kejahatan-kejahatannya, wahai Nabi Allah!. Baginda ﷺ bersabda: " Rampasan harta, dan kezalimannya, dan tidaklah seseorang hamba itu mendapatkan harta dari (sumber) yang haram, lalu dia menginfaqkannya melainkan tidak diberkati baginya padanya; dan tidaklah dia bersedekah dengannya melainkan tidak diterima (Allah) daripadanya; dan tidaklah dia meninggalkan (harta haram) itu di atas belakangnya melainkan ia menjadi bekalannya ke neraka.

Sesungguhnya Allah ﷻ tidak memadam kejahatan dengan kejahatan, akan tetapi Dia memadam kejahatan dengan kebaikan. Sesungguhnya sesuatu yang kotor itu tidak memadamkan sesuatu yang kotor.”

T: Ahmad; al-Hakim; Ibn Abi Shaybah; al-Bazzar dan lain-lain.

25.1: Menjauhi Harta Haram

Abdullah Ibn Mas'ud ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يُعْطِي الدُّنْيَا مَنْ يُحِبُّ وَمَنْ لَا يُحِبُّ، وَلَا يُعْطِي الدِّينَ إِلَّا مَنْ أَحَبَّ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، مَا يُسْلِمُ عَبْدٌ حَتَّى يُسْلِمَ قَلْبُهُ، وَلَا يُؤْمِنُ عَبْدٌ حَتَّى يَأْمَنَ جَارُهُ بِوَأْتِقَهُ، قَالُوا: وَمَا بِوَأْتِقَهُ؟ قَالَ: غَشْمُهُ وَظُلْمُهُ، وَلَا اِكْتَسَبَ عَبْدٌ مَالًا حَرَامًا فَتَصَدَّقَ بِهِ فَيَقْبَلُ مِنْهُ، وَلَا يُنْفِقُهُ فَيُبَارِكُ لَهُ فِيهِ، وَلَا يَدَعُهُ خَلْفَ ظَهْرِهِ إِلَّا كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ، إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لَا يَمْحُو السَّيِّئَ بِالسَّيِّئِ، وَلَكِنْ يَمْحُو السَّيِّئَ بِالْحَسَنِ، إِنَّ الْحَبِيثَ لَا يَمْحُو الْحَبِيثَ، وَمَنْ اِكْتَسَبَ مَالًا مِنْ غَيْرِ حِلِّهِ فَوَضَعَهُ فِي حَقِّهِ فَإِنَّهُ أَبْرٌ مِنْ ذَلِكَ أَنْ لَا يَسْلُبَ الْيَتِيمَ وَيَكْسُو الْأَرْمَلَةَ، وَمَنْ اِكْتَسَبَ مَالًا مِنْ غَيْرِ حِلِّهِ فَوَضَعَهُ فِي غَيْرِ حَقِّهِ فَذَلِكَ الدَّاءُ الْعُضَالُ، وَمَنْ اِكْتَسَبَ مَالًا مِنْ حِلِّهِ فَوَضَعَهُ فِي حَقِّهِ، فَمِثْلُ ذَلِكَ مِثْلُ الْغَيْثِ يَنْزُلُ .

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah - *tabaraka wa ta'ala* - memberikan dunia kepada sesiapa yang Dia cintai dan sesiapa yang Dia tidak cintai, dan Dia tidak memberikan agama melainkan kepada sesiapa yang Dia cintai. Dan demi (Allah) yang nyawaku di dalam kekuasaanNya, tidaklah seseorang hamba itu benar-benar menyempurnakan Islamnya sehinggalah hati dan lidahnya juga sejahtera (dari menyakiti orang lain), dan tidak sempurna iman (seseorang hamba) sehingga jirannya merasakan keamanan daripada kejahatannya.

Para sahabat bertanya: Dan apakah kejahatan-kejahatannya, wahai Nabi Allah!. Baginda bersabda: "Rampasan harta, dan kezalimannya, dan tidaklah seseorang hamba itu mendapatkan harta dari (sumber) yang haram, lalu dia bersedekah dengannya melainkan tidak diterima daripadanya; dan tidaklah dia menginfiafkannya melainkan tidak diberkati baginya padanya, dan tidaklah dia meninggalkan (harta haram) itu di atas belakangnya melainkan ia menjadi bekalannya ke neraka.

Sesungguhnya Allah - *tabaraka wa ta'ala* - tidak memadam kejahatan dengan kejahatan, akan tetapi kejahatan dipadamkan dengan kebaikan. Sesungguhnya sesuatu yang kotor itu tidak memadamkan sesuatu yang kotor.

Dan barangsiapa yang mendapat harta tanpa halalnya, lalu dia meletakkannya pada haknya, maka sesungguhnya adalah lebih baik baginya untuk tidak mengambil harta dari anak yatim dan (kemudiannya) memberi pakaian kepada ibu-ibu tunggal; Dan barangsiapa yang mendapat harta tanpa halalnya, lalu dia meletakkannya pada bukan haknya, maka itu adalah penyakit kronik yang tidak ada ubatnya; Dan barangsiapa yang mendapat harta yang halal, lalu dia meletakkannya pada haknya, maka dia adalah seumpama awan yang menurunkan hujan."

T: al-Bazzar - Musnad.

25.2: Mencampurkan Sedekah Di Dalam Urusniaga (a)

Qays Ibn Abi Gharazah رضي الله عنه berkata:

خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَنَحْنُ نُسَمِّي السَّمَايِرَةَ، فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ التُّجَّارِ،
إِنَّ الشَّيْطَانَ، وَالْإِثْمَ، يَخْضِرَانِ الْبَيْعَ فَشُوبُوا بَيْعَكُمْ بِالصَّدَقَةِ .

Maksudnya: "Rasullah ﷺ telah keluar kepada kami dan kami pada masa itu dinamakan sebagai "Samasirah", lalu Baginda bersabda: "Wahai sekalian para peniaga! Sesungguhnya syaitan dan dosa itu menghadiri jual-beli, maka campurkanlah jual-beli kamu dengan sedekah."

T: al-Tirmidhi: Hadith ini sahih lagi baik.

25.3: Mencampurkan Sedekah Di Dalam Urusniaga (b)

Qays Ibn Abi Gharazah رضي الله عنه berkata:

كُنَّا نُسَمَّى السَّمَاوِيَّةَ، فَأَتَانَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَنَحْنُ نَبِيعُ، فَسَمَّانَا بِاسْمِهِ هُوَ خَيْرٌ
مِنْ أَسْمَانَا، فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ التُّجَّارِ، إِنَّ هَذَا الْبَيْعَ يَحْضُرُهُ الْحَلْفُ، وَالْكَذِبُ،
فَشُوبُوا بِبَيْعِكُمْ بِالصَّدَقَةِ.

Maksudnya: “Pernah satu ketika dahulu kami dinamakan (dikenali) sebagai "Samasirah", maka Rasulullah ﷺ telah datang kepada kami sedang kami sedang berjual-beli, lalu Baginda menamakan kami dengan satu nama yang lebih baik daripada nama kami, dan bersabda: "Wahai sekalian para peniaga! Sesungguhnya jual-beli ini dihadiri oleh sumpah dan penipuan, maka campurkanlah jual-beli kamu dengan sedekah."

T: al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; al-Hakim dan lain-lain.

25.4: Cara Membersihkan Harta Haram (a)

Saidina Abu Bakar رضي الله عنه pernah menyahut cabaran untuk bertaruh dengan orang kafir Mekah mengenai kebenaran al-Quran tentang kemenangan tentera Rum ke atas tentera Parsi. Sebahagian riwayat menyatakan beliau meminta izin daripada Rasulullah ﷺ, lalu Baginda membenarkannya dan memerintahkan supaya jumlah taruhan itu dipertingkatkan. Tempoh taruhan juga dilanjutkan daripada tujuh ke sembilan tahun. Setelah tentera Rum mengalahkan tentera Parsi, Saidina Abu Bakar رضي الله عنه membawa hasil taruhan tersebut kepada Rasulullah ﷺ dan Baginda bersabda:

هَذَا سُحْتٌ / السُّحْتُ، (ف) تَصَدَّقْ بِهِ

Maksudnya: “Ini adalah pendapatan yang haram lagi kotor, maka bersedekahlah dengannya.”

Nota: Sebahagian ulama’ menyatakan taruhan ini berlaku sebelum turunnya pengharaman judi (qimar / muqamarah):

T: Ibn Kathir: Menukilkan daripada Ibn Abi Hatim; al-Ghazali - al-Ihya'; Al-^cIraqi menisbalkannya kepada al-Bayhaqi di dalam Dala'il al-Nubuwwah. Riwayat ini mempunyai shawahid daripada al-Tirmidhi, al-Hakim, Abu Ya'la al-Mawsili dan al-Busiri.

25.5: Cara Membersihkan Harta Haram (b)

Rasulullah ﷺ pernah dihadiahkan dengan hidangan seekor kambing, namun Rasulullah ﷺ mendapat tahu bahawa ia telah dimiliki tanpa izin pemiliknya. Maka Rasulullah ﷺ bersabda:

أَطْعِمُوهَا الْأُسَارَى / أَطْعِمِيهِ الْأُسَارَى

Maksudnya: “Berilah hidangan ini sebagai makanan kepada tawanan perang.”

T: Abu Dawud; Ahmad; al-Daruqutni; al-Hakim; Ibn Abi Shaybah; al-Tahawi - Sharh al-Ma'ani al-Athar dan Mushkil al-Athar dan lain-lain. R: al-Ghazali – al-Ihya'.

25.6: Cara Membersihkan Harta Haram – Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه

Diriwayatkan bahawa ^cAbdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه pernah membeli seorang hamba sahaya perempuan namun apabila beliau ingin membayarnya maka beliau mencari pemiliknya dengan bersungguh-sungguh namun tidak beliau temui. Beliau pun bersedekah dengan harga hamba sahaya wanita tersebut dan berdoa:

اللَّهُمَّ هَذَا عَنْهُ إِنْ رَضِيَ، وَإِلَّا فَالْأَجْرِي.

Maksudnya: “Ya Allah! Sedekah ini adalah bagi pihaknya (pemilik asal) sekiranya dia redha, sekiranya dia tidak redha/setuju, maka ianya adalah untukku”.

R: al-Ghazali – al-Ihya'.

25.7: Cara Membersihkan Harta Haram – al-Hasan al-Basri

Diriwayatkan bahawa al-Hasan (al-Basri) رضي الله عنه ditanya berkenaan taubat seseorang yang mengambil harta *ghanimah* tentera (*al-ghall*) dan harta yang diambil setelah tentera bersurai, beliau menjawab:

يَتَصَدَّقُ بِهِ

Maksudnya: “(Hendaklah) dia bersedekah dengannya.”

R: *al-Ghazali – al-Ihya’*.

25.8: Cara Membersihkan Harta Haram – Imam al-Ghazali

Diriwayatkan bahawa seseorang telah terpengaruh dengan nafsunya, lalu dia mengambil sebanyak seratus (100) dinar daripada harta *ghanimah* (rampasan perang). Kemudian, dia datang menjumpai ketuanya untuk mengembalikannya. Maka, ketuanya tidak mahu mengambilnya dan berkata:

تَفَرَّقَ النَّاسُ

Maksudnya: “Orang ramai (askar-askar yang berhak) telah bersurai.”

Maka dia pun datang berjumpa dengan Mu^cawiyah رضي الله عنه, maka beliau pun enggan menerimanya. Maka dia datang berjumpa beberapa ahli ibadah, maka ahli ibadah tersebut berkata:

ادْفَعْ خُمْسَهَا إِلَى مُعَاوِيَةَ وَتَصَدَّقْ بِمَا يَبْقَى

Maksudnya: “Serahkanlah satu perlima daripadanya kepada Mu^cawiyah رضي الله عنه, dan bersedekahlah dengan apa yang masih berbaki daripadanya.”

Maka berita ini telah sampai kepada Mu^cawiyah رضي الله عنه, lalu beliau berasa kesal / sedih kerana tidak terlintas baginya penyelesaian itu.

R: *al-Ghazali – al-Ihya’*.

Imam al-Ghazali menyebut:

وَقَدْ ذَهَبَ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ وَالْحَارِثُ الْمُحَاسِبِيُّ وَجَمَاعَةٌ مِنَ الْوَرَعِيِّينَ إِلَى ذَلِكَ

Maksudnya: “Dan (Imam) Ahmad Ibn Hanbal, (Imam) al-Haris al-Muhasibi dan sekumpulan daripada orang-orang yang wara’ telah berpegang dengan pendapat tersebut.

R: al-Ghazali – al-Ihya’.

26: MELUNASKAN HUTANG DAN MENGEMBALIKAN HAK ORANG LAIN

Abu Umamah al-Bahili رضي الله عنه berkata bahwa beliau telah mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda di dalam khutbah pada Haji al-Wada^c:

الْعَارِيَةُ مُؤَدَّاةٌ، وَالزَّعِيمُ غَارِمٌ، وَالذَّيْنُ مَقْضِيٌّ.

Maksudnya: “Barang pinjaman itu perlulah dipulangkan, dan pemberi jaminan itu perlulah menanggung jaminannya, dan hutang itu perlulah dilangsaikan.”

T: Al-Tirmidhi.

26.1: Mengembalikan Hak Orang Lain

Abu Umamah al-Bahili رضي الله عنه meriwayatkan bahwa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

الذَّيْنُ مَقْضِيٌّ، وَالْعَارِيَةُ مُؤَدَّاةٌ، وَالْمِنْحَةُ مَرْدُودَةٌ، وَالزَّعِيمُ غَارِمٌ.

Maksudnya: “Hutang itu perlulah dilangsaikan, dan barang pinjaman itu perlulah dipulangkan, dan pemberian *manihah* itu perlulah dikembalikan, dan pemberi jaminan itu perlulah menanggung jaminannya.”

T: al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan al-Sunan al-Saghir; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Quda'i - Musnad al-Shihab; 'Abd al-Razzaq; al-Tabarani - al-Kabir dan lain-lain.

26.2: Seorang Kaya Yang Melambat-Lambatkan Pembayaran Hutang Adalah Satu Kezaliman

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahwa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَطَّلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ، وَإِذَا أُتْبِعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مِئَةٍ، فَلْيَتَّبِعْ.

Maksudnya: “Melambatkan pembayaran balik hutang oleh seorang yang kaya adalah satu kezaliman. Dan sekiranya salah seorang kamu dipindahkan tuntutan kepada seorang yang kaya, maka turutilah.”

T: al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Abu Dawud dan lain-lain.

26.3: Seorang Kaya Yang Melambat-Lambatkan Pembayaran Hutang Adalah Satu Kezaliman

Al-Sharid Ibn al-Suwayd رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

لِي الْوَاحِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ.

Maksudnya: “Orang yang mempunyai harta, tetapi melambatkan bayaran hutangnya, telah menghalalkan maruah dan hukuman ke atasnya.”

Abdullah Ibn al-Mubarak berkata:

يُحِلُّ عِرْضَهُ: يُغَلِّظُ لَهُ، وَعُقُوبَتَهُ: يُجَبِّسُ لَهُ.

Menghalalkan maruahnya bermaksud: Dikeraskan ke atasnya, dan maksud hukuman ke atasnya ialah ditahan/dipenjara kerananya.”

T: Abu Dawud, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad dan lain-lain.

26.4: Memperbetulkan Niat Ketika Berhutang

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ، وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang mengambil harta-harta manusia dengan tujuan untuk menunaikannya, pasti Allah ﷻ akan menunaikannya baginya; dan barangsiapa yang mengambil harta-harta manusia untuk memusnahkannya, pasti Allah ﷻ akan memusnahkannya.”

T: al-Bukhari, Ibn Majah, Ahmad dan lain-lain.

26.5: Doa Menjauhkan Diri Daripada Dibeberi Hutang

°A'ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يَدْعُو فِي الصَّلَاةِ، وَيَقُولُ: اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
الْمُتَمِّمِ وَالْمُغْرَمِ، فَقَالَ لَهُ قَائِلٌ: مَا اَكْثَرَ مَا تَسْتَعِيْذُ يَا رَسُوْلَ اَللّٰهِ مِنَ الْمُغْرَمِ؟
قَالَ: اِنَّ الرَّجُلَ اِذَا غَرِمَ حَدَّثَ، فَكَذَّبَ، وَوَعَدَ، فَاَخْلَفَ.

Maksudnya: "Rasulullah ﷺ berdoa di dalam solat, dan Baginda menyebut: Ya Allah! Sesungguhnya daku berlindung denganmu daripada dosa dan belunggu hutang. Maka seseorang berkata kepada Baginda: Begitu banyak sekali engkau memohon perlindungan daripada belunggu hutang, wahai Rasulullah!. Baginda bersabda: Sesungguhnya bilamana seseorang lelaki itu dibelunggu hutang, apabila dia bercakap, maka dia akan berbohong, dan apabila dia berjanji, maka dia akan memungkirinya."

T: al-Bukhari.

26.6: Dosa Yang Tidak Diampunkan Bagi Orang Yang Mati Shahid

°Abdullah Ibn °Amr Ibn al-°As رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

يُغْفَرُ لِلشَّهِيدِ كُلِّ ذَنْبٍ اِلَّا الدَّيْنَ .

Maksudnya: "Diampunkan bagi orang yang mati syahid itu setiap dosa(nya) melainkan hutang."

T: Muslim.

26.7: Beratnya Tuntutan Hutang Di Sisi Islam

Muhammad Ibn Jahsh رضي الله عنه berkata:

كُنَّا جُلُوْسًا عِنْدَ رَسُوْلِ اَللّٰهِ ﷺ فَرَفَعَ رَاسَهُ اِلَى السَّمَاءِ، ثُمَّ وَضَعَ رَاحَتَهُ عَلٰى
جَبْهَتِهِ، ثُمَّ قَالَ: " سُبْحَانَ اَللّٰهِ مَاذَا نَزَّلَ مِنَ التَّشْدِيْدِ " ، فَسَكَتْنَا وَفَرَعْنَا فَلَمَّا

كَانَ مِنَ الْغَدِ سَأَلْتُهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا هَذَا التَّشْدِيدُ الَّذِي نُزِّلَ؟ فَقَالَ: " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَوْ أَنَّ رَجُلًا قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، ثُمَّ أُحْيِيَ، ثُمَّ قُتِلَ، ثُمَّ أُحْيِيَ، ثُمَّ قُتِلَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ مَا دَخَلَ الْجَنَّةَ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ دَيْنُهُ.

Maksudnya: "Pernah satu ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah ﷺ, lalu Baginda mengangkat kepala Baginda ke langit, kemudian Baginda meletakkan tapak tangan Baginda di atas dahi Baginda yang mulia dan kemudian Baginda bersabda: "Maha Suci Allah! Betapa satu ketegasan telah diturunkan." Maka kami berdiam diri dan kemudiannya kami bersurai. Maka apabila tibanya pagi esok, daku telah bertanya Baginda (dengan berkata): Wahai Rasulullah! Apakah penegasan yang telah diturunkan. Baginda lalu bersabda:

"Demi (Allah) yang nyawaku di dalam kekuasaanNya, sekiranya seseorang lelaki itu dibunuh di jalan Allah, kemudian dihidupkan semula, kemudian dibunuh kembali, kemudian dihidupkan semula, kemudian dibunuh kembali (di jalan Allah), sedangkan di atas dirinya ada tanggungjawab hutang, dia tidak akan masuk ke syurga sehinggalah hutangnya itu ditunaikan baginya."

T: al-Nasa'i dan Ahmad.

26.8: Niat Tidak Membayar Hutang Adalah Seumpama Mencuri

Suhayb al-Rumi رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَيُّمَا رَجُلٍ يَدِينُ دَيْنًا وَهُوَ مُجْمِعٌ أَنْ لَا يُوفِّيَهُ إِيَّاهُ لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا.

Maksudnya: "Mana-mana lelaki yang berhutang dengan satu hutang dan dia telah bertekad itu tidak menunaikan (pembayarannya), dia akan berjumpa dengan Allah ﷻ sebagai pencuri."

T: Ibn Majah.

26.9: Niat Tidak Membayar Hutang Adalah Seumpama Mencuri

Suhayb al-Rumi رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً، ثُمَّ مَاتَ وَهُوَ لَا يَنْوِي أَنْ يُعْطِيَهَا مَهْرَهَا مَاتَ وَهُوَ زَانٍ،
وَمَنْ اسْتَقْرَضَ مِنْ رَجُلٍ قَرْضًا، ثُمَّ مَاتَ وَهُوَ لَا يَنْوِي أَنْ يُعْطِيَهُ مَاتَ وَهُوَ
سَارِقٌ.

Maksudnya: "Barangsiapa yang berkahwin dengan seorang wanita, kemudian dia meninggal dunia dalam keadaan dia tidak berniat untuk memberinya maharnya, (maka) dia mati dalam keadaan pezina; dan barangsiapa yang meminjam daripada seorang lelaki dengan satu pinjaman, kemudian dia meninggal dunia dalam keadaan dia tidak berniat untuk memberinya (bayaran pinjaman), (maka) dia mati dalam keadaan pencuri."

T: al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman; al-Bukhari - al-Tarikh al-Kabir; Ibn 'Asakir dan lain-lain.

26.10: Allah Bersama Orang Yang Berhutang Bukan Untuk Tujuan Yang Dibencinya

Abdullah Ibn Ja'far رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

كَانَ اللَّهُ مَعَ الدَّائِنِ حَتَّى يَقْضِيَ دَيْنَهُ مَا لَمْ يَكُنْ فِيهَا يَكْرَهُهُ اللَّهُ .

Maksudnya: "Adalah Allah صلى الله عليه وسلم itu bersama dengan si penghutang sehinggalah dia melunaskan hutangnya selagi mana (hutangnya) itu bukan pada perkara yang dibenci oleh Allah."

Dan Abdullah Ibn Ja'far رضي الله عنه diriwayatkan berkata kepada penjaga hartanya:

اذْهَبْ فَخُذْ لِي بَدَيْنٍ، فَإِنِّي أَكْرَهُ أَنْ أَبِيتَ لَيْلَةً إِلَّا وَاللَّهِ مَعِيَ بَعْدَ الَّذِي
سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ .

Maksudnya: "Pergilah, dan ambillah bagiku hutang, sesungguhnya daku tidak suka untuk bermalam pada satu malam melainkan Allah bersamaku setelah apa yang daku dengar daripada Rasulullah ﷺ."

T: Ibn Majah; al-Darimi; al-Hakim; al-Bayhaqi dan lain-lain.

26.11: Rasulullah ﷺ Adalah Wali Bagi Setiap Umatnya

°A'ishah رضى الله عنها meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ حَمَلَ مِنْ أُمَّتِي دَيْنًا، ثُمَّ جَهَدَ فِي قَضَائِهِ، فَمَاتَ، وَلَمْ يَقْضِهِ، فَأَنَا وَلِيُّهُ.

Maksudnya: "Barangsiapa di kalangan umatku yang dipikulkan (dibebankan) dengan hutang, kemudian dia telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membayarnya, lalu dia meninggal dunia dan tidak sempat untuk melangsaikannya, maka dakulah pembelanya/penjaga urusannya."

T: Ahmad : Sanadnya bersambung, para perawinya adalah thiqah dan merupakan perawi al-Bukhari dan Muslim.

26.12: Rasulullah ﷺ Lebih Berhak Dan Bertanggungjawab Bagi Umatnya

Jabir Ibn °Abdullah رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَنَا أَوْلَى بِكُلِّ مُؤْمِنٍ مِنْ نَفْسِهِ، مَنْ تَرَكَ مَالًا فَلِأَهْلِهِ، وَمَنْ تَرَكَ دَيْنًا أَوْ ضِيَاعًا فَلِيَّ وَعَلِيٍّ .

Maksudnya: "Aku lebih berhak (layak) ke atas setiap orang mukmin daripada dirinya sendiri. Barangsiapa (yang mati) meninggalkan harta, maka ia adalah bagi keluarganya; dan barangsiapa (yang mati) meninggalkan hutang atau ahli keluarga yang memerlukan bantuan (seperti kanak-kanak) maka kepadaku dan ke atasku lah (tanggungjawabnya)."

T: Muslim; Abu Dawud; al-Nasa'i - al-Sunan al-Sughra; Ibn Majah; Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban dan lain-lain.

Abu Sa'îd al-Khudri رضي الله عنه berkata:

دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ ذَاتَ يَوْمٍ الْمَسْجِدَ، فَإِذَا هُوَ بِرَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ، يُقَالُ لَهُ: أَبُو أُمَامَةَ، فَقَالَ: " يَا أَبَا أُمَامَةَ، مَا لِي أَرَاكَ جَالِسًا فِي الْمَسْجِدِ فِي غَيْرِ وَقْتِ الصَّلَاةِ؟ " قَالَ: هُمُومٌ لَزِمْتَنِي وَدُيُونٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: " أَفَلَا أَعَلَّمَكَ كَلِمًا إِذَا أَنْتَ قُلْتَهُ أَذْهَبَ اللَّهُ عَنكَ هَمُّكَ، وَقَضَىٰ عَنكَ دَيْنَكَ؟ " قَالَ: قُلْتُ: بَلَىٰ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: " قُلْ إِذَا أَصْبَحْتَ وَإِذَا أَمْسَيْتَ: اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَاَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَاَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَاَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلْبَةِ الدِّينِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ ". قَالَ: فَفَعَلْتُ ذَلِكَ فَأَذْهَبَ اللَّهُ عَنِّيْ هَمِّي، وَقَضَىٰ عَنِّيْ دَيْنِي.

Maksudnya: Rasulullah ﷺ telah memasuki masjid pada satu hari, maka Baginda menjumpai seorang lelaki daripada Ansar yang dipanggil dengan: Abu Umamah. Baginda lalu bersabda: Wahai Abu Umamah! Mengapakah daku melihat engkau di masjid pada bukan waktu solat?. Beliau menjawab: Kerisauan melandaku dan hutang-hutang(ku), wahai Rasulullah!. Baginda bersabda: Adakah kamu tidak mahu daku ajarkan kamu kata-kata (doa) yang apabila kamu ucapkannya, Allah ﷻ akan menghilangkan kerisauanmu dan menunaikan bagimu hutangmu?. Beliau menjawab: Daku berkata: Bahkan wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Ucapkanlah apabila engkau berada di pagi hari dan di petang hari:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَاَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ،
وَاَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَاَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلْبَةِ الدِّينِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

“Ya Allah! Sesungguhnya daku berlindung denganMu daripada kerisauan dan kesedihan; dan daku berlindung denganMu daripada kelemahan dan kemalasan; dan daku berlindung denganMu daripada sikap pengecut dan bakhil; dan daku berlindung

denganMu daripada bebanan hutang dan kekerasan orang-orang lain.”

Beliau berkata: Maka daku pun melakukan yang demikian itu, maka Allah ﷻ pun menghilangkan kerisauanku dan menunaikan bagiku hutangku."

T: *Abu Dawud.*

26.14: Doa Bagi Menolak Bebanan Hutang

°A'ishah ؓ berkata:

قَالَ لِي أَبِي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَلَا أَعَلَّمْتِكِ دُعَاءَ عَلَّمَنِيهِ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَقَالَ: كَانَ عَيْسَى الْكَلْبِيُّ يُعَلِّمُهُ الْحَوَارِيِّينَ لَوْ كَانَ عَلَيْكَ دَيْنٌ مِثْلُ أُحُدٍ، ثُمَّ قُلْتَهُ لَقَضَاهُ اللَّهُ عَنْكَ، قُلْتُ: بَلَى، قَالَ: قُولِي: اَللّٰهُمَّ فَارِجِ اَلْهُمَّ وَكَاشِفِ اَلْكَرْبِ، مُجِيبِ دَعْوَةِ الْمُضْطَرِّينَ، رَحْمَنِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، أَنْتَ رَحْمَانِي فَارْحَمْنِي رَحْمَةً تُغْنِينِي بِهَا عَنْ مَنْ سِوَاكَ .

Maksudnya: "Ayahku ؓ berkata kepadaku: Adakah kamu tidak mahu aku ajarkan kamu satu doa yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ kepadaku dan Baginda bersabda: (Nabi) °Isa ؑ pernah mengajarkannya kepada *hawariyyin*, sekiranya di atasmu ada hutang sebesar Uhud, kemudian kamu mengucapkannya, pasti Allah akan menunaikannya bagi kamu. Daku berkata: Bahkan. Maka beliau berkata: Ucapkanlah:

اَللّٰهُمَّ فَارِجِ اَلْهُمَّ وَكَاشِفِ اَلْكَرْبِ، مُجِيبِ دَعْوَةِ الْمُضْطَرِّينَ، رَحْمَنِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، أَنْتَ رَحْمَانِي فَارْحَمْنِي رَحْمَةً تُغْنِينِي بِهَا عَنْ مَنْ سِوَاكَ .

“Ya Allah! Yang membuka jalan keluar dari kerisauan, dan yang mengangkat kepayahan, yang memperkenankan doa-doa orang yang dalam kesusahan, Maha Pemurah di dunia dan Akhirat. Engkaulah yang maha pemurah (rahmat) bagiku, maka rahmatilah daku dengan sesuatu rahmat yang Engkau mengayakan daku dengannya daripada sesiapa selain Engkau.”

T: al-Bazzar; al-Hakim; al-Haythami - Kashf al-Astar; al-Bayhaqi - Dala'il al-Nubuwwah; Ibn 'Asakir - Tarikh Dimashq; al-Tabarani - al-Du'a' dan lain-lain.

26.15: Allah ﷻ Mengetahui Niat Si Penghutang

Ummu al-Mu'minin Maymunah رضى الله عنها meriwayatkan bahawa:

كَانَتْ تَدَّانُ دَيْنًا، فَقَالَ لَهَا بَعْضُ أَهْلِهَا: لَا تَفْعَلِي وَأَنْكَرَ ذَلِكَ عَلَيْهَا، قَالَتْ:
بَلَى، إِنِّي سَمِعْتُ نَبِيَّ وَخَلِيلِي ﷺ يَقُولُ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدَّانُ دَيْنًا يَعْلَمُ اللَّهُ مِنْهُ
أَنَّهُ يَرِيدُ أَدَاءَهُ إِلَّا آدَاهُ اللَّهُ عَنْهُ فِي الدُّنْيَا .

Maksudnya: “Beliau pernah berhutang dengan satu hutang, maka sebahagian ahli keluarganya berkata kepadanya: Janganlah kamu lakukannya, dan mereka mengingkari hal tersebut ke atasnya. Beliau lantas berkata: Bahkan, sesungguhnya daku telah mendengar Nabiku dan teman baikku رضى الله عنه bersabda: Tidak ada seorang Muslim pun yang berhutang dengan suatu hutang, di mana Allah mengetahui bahawa sesungguhnya dia mahu menunaikannya melainkan Allah akan menunaikan baginya di dunia ini.”

T: Ibn Majah.

26.16: Hutang Dibayar Dengan Pahala Di Akhirat Kelak

Abdullah Ibn Umar رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دِينَارٌ أَوْ دِرْهَمٌ قُضِيَ مِنْ حَسَنَاتِهِ لَيْسَ ثَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang meninggal dunia sedang di atasnya (ada tanggungjawab hutang) dinar dan dirham, maka ditunaikan (hutangnya) itu daripada (pahala) amalan kebajikannya, tidak ada di sana nanti dinar atau dirham pun.”

T: Ibn Majah.

26.17: Membayar Semula Hutang Dengan Lebih Baik (a)

Abu Rafi^c رضي الله عنه menyebut bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ اسْتَسَلَفَ مِنْ رَجُلٍ بَكْرًا، فَقَدِمَتْ عَلَيْهِ إِبِلٌ مِنْ إِبِلِ الصَّدَقَةِ، فَأَمَرَ أَبُو رَافِعٍ أَنْ يَقْضِيَ الرَّجُلَ بَكْرَهُ فَرَجَعَ إِلَيْهِ أَبُو رَافِعٍ، فَقَالَ: لَمْ أَجِدْ فِيهَا إِلَّا خِيَارًا رَبَاعِيًّا، فَقَالَ: أَعْطِهِ إِيَّاهُ إِنَّ خِيَارَ النَّاسِ أَحْسَنُهُمْ قَضَاءً.

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah meminjam daripada seorang lelaki seekor unta yang muda. Maka (apabila) datang kepada Baginda unta daripada unta-unta sedekah, Baginda memerintahkan Abu Rafi^c رضي الله عنه untuk membayar semula lelaki tersebut unta mudanya. (Tetapi) Abu Rafi^c kembali semula kepada Baginda dan berkata: Daku tidak mendapati pada (unta-unta) tersebut melainkan unta-unta terpilih yang baru masuk tujuh tahun. Maka Baginda (pun) bersabda: Berikanlah ia kepadanya, sesungguhnya sebaik-baik manusia ialah yang paling baik dalam menunaikan (hutangnya).”

T: Muslim.

26.18: Membayar Semula Hutang Dengan Lebih Baik (b)

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

كَانَ لِرَجُلٍ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ سِنٌَّ مِنَ الْإِبِلِ، فَجَاءَهُ يَتَقَاضَاهُ، فَقَالَ: أَعْطُوهُ، فَطَلَبُوا سِنَّهُ، فَلَمْ يَجِدُوا لَهُ إِلَّا سِنًّا فَوْقَهَا، فَقَالَ: أَعْطُوهُ، فَقَالَ: أَوْفَيْتَنِي أَوْفَى اللَّهِ بِكَ، قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: إِنَّ خِيَارَكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً.

Maksudnya: “Pernah ada seorang lelaki yang mempunyai hutang ke atas Nabi ﷺ dengan seekor daripada unta, maka dia datang berjumpa Baginda untuk ditunaikan hutang tersebut. Maka Baginda bersabda: Berikanlah kepadanya. Maka mereka (para sahabat) mencari unta sebaya untanya, namun mereka tidak menjumpainya melainkan unta yang di atasnya (lebih tua), maka Baginda bersabda: Berikanlah ia kepadanya. Lelaki tersebut pun berkata: Engkau telah menunaikan hutangmu kepadaku, semoga

Allah menunaikan (janji-Nya) denganmu. Nabi ﷺ bersabda: Sebaik-baik di kalangan kamu ialah yang paling baik menunaikan (hutangnya/hak ke atasnya).”

T: al-Bukhari.

27. MENUNAIKAN HAK ALLAH ﷺ YANG TERTANGGUH

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمَّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمٌ شَهْرٍ، أَفَأَقْضِيهِ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى.

Maksudnya: “Seorang lelaki telah datang kepada Nabi ﷺ, lalu dia berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibuku telah wafat dan ke atasnya (tanggungjawab) puasa selama sebulan (yang masih belum ditunaikan), adakah (patut) aku melaksanakannya bagi pihaknya?. Baginda bersabda: Ya, (dan) Baginda bersabda (lagi): Maka hutang Allah itu lebih berhak ditunaikan.”

T: al-Bukhari.

27.1: Hutang Allah ﷻ Adalah Yang Paling Berhak Ditunaikan

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَتْ: إِنَّ أُمَّي نَذَرْتُ أَنْ تَحُجَّ فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ، أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، حُجِّي عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمَّكِ دَيْنٌ فَأُضِيَهُ، أَقْضُوا اللَّهَ، فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya seorang wanita daripada Juhaynah telah datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk mengerjakan haji, namun dia tidak sempat mengerjakan haji sebelum dia meninggal dunia, apakah (patut) aku melaksanakan haji bagi pihaknya?. Baginda bersabda: Ya, kerjakanlah haji bagi pihaknya, apakah pandangan kamu sekiranya di atas ibumu itu ada hutang, adakah kamu (patut) melangsaikannya, (maka) tunaikanlah hutang Allah, sesungguhnya Allah adalah yang paling berhak ditunaikan (hutang) kepada-Nya.”

T: al-Bukhari.

PENYUCIAN DAN INFAQ HARTA (WEALTH PURIFICATION AND INFAQ)

Firman Allah ﷻ (al-Furqan: 67):

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ

قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Maksudnya: “[67] Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

28: MENUNAIKAN ZAKAT

Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
وَأِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

Maksudnya: "Islam itu terbina di atas lima perkara: (i) Persaksian bahawa sesungguhnya Tiada tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya (Nabi) Muhammad ﷺ itu hamba dan utusanNya; dan (ii) mendirikan solat; dan (iii) menunaikan zakat; dan (iv) mengerjakan haji ke Bayt (Allah); dan (v) berpuasa di bulan Ramadan."

T: Muslim; al-Bukhari; al-Tirmidhi; Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; Abu Nu'aym al-Asbahani; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Saghir dan al-Sunan al-Kubra; al-Tabarani - Musnad al-Shamiyyin, al-Awsat dan al-Kabir dan lain-lain.

28.1: Kewajipan Zakat

Abdullah Ibn Abbas رضي الله عنه meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ بَعَثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى الْيَمَنِ، فَقَالَ: ادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ
افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ
فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ
عَلَى فُقَرَائِهِمْ.

Maksudnya: "Bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ mengutus Mu'adh (Ibn Jabal) رضي الله عنه ke Yaman, maka Baginda bersabda kepadanya: "Serulah mereka kepada persaksian bahawa Tiada Tuhan Melainkan Allah, dan sesungguhnya daku ini Utusan Allah. Maka sekiranya mereka mentaati seruanmu itu, maka ajarkanlah kepada

mereka bahawa sesungguhnya Allah ﷻ telah menfardukan ke atas mereka solat lima waktu pada setiap hari dan malam. Maka sekiranya mereka taat kepada perkara itu, maka ajarkanlah mereka bahawa sesungguhnya Allah ﷻ mewajibkan ke atas mereka sedeqah (zakat) pada harta-harta mereka, diambil daripada orang-orang kaya di kalangan mereka, dan diberikan kepada golongan faqir di kalangan mereka."

T: al-Bukhari.

28.2: Azab Kerana Tidak Membayar Zakat (a)

Abu Hurayrah رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ، مُثِّلَ لَهُ مَالُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شُجَاعًا أَقْرَعَ لَهُ زَبَبَتَانِ يُطَوَّقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، ثُمَّ يَأْخُذُ بِلَهْزَمَتَيْهِ يَعْنِي شِدْقِيهِ، ثُمَّ يَقُولُ أَنَا مَالِكَ أَنَا كَنْزُكَ، ثُمَّ تَلَا: [وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ (بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ) وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ]

Maksudnya: "Barangsiapa yang dikurniakan harta oleh Allah, lalu dia tidak melaksanakan zakatnya, dirupakan baginya hartanya itu pada hari Kiamat nanti dengan seekor ular yang mampu berdiri di atas ekornya, lagi berbisa, dengan dua titik hitam (yang berlubang di dalam rahangnya), yang akan dikalungkan (dibelitkan) ke atasnya pada hari Kiamat nanti. Kemudian ia (ular itu) mengambilnya dengan kedua-dua rahangnya seraya berkata: Akulah hartamu, akulah khazanahmu, dan kemudian Baginda membaca (Ali Imran:180): "Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil (dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya – menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan."

28.3: Azab Kerana Tidak Membayar Zakat (b)

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda (petikan daripada sebuah hadith yang lebih panjang):

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا، إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ، فَيَكْوَى بِهَا جَنْبَهُ
وَجَبِينَهُ وَظَهْرَهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ،
حَتَّى يُقْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ، فَيَرَى سَبِيلَهُ إِمَّا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِمَّا إِلَى النَّارِ

Maksudnya: "Tidak ada seorang pun dari mereka yang memiliki emas dan perak yang tidak menunaikan daripadanya hak (zakat)nya, melainkan pada hari Kiamat nanti dibentangkan baginya pembentangan daripada api, lalu dia dibakarkan di atasnya di dalam neraka Jahannam, lalu diselarkan pada rusuknya, dahinya dan belakangnya, dan setiap kali ia menjadi sejuk, maka diulangkan (azab) itu baginya pada hari yang kadarnya (sehari) ialah lima puluh ribu tahun, sehinggalah diputuskan hukuman di kalangan hamba-hamba (Allah), maka dia dapat melihat jalannya, sama ada ke syurga ataupun ke neraka."

T: Muslim; Abu Dawud; Ahmad dan lain-lain.

28.4: Azab Kerana Tidak Membayar Zakat (c)

Firman Allah تعالى (al-Tawbah: 34-35):

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن كَثِيرًا مِّنَ الْأَجْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَآكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ
بِالْبَطْلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا
يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ

فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۗ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا

كُنْتُمْ تَكْنُزُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: “[34] Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. [35] (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.”

28.5: Memelihara Harta Dengan Berzakat

^cAbdullah Ibn Mas^cud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

حَصِّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ، وَدَاوُوا مَرَضَاتِكُمْ بِالصَّدَقَةِ، وَأَعِدُّوا لِلْبَلَاءِ
الدُّعَاءَ.

Maksudnya: "Lindungilah harta-hartamu dengan zakat, dan ubatilah pesakit-pesakitmu dengan sedekah, dan sediakanlah (persiapan) bagi bala' dengan berdoa."

T: al-Tabarani - al-Awsat, al-Kabir dan al-Du'a'; al-Quda'i - Musnad al-Shihab; Abu Nu'aym al-Asbahani - Hilyat al-Awliya' dan lain-lain.

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنه berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ، وَالْحُرِّ، وَالذَّكْرِ، وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ، وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ .

Maksudnya: "Rasulullah ﷺ telah menfardukan (mewajibkan) zakat fitrah sebanyak satu gantang daripada tamar atau satu gantang daripada gandum ke atas hamba, orang merdeka, lelaki, perempuan, kecil dan besar (tua) dari kalangan orang-orang Islam, dan Baginda ﷺ memerintahkan agar ianya ditunaikan sebelum keluarnya orang ramai untuk menunaikan solat (hari Raya Aidilfitri)."

T: al-Bukhari.

29: MENGERJAKAN HAJI DAN UMRAH

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ .

Maksudnya: “Satu umrah ke umrah yang lain adalah merupakan satu *kaffarah* (penghapusan dosa) yang terdapat di antara keduanya, dan haji yang mabrur itu tidak ada baginya ganjaran melainkan syurga.”

T: al-Bukhari.

29.1: Haji Membersihkan Jiwa

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ، فَلَمْ يَرْفُثْ، وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang mengerjakan haji di Baytullah ini, lalu dia tidak berkata-kata kotor dan tidak melakukan kefasiqan, maka dia kembali seumpama hari ibunya melahirkannya.”

T: al-Bukhari.

29.2: Haji Adalah Antara Amalan Terbaik Di Dalam Islam

Abu Hurayrah رضي الله عنه berkata:

سُئِلَ النَّبِيُّ ﷺ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: إِيْمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، قِيلَ: ثُمَّ مَاذَا؟،
قَالَ: جِهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، قِيلَ: ثُمَّ مَاذَا؟، قَالَ: حَجٌّ مَبْرُورٌ.

Maksudnya: “Nabi ﷺ ditanya: Apakah amalan yang paling utama? Baginda menjawab: Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Lalu ditanya: Kemudian (amalan) apakah (yang paling utama)?, Baginda menjawab: Jihad di jalan Allah ﷻ. Lalu ditanya (lagi): Kemudian (amalan) apakah (yang paling utama)?, Baginda menjawab: Haji yang mabrur.

T: al-Bukhari.

29.3: Haji Seumpama Berjuang Di Jalan Allah

Buraydah Ibn al-Hasib al-Aslami رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

النَّفَقَةُ فِي الْحَجِّ كَالنَّفَقَةِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِسَبْعِ مِائَةِ ضِعْفٍ.

Maksudnya: “Nafaqah pada mengerjakan haji adalah seumpama nafaqah di jalan Allah, (iaitu) dengan tujuh ratus kali ganda.”

T: Ahmad; al-Tabarani; al-Bayhaqi dan lain-lain.

29.4: Haji Adalah Jihad

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

جِهَادُ الْكَبِيرِ، وَالصَّغِيرِ، وَالضَّعِيفِ، وَالْمَرْأَةِ: الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ.

Maksudnya: “Jihad bagi orang yang tua, kecil, lemah dan wanita ialah haji dan umrah.”

T: al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; al-Bayhaqi dan lain-lain.

29.5: Haji Tidak Akan Menjadikan Seseorang Itu Faqir

Jabir Ibn ^cAbdullah رضي الله عنه menyatakan bahawa Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا أَمْعَرَ حَاجٌّ قَطُّ، قِيلَ لِجَابِرٍ: مَا الْإِمْعَارُ؟ قَالَ: مَا افْتَقَرَ.

Maksudnya: “Seorang yang mengerjakan pasti haji tidak akan *im^car*. Lalu Jabir رضي الله عنه ditanya: Apakah makna *al-im^car*?. Jabir رضي الله عنه menjawab: Tidak akan jatuh faqir.”

T: al-Tabarani - al-Awsat; al-Bayhaqi - Shu^cab al-Iman; al-Haythami - Kashf al-Astar dan Ibn ^cAsakir - Tarikh Dimashq.

29.6: Mengerjakan Haji Dengan Nafkah Yang Baik

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِذَا خَرَجَ الرَّجُلُ حَاجًّا بِنَفَقَةٍ طَيِّبَةٍ، وَوَضَعَ رِجْلَهُ فِي الْغَرَزِ، فَنَادَى: لَبَّيْكَ
اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، نَادَاهُ مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ: لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ، زَادَكَ حَلَالٌ،
وَرَا حِلَّتَكَ حَلَالٌ، وَحَجُّكَ مَبْرُورٌ غَيْرٌ مَأْزُورٌ، وَإِذَا خَرَجَ بِالنَّفَقَةِ الْحَيْثَةِ،
فَوَضَعَ رِجْلَهُ فِي الْغَرَزِ، فَنَادَى: لَبَّيْكَ، نَادَاهُ مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ: لَا لَبَّيْكَ وَلَا
سَعْدَيْكَ، زَادَكَ حَرَامٌ وَنَفَقَتُكَ حَرَامٌ، وَحَجُّكَ غَيْرٌ مَبْرُورٌ .

Maksudnya: “Apabila seorang lelaki keluar mengerjakan haji dengan nafaqah yang baik, dan meletakkan kakinya di pelana kudanya (kenderaannya), lalu dia mengucap: HambaMu patuh kepadaMu, Ya Allah! HambaMu patuh kepadaMu! Maka akan menyeru seorang penyeru di langit: Patuhlah engkau dan ikutlah engkau (akan perintahNya), sesungguhnya bekalanmu adalah halal, dan kenderaan tungganganmu adalah halal, dan hajimu mabrur tidak berdosa;

Dan apabila dia keluar dengan nafaqah yang kotor, dan meletakkan kakinya di pelana kudanya (kenderaannya), lalu dia mengucap: HambaMu patuh kepadaMu! Maka ada penyeru dari langit yang akan menyeru: Tidaklah engkau patuh (taat) dan tidaklah engkau mengikuti (perintahNya), bekalanmu adalah haram, dan nafaqahmu adalah haram, dan hajimu tidak mabrur.”

T: al-Tabarani - al-Awsat.

29.7: Perancangan Menuju Haji Dan Umrah Bagi Setiap Lima Tahun

Abu Sa'id al-Khudri رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

قَالَ اللَّهُ: إِنَّ عَبْدًا صَحَّحْتُ لَهُ جِسْمَهُ، وَوَسَّعْتُ عَلَيْهِ فِي الْمَعِيشَةِ يَمْضِي عَلَيْهِ
خَمْسَةُ أَعْوَامٍ لَا يَفِدُ إِلَيَّ لِمَحْرُومٍ.

Maksudnya: “Allah ﷻ berfirman (hadith Qudsi): Sesungguhnya seseorang hamba itu, telah Aku sihatkan baginya jasadnya, dan telah Aku lapangkan baginya kehidupannya, (serta telah) berlalu ke atasnya lima tahun, (namun dia) tidak datang untuk mengunjungi Aku, (maka dia) adalah seorang yang diharamkan (dihalang daripada berbuat demikian).”

T: Ibn Hibban: Sanad yang baik; al-Bayhaqi; al-Mawsili; al-Tabarani - al-Awsat; Ibn Hajar al-Haythami; Ibn Hajar al-Asqalani, dan lain-lain.

29.8: Perancangan Menuju Haji Dan Umrah Bagi Setiap Empat Tahun

Di dalam riwayat yang lain, hadithnya berbunyi:

يَقُولُ اللَّهُ ﷻ: إِنَّ عَبْدًا أَصْحَحْتُ لَهُ بَدَنَهُ، وَأَوْسَعْتُ عَلَيْهِ فِي الرِّزْقِ، لَمْ يَفِدْ
إِلَيَّ فِي كُلِّ أَرْبَعَةِ أَعْوَامٍ مَحْرُومٌ.

Maksudnya: “Allah ﷻ berfirman (hadith Qudsi): Sesungguhnya seseorang hamba itu, telah Aku sihatkan baginya badannya, dan telah Aku luaskan ke atasnya rezekinya, (namun) dia tidak mengunjungi aku pada setiap empat tahun, (maka dia) adalah seseorang yang diharamkan (dihalang daripada berbuat demikian).”

T: al-Tabarani – al-Awsat. Sanad hadith di atas adalah lemah, namun boleh diperkuatkan dengan tawabi^c.

30: MEMBERI NAFAQAH

Jabir Ibn ʿAbdullah رضي الله عنه berkata:

أَعْتَقَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي عُذْرَةَ عَبْدًا لَهُ عَنْ دُبْرٍ، فَبَلَغَ ذَلِكَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: أَلَيْكَ مَالٌ غَيْرُهُ؟ ، فَقَالَ: لَا، فَقَالَ: مَنْ يَشْتَرِيهِ مِنِّي؟ ، فَاشْتَرَاهُ نَعِيمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْعَدَوِيُّ بِشَتَانِ مِائَةِ دِرْهَمٍ، فَجَاءَ بِهَا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَدَفَعَهَا إِلَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: ابْدَأْ بِنَفْسِكَ فَتَصَدَّقْ عَلَيْهَا، فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ فَلِأَهْلِكَ، فَإِنْ فَضَلَ عَنْ أَهْلِكَ شَيْءٌ فَلِذِي قَرَابَتِكَ، فَإِنْ فَضَلَ عَنْ ذِي قَرَابَتِكَ شَيْءٌ، فَهَكَذَا وَهَكَذَا يَقُولُ، فَيَنْ يَدَيْكَ وَعَنْ يَمِينِكَ وَعَنْ شِمَالِكَ .

Maksudnya: "Seorang lelaki daripada Bani ʿUzrah telah memerdekakan seorang hamba *mudabbar* yang dimilikinya, maka perkara tersebut telah sampai kepada Baginda Rasulullah ﷺ, lalu Baginda pun bertanya: Adakah kamu mempunyai harta selain daripadanya?. Maka lelaki tersebut menjawab: Tidak. Lalu Baginda pun bertanya: Siapakah yang mahu membeli hamba ini daripadaku?. Lalu Nuʿaym Ibn Abdullah al-ʿAdawi رضي الله عنه membelinya dengan lapan ratus dirham. Maka beliau pun menyerahkan bayaran tersebut kepada Rasulullah ﷺ dan Baginda pun menyerahkan duit tersebut kepada lelaki (daripada Bani ʿUzrah) tersebut dan bersabda:

"Mulakanlah dengan dirimu, maka engkau bersedekah ke atasnya. Maka sekiranya ada sesuatu lebihan, maka ia adalah bagi ahli keluargamu. Maka sekiranya ada sesuatu lebihan daripada keluargamu, maka ia bagi kaum kerabatmu. Maka sekiranya ada sesuatu lebihan daripada kaum kerabatmu, maka ia seperti ini, dan seperti itu, Baginda bersabda: maka mereka yang di hadapan kamu, dan di sebelah kanan kamu, dan di sebelah kiri kamu."

T: Muslim; al-Nasa'i - al-Sughra; Ibn Hibban dan lain-lain.

30.1: Nafaqah Keluarga Adalah Yang Paling Baik

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ، وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى
مَسْكِينٍ، وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ، أَعْظَمُهَا أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ .

Maksudnya: “Dinar yang engkau infaqkan di jalan Allah, dan dinar yang engkau infaqkan bagi (memerdekakan) hamba, dan dinar yang engkau bersedekah dengannya ke atas orang miskin, dan dinar yang engkau infaqkan ke atas keluargamu: Yang paling besar ganjarannya ialah yang engkau infaqkan ke atas keluargamu.”

T: Muslim.

30.2: Nafaqah Bagi Tanggungan Adalah Yang Terbaik

Thawban رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَفْضَلُ دِينَارٍ يُنْفِقُهُ الرَّجُلُ دِينَارٌ يُنْفِقُهُ عَلَى عِيَالِهِ، وَدِينَارٌ يُنْفِقُهُ الرَّجُلُ عَلَى
دَابَّتِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَدِينَارٌ يُنْفِقُهُ عَلَى أَصْحَابِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ .

Maksudnya: “Sebaik-baik dinar yang seseorang lelaki itu infaqkan ialah dinar yang dia infaqkan ke atas orang-orang di bawah tanggungannya, dan dinar yang seseorang lelaki itu infaqkan bagi tanggungannya di jalan Allah, dan dinar yang dia infaqkan ke atas para sahabatnya di jalan Allah.”

T: Muslim.

30.3: Mengabaikan Nafkah Tanggungan Adalah Satu Dosa (a)

Abdullah Ibn Amr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يَجِسَّ عَمَّنْ يَمْلِكُ قُوَّتَهُ .

Maksudnya: “Cukuplah bagi seseorang itu dosa apabila dia menghalang (mengabaikan) infaq ke atas sesiapa yang dia bertanggungjawab untuk menanggung pemakanannya.”

T: Muslim.

30.4: Mengabaikan Nafkah Tanggungan Adalah Satu Dosa (b)

Abdullah Ibn Amr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقْتُوهُ .

Maksudnya: “Cukuplah bagi seseorang itu dosa apabila dia mengabaikan orang yang dia (wajib) menyediakan makanan (baginya).”

T: Abu Dawud.

30.5: Nafkah Ibu Kepada Anaknya

Ummu Salamah¹ رضي الله عنها meriwayatkan dengan berkata:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ لِي مِنْ أَجْرِ فِي بَنِي أَبِي سَلَمَةَ أَنْ أَنْفَقَ عَلَيْهِمْ وَلَسْتُ بِتَارِكْتِهِمْ هَكَذَا وَهَكَذَا إِنَّهُمْ هُمْ بَنِيَّ؟ قَالَ: نَعَمْ، لَكَ أَجْرٌ مِمَّا أَنْفَقْتَ عَلَيْهِمْ .

Maksudnya: “Daku berkata: Wahai Rasulullah! Adakah bagiku pahala pada berbuat kebaikan kepada anak-anak Abu Salamah dengan memberi infaq ke atas mereka dan daku tidaklah meninggalkan bagi mereka sesuatu seperti ini dan seperti itu, hanyasanya mereka ialah anak-anakku. Baginda menjawab: Ya! Bagimu pahala dengan apa yang engkau infaqkan ke atas mereka.”

T: al-Bukhari dan Muslim.

¹ Beliau adalah salah seorang isteri Rasulullah ﷺ. Ummu Salamah رضي الله عنها berkahwin dengan Rasulullah ﷺ selepas kewafatan suaminya Abu Salamah رضي الله عنه disebabkan kecederaan yang dialaminya di dalam peperangan Uhud. Abu Salamah رضي الله عنه sempat berdoa sebelum kewafatannya dengan: “Ya Allah! Gantikanlah daku bagi ahli keluargaku dengan yang lebih baik.” Beliau meninggalkan empat orang anak yang akhirnya dibesarkan dan dididik oleh Baginda Rasulullah ﷺ sendiri.

31. SABILILLAH

Khuraym Ibn Fatik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَنْفَقَ نَفَقَةً فِي سَبِيلِ اللَّهِ، كُتِبَتْ لَهُ بِسَبْعِ مِائَةِ ضِعْفٍ .

Maksudnya: “Barangsiapa yang menginfakkan sesuatu nafaqah di jalan Allah, dituliskan baginya dengan tujuh ratus kali ganda.”

T: Al-Tirmidhi: Hasan; al-Nasa’i– al-Sughra; Ahmad; Ibn Hibban dan lain-lain.

31.1: Belanja Di Jalan Allah ﷻ Digandakan Dengan Begitu Banyak

Abu ‘Ubaydah al-Jarrah رضي الله عنه berkata: Daku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَنْفَقَ نَفَقَةً فَاضِلَةً فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَبِسَبْعِ مِائَةٍ، وَمَنْ أَنْفَقَ عَلَى نَفْسِهِ وَأَهْلِيهِ،
أَوْ عَادَ مَرِيضًا، أَوْ مَازَ أَدَى، فَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، وَالصَّوْمُ جُنَّةٌ مَا لَمْ
يُخْرِقْهَا، وَمَنْ ابْتَلَاهُ اللَّهُ بِبَلَاءٍ فِي جَسَدِهِ، فَهُوَ لَهُ حِطَّةٌ .

Maksudnya: “Barangsiapa yang meninfakkan nafaqah yang lebih di jalan Allah, maka ia adalah dengan tujuh ratus kali ganda; dan barangsiapa yang memberi infaq ke atas dirinya dan ahli keluarganya, atau menziarahi orang yang sakit, atau membuang sesuatu yang menyakitkan, maka satu kebaikan itu digandakan dengan sepuluh kali ganda. Dan puasa itu adalah perisai selama mana dia tidak merobeknya; dan barangsiapa yang diberikan bala’ oleh Allah dengan sesuatu bala’ pada tubuhnya, maka ia merupakan satu keguguran (dosa) baginya.”

T: Ahmad.

31.2: Belanja Di Jalan Allah ﷺ Seumpama Melakukannya

Zayd Ibn Khalid ؓ meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ جَهَّزَ غَازِيًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَقَدْ غَزَا، وَمَنْ خَلَفَ غَازِيًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِخَيْرٍ
فَقَدْ غَزَا .

Maksudnya: “Barangsiapa yang menyiapkan seorang pejuang di jalan Allah, maka sesungguhnya dia telah pergi berperang; dan barangsiapa yang menjaga dengan baik apa yang ditinggalkan oleh seorang pejuang (daripada hartanya dan keluarganya), maka sesungguhnya dia telah pergi berperang.”

T: al-Bukhari.

31.3: Makna Sebenar Bagi Jalan Allah ﷺ

Abu Musa al-Ash^cari ؓ berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا الْقِتَالُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ فَإِنَّ
أَحَدَنَا يُقَاتِلُ غَضَبًا وَيُقَاتِلُ حَمِيَّةً، فَرَفَعَ إِلَيْهِ رَأْسَهُ، قَالَ: وَمَا رَفَعَ إِلَيْهِ رَأْسَهُ
إِلَّا أَنَّهُ كَانَ قَاتِمًا، فَقَالَ: مَنْ قَاتَلَ لِيَتَكُونَ كَلِمَةً اللَّهُ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ ﷻ .

Maksudnya: “Seorang lelaki telah datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah! Apakah itu peperangan di jalan Allah? Maka sesungguhnya salah seorang daripada kami berperang kerana marah, dan berperang kerana benci. Lalu Baginda mengangkat kepala Baginda yang mulia kepadanya, dan Baginda tidak mengangkat kepala Baginda itu ke atas melihat kepadanya melainkan kerana lelaki itu sedang berdiri, dan Baginda lantas bersabda: “Barangsiapa yang berperang agar kalimah Allah menjadi tinggi (mulia), maka dia berada di jalan Allah.”

T: al-Bukhari dan lain-lain.

Allah ﷻ berfirman (al-Baqarah: 261):

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ (*)

Maksudnya: “[261] Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuannya.”

32: HADIAH DAN HIBAH

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

تَهَادُوا، تَحَابُّوا

Maksudnya: “Hendaklah kamu saling beri-memberi hadiah sesama kamu, agar kamu akan saling kasih-mengasihi di antara kamu.”

T: al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra: Dengan dua sanad yang baik; Abu Ya'la al-Mawsili; Ibn 'Asakir; al-Mizzi; al-Bukhari - al-Adab al-Mufrad; Ibn 'Abd al-Barr dan lain-lain.

32.1: Kebaikan Memberi Hadiah

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

تَهَادُوا فَإِنَّ الْهَدِيَّةَ تُذْهِبُ وَحَرَ الصَّدْرِ، وَلَا تَحْتَرِنَ جَارَةً لِجَارَتِهَا، وَلَوْ شَقَّ
فَرَسِنِ شَاةٍ.

Maksudnya: “Hendaklah kamu saling beri-memberi hadiah sesama kamu, sesungguhnya hadiah itu menghilangkan kemarahan di dada, dan janganlah seseorang jiran itu menghina (pemberian) jirannya, walaupun sebahagian daripada tulang yang kurang dagingnya daripada kambing.”

T: al-Tirmidhi; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Busiri dan lain-lain.

32.2: Membalas Hadiah

‘A’ishah رضي الله عنها berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقْبَلُ الْهَدِيَّةَ، وَيُثِيبُ عَلَيْهَا.

Maksudnya: “Adalah Rasulullah ﷺ itu menerima hadiah dan memberi balasan bagi (pemberi)nya.”

T: Al-Bukhari.

32.3: Tidak Menolak Hadiah

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَجِيبُوا الدَّاعِيَ، وَلَا تَرُدُّوا الْهَدِيَّةَ، وَلَا تَضْرِبُوا الْمُسْلِمِينَ .

Maksudnya: "Penuhilah undangan orang yang mengundang kamu, dan janganlah kamu menolak hadiah, dan janganlah kamu memukul orang-orang Islam."

T: Ahmad.

32.4: Perumpamaan Bagi Perbuatan Meminta Semula Hadiah

Abdullah Ibn 'Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

الْعَائِدُ فِي هَبْتِهِ كَالْكَلْبِ يَقِيءُ، ثُمَّ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ .

Maksudnya: "Seseorang yang meminta kembali pemberiannya (kepada orang lain) adalah seperti seekor anjing yang muntah, kemudian ia makan kembali muntahnya itu."

T: al-Bukhari dan Muslim.

33: WAQAF – MENGALIRKAN MANFAAT DENGAN JALAN YANG KEKAL

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنه berkata:

أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ،
إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفَسُ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُنِي
بِهِ؟ قَالَ: إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا، قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ
لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُبْتَاعُ، وَلَا يُورَثُ، وَلَا يُوهَبُ، قَالَ: فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي
الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَى، وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ،
لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ
فِيهِ.

Maksudnya: “Umar رضي الله عنه telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, lalu dia datang kepada Nabi ﷺ dan meminta perintah daripada Baginda padanya. Maka beliau berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya daku telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, yang tidak pernah daku dapatkan sesuatu harta yang lebih berharga bagiku daripadanya, maka apakah yang engkau perintahkan daku dengannya?. Baginda bersabda: Sekiranya kamu mahu, maka kamu wakafkan asasnya dan kamu bersedekah (daripada hasil dan manfaat)nya.

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنه berkata: Maka beliau pun bersedekah dengannya pada para fuqara’ (orang-orang faqir), dan pada kaum kerabat, dan pada para hamba, dan di jalan Allah, dan orang-orang yang bermusafir, dan para tetamu, (dan) tidak menjadi kesalahan bagi sesiapa yang menjaganya untuk makan daripada (hasil)nya dengan makruf atau memberi makan sahabatnya, dengan tidak membuat keuntungan daripadanya.”

T: al-Bukhari; Muslim; al-Tirmidhi; Abu Dawud; al-Nasa'i - al-Sughra; Ibn Majah; Ahmad; Ibn Khuzaymah dan lain-lain.

33.1: Kebaikan Yang Kekal Selepas Mati

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ، إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ .

Maknanya: “Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah daripadanya segala amalannya melainkan tiga perkara: (i) sedekah yang mengalir (manfaatnya), atau (ii) ilmu yang dimanfaatkan dengannya, atau (iii) anak soleh yang mendoakannya.”

T: Muslim.

33.2: Tiga Perkara Yang Kebaikannya Berterusan Walaupun Selepas Mati

Abu Qatadah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

خَيْرُ مَا يُخَلَّفُ الرَّجُلُ مِنْ بَعْدِهِ ثَلَاثٌ: وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ، وَصَدَقَةٌ تَجْرِي يَبْلُغُهُ أَجْرُهَا، وَعِلْمٌ يُعْمَلُ بِهِ مِنْ بَعْدِهِ .

Maksudnya: "Sebaik-baik perkara yang ditinggalkan oleh seseorang lelaki itu selepas (kewafatan)nya ialah tiga perkara: (i) anak soleh yang mendoakan untuknya; dan (ii) sedekah yang mengalir (manfaatnya) dan pahalanya akan sampai kepadanya; dan (iii) ilmu yang diamalkan dengannya selepas (pemergian)nya."

T: Ibn Majah; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Tabarani - al-Saghir dan al-Awsat dan lain-lain.

33.3: Kebajikan Yang Berterusan Walaupun Selepas Mati

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ، وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ: عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ،
وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ، وَمُصْحَفًا وَرَّثَهُ، أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ، أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ
بَنَاهُ، أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ، أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ يَلْحَقُهُ مِنْ
بَعْدِ مَوْتِهِ.

Maksudnya: "Sesungguhnya di antara (pahala) yang akan sampai kepada seorang mukmin daripada amalannya dan kebajikan-kebajikannya selepas kematiannya (ialah): (i) ilmu yang dia ajarkan dan sebarkannya; dan (ii) anak yang soleh yang ditinggalkannya; dan (iii) mushaf yang diwariskannya; atau (iv) masjid yang dibinanya; atau (v) rumah bagi musafir yang dibinanya; atau (vi) sungai yang dialirkannya; atau (vii) sedekah yang dia telah keluarkan daripada hartanya ketika dia masih sihat dan hidup, maka ia akan sampai kepadanya selepas kewafatannya."

T: Ibn Majah; Ibn Khuzaymah; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.

33.4: Tujuh Kebaikan Yang Berterusan Pahalanya

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

سَبْعٌ يَجْرِي لِلْعَبْدِ أَجْرُهُنَّ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ وَهُوَ فِي قَبْرِهِ: مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا أَوْ كَرَى
نَهْرًا أَوْ حَفَرَ بئرًا أَوْ غَرَسَ نَخْلًا أَوْ بَنَى مَسْجِدًا أَوْ وَرَّثَ مُصْحَفًا أَوْ تَرَكَ
وَلَدًا يَسْتَغْفِرُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ.

Maksudnya: "Tujuh perkara yang masih mengalir pahalanya bagi seseorang hamba selepas kewafatannya, sedang dia berada di dalam kuburnya: (i) Barangsiapa mengajarkan sesuatu ilmu, atau (ii) menggali sebatang sungai, atau (iii) mengorek sebuah telaga, atau (iv) menanam sepohon kurma, atau (v) membina sebuah masjid, atau (vi) mewariskan sebuah mushaf, atau (vii)

meninggalkan seorang anak yang memohon keampunan baginya selepas kewafatannya.”

T: al-Bazzar; al-Haythami - Kashf al-Astar; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman; Abu Nu'aym al-Asbahani – Hilyat al-Awliya'; Ibn Abi Dawud al-Sajistani - al-Masahif dan Ibn al-Jawzi - al-Birr wa al-Silah.

33.5: Para Sahabat ﷺ Dan Amalan Waqaf

Jabir ﷺ berkata:

مَا أَعْلَمُ أَحَدًا كَانَ لَهُ مَالٌ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ إِلَّا حَبَسَ مَالًا مِنْ
صَدَقَةٍ مُؤَبَّدَةٍ، لَا تُشْتَرَى أَبَدًا، وَلَا تُوهَبُ وَلَا تُورَثُ.

Maksudnya: “Daku tidak tahu seorang pun yang mempunyai harta dari kalangan para Muhajirin dan Ansar melainkan mereka telah mewaqafkan sesuatu bagi sedekah yang kekal, yang tidak boleh dijualbeli selamanya, dan tidak boleh dijadikan hibah, dan tidak boleh diwarisi (oleh sesiapa pun).”

T: al-Khassaf – Ahkam al-Awqaf.

33.6: Aset Tetap Adalah Harta Yang Disayangi

Firman Allah ﷻ (Ali ʿImran: 92):

لَنْ نَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ نُنْفِقُوا مِمَّا نَحِبُّونَ ۚ وَمَا نُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ

بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

34. MEMBERI PINJAMAN

Abu Umamah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

دَخَلَ رَجُلٌ الْجَنَّةَ فَرَأَى عَلَى بَابِهَا مَكْتُوبًا الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، وَالْقَرْضُ
بِثَمَانِيَةِ عَشْرٍ.

Maksudnya: “Seorang lelaki telah masuk ke dalam syurga, lalu dia melihat di atas pintunya tertulis: “Sedekah itu (diganjarkan) dengan sepuluh kali ganda dan pinjaman itu (diganjarkan) dengan lapan belas kali ganda.”

T: al-Bayhaqi – Shu'ab al-Iman: Hasan.

34.1: Sebab Keutamaan Pinjaman

Anas Ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

رَأَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِي عَلَى بَابِ: الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، وَالْقَرْضُ
بِثَمَانِيَةِ عَشْرٍ، فَقُلْتُ: يَا جِبْرِيْلُ مَا بَأَلِ الْقَرْضِ أَفْضَلُ مِنَ الصَّدَقَةِ، قَالَ: لِأَنَّ
السَّائِلَ يَسْأَلُ وَعِنْدَهُ، وَالْمُسْتَقْرِضَ لَا يَسْتَقْرِضُ إِلَّا مِنْ حَاجَةٍ.

Maksudnya: “Daku telah melihat pada malam daku diisra’kan di atas pintu syurga tertulis: Sedekah itu (diganjarkan) dengan sepuluh kali ganda, dan pinjaman itu (diganjarkan) dengan lapan belas kali ganda. Maka daku berkata: Wahai Jibril, apakah sebab pinjaman itu lebih baik daripada sedekah. Beliau menjawab: Kerana seseorang yang meminta (sedekah), (kebiasaannya) dalam masa yang sama (memiliki sesuatu) di sisinya, dan orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman melainkan kerana hajat.”

T: Ibn Majah.

34.2: Pinjaman Lebih Baik Daripada Sedekah

Anas Ibn Malik رضي الله عنه menyatakan bahawa Baginda Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

قَرُضُ الشَّيْءِ خَيْرٌ مِنْ صَدَقَتِهِ .

Maksudnya: "Meminjamkan sesuatu lebih baik daripada mendedekahkannya."

T: *al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.*

34.3: Pinjaman Adalah Sedekah

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

كُلُّ قَرْضٍ صَدَقَةٌ .

Maksudnya: "Setiap pemberian pinjaman itu adalah sedekah."

T: *al-Tabarani - al-Saghir dan al-Awsat; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain.*

34.4: Menanggihkan Atau Melepaskan Peminjam Yang Dalam Kesusahan (a)

Abu Qatadah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنَجِّيَهُ اللَّهُ مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، فَلْيَنْفَسْ عَن مُّعْسِرٍ، أَوْ يَضَعْ عَنْهُ .

Maksudnya: "Barangsiapa yang suka untuk Allah صلى الله عليه وسلم menyelamatkannya daripada kesusahan pada hari Kiamat, maka hendaklah dia memberi masa yang lebih panjang kepada penghutang yang susah atau melepaskan tuntutan (hutang) daripadanya."

T: *Muslim.*

34.5: Menanggukkan Atau Melepaskan Peminjam Yang Dalam
Kesusahan (b)

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا، أَوْ وَضَعَ لَهُ أَظْلَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِهِ يَوْمَ لَا
ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ .

Maksudnya: "Barangsiapa yang melanjutkan tempoh bagi penghutang yang susah, atau melepaskan tuntutan (bagi hutang tersebut), maka Allah صلى الله عليه وسلم akan melindunginya pada hari Kiamat di bawah bayangan (lindungan) arashNya, pada hari tiada perlindungan melainkan perlindunganNya."

T: al-Tirmidhi; Ahmad; al-Quda'i – Musnad al-Shihab; al-Tabarani - al-Awsat; Abu Ya'la al-Mawsili dan lain-lain.

35: SEDEKAH DAN MANIHAH

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا .

Maksudnya: "Tidak ada seharipun di mana para hamba itu berpagi-pagi padanya melainkan ada dua malaikat yang akan turun (berdoa). Maka salah satu daripada mereka berdoa: Ya Allah! Berikanlah ganti bagi orang yang meinfakkan hartanya; dan yang lain pula berdoa: Ya Allah! Berikanlah kemusnahan bagi orang yang menahan infaq hartanya."

T: al-Bukhari; Muslim; Ahmad; Ibn Hibban; al-Nasa'i - al-Sunan al-Kubra; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

35.1: Allah ﷻ Memberi Infaq Kepada Mereka Yang Melakukannya

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: يَا ابْنَ آدَمَ أَنْفِقْ أُنْفِقُ عَلَيْكَ .

Maksudnya: "Allah - *tabaraka wa ta'ala* - berfirman (hadith qudsi): Wahai anak Adam! Berilah infaq, Daku akan memberi infaq ke atasmu."

T: Muslim; al-Bukhari; Ahmad; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

35.2: Harta Tidak Akan Kurang Dengan Sedekah

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا، وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ .

Maksudnya: "Sedekah itu tidaklah mengurangi sesuatu apa pun daripada harta; dan tidaklah Allah ﷻ menambahkan seseorang itu dengan (sifat) kemaafan melainkan (Dia menembahkannya dengan) kemuliaan; dan tidaklah seseorang itu merendah diri kerana Allah ﷻ melainkan Allah ﷻ akan mengangkatnya."

T: Muslim; al-Tirmidhi; al-Darimi; Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban dan lain-lain.

35.3: Sedekah Adalah Pelindung Di Hari Kiamat

Uqbah Ibn Amir رضى الله عنه meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتَّى يُفْصَلَ بَيْنَ النَّاسِ أَوْ قَالَ: يُحْكَمَ بَيْنَ النَّاسِ .

Maksudnya: "Setiap individu berada di bawah perlindungan sedekahnya sehinggalah dia dibicarakan di kalangan manusia" atau Baginda bersabda: "Dihakimi di kalangan manusia."

T: Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Hakim dan lain-lain.

35.4: Sedekah Menolak Bala'

Ali Ibn Abu Talib رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

بَاكِرُوا بِالصَّدَقَةِ، فَإِنَّ الْبَلَاءَ لَا يَتَخَطَّاهَا .

Maksudnya: "Bersegeralah dengan (memberi) sedekah, sesungguhnya bala' tidak akan melangkahnya."

T: al-Tabarani - al-Awsat; Anas Ibn Malik رضى الله عنه: al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman; al-Khatib al-Baghdadi - Tarikh Baghdad dan lain-lain.

35.5: Sedekah Menghapuskan Dosa

Ka'b Ibn Ujrah رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda kepada beliau (petikan daripada sebuah hadith yang lebih panjang):

يَا كَعْبَ بْنَ عُجْرَةَ، الصَّلَاةُ بُرْهَانٌ، وَالصَّوْمُ جُنَّةٌ حَصِينَةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ
الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ.

Maksudnya: "Wahai Ka'ab Ibn 'Ujrah! Solat itu adalah hujah / bukti, dan puasa itu adalah benteng / perisai yang memelihara, dan sedekah itu memadamkan kesalahan sepertimana air memadamkan api."

T: *al-Tirmidhi*.

35.6: Sedekah Menolak Kemurkaan Allah ﷻ Dan Kematian Yang Buruk

Anas Ibn Malik ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الصَّدَقَةَ لَتُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ وَتَدْفَعُ عَن مَيِّتَةِ السُّوءِ .

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah itu pasti memadamkan kemurkaan Tuhan dan melindungi daripada kematian yang buruk."

T: *al-Tirmidhi; Ibn Hibban; al-Bayhaqi - Shu'ab al-Iman dan lain-lain*.

35.7: Sedekah Bagi Binatang Bernyawa

Suraqah Ibn Ju'shum ﷺ berkata:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنْ ضَالَّةِ الْإِبِلِ تَغْشَى حِيَاضِي قَدْ لُطِّتْهَا لِإِبِلِي، فَهَلْ لِي مِنْ أَجْرٍ إِنْ سَقَيْتُهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، فِي كُلِّ ذَاتِ كَبِدٍ حَرَّى أَجْرٌ .

Maksudnya: "Daku telah bertanya Rasulullah ﷺ berkenaan unta yang sesat yang telah mengerumuni telaga-telagaku yang telah daku sediakan untuk untaku, maka adakah bagiku pahala sekiranya daku memberinya minum? Baginda bersabda: Ya, pada (segala kebajikan yang dibuat terhadap) setiap yang bernyawa (hati yang panas) itu ada ganjaran pahala."

T: *Ibn Majah; Ahmad; Ibn Hibban; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain*.

35.8: Sedekah Bagi Ibu Tunggal Dan Orang Miskin

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ telah bersabda:

السَّاعِي عَلَى الْأَرْمَلَةِ وَالْمِسْكِينِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، أَوْ الْقَائِمِ اللَّيْلَ
الصَّائِمِ النَّهَارَ.

Maksudnya: "Orang yang berusaha menjaga kebajikan perempuan yang kematian suaminya dan orang miskin adalah seperti orang yang berjihad di jalan Allah atau seorang yang sentiasa berjaga malam dan berpuasa di siang hari."

T: al-Bukhari, Muslim dan lain-lain.

35.9: Manihah

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ مَنَحَ مَنِيحَةً، غَدَتْ بِصَدَقَةٍ، وَرَاحَتْ بِصَدَقَةٍ صَبُوحِهَا وَغُبُوقِهَا.

Maksudnya: "Barangsiapa yang memberi manihah, maka dia telah berpagi-pagi dengan sedekah, dan berpetang-petang dengan sedekah, (dengan pemberian susu) ternakannya di awal hari dan (dengan pemberian susu) ternakannya di awal malam."

T: Muslim dan al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra.

35.10: Sedikit Tetapi Banyak Di Sisi Allah ﷻ

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

سَبَقَ دِرْهَمٌ مِائَةَ أَلْفِ دِرْهَمٍ ، قَالُوا: وَكَيْفَ؟ قَالَ: كَانَ لِرَجُلٍ دِرْهَمَانِ
تَصَدَّقَ بِأَحَدِهِمَا، وَأَنْطَلَقَ رَجُلٌ إِلَى عُرْضِ مَالِهِ فَأَخَذَ مِنْهُ مِائَةَ أَلْفِ دِرْهَمٍ
فَتَصَدَّقَ بِهَا.

Maksudnya: "Satu dirham telah mendahului seratus dirham. Mereka bertanya: Dan bagaimanakah itu?. Baginda menjawab:

Adalah bagi seseorang itu dua dirham, lalu dia bersedekah dengan salah satu daripadanya, dan seorang lelaki (lagi) pergi ke sudut hartanya, lalu dia mengambil seratus dirham dan bersedekah dengannya."

T: al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Hakim dan lain-lain.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

PENGAGIHAN HARTA (WEALTH DISTRIBUTION)

Firman Allah ﷻ (al-Nisa':9-10):

وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ
فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾ إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ
الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “[9] Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran). [10] Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

36: WISOYAH – PENTADBIR PUSAKA

Sahl Ibn Sa'd رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا، وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى وَفَرَجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا.

Maksudnya: “Aku dan orang yang menanggung urusan anak yatim di syurga adalah seumpama ini,”

Dan Baginda ﷺ memberi isyarat dengan jari telunjuk dan jari tengah, dan Baginda ﷺ merenggangkan sedikit di antara kedua-dua (jari tersebut).”

T: al-Bukhari; al-Tirmidhi; Abu Dawud; Ahmad; Ibn Hibban dan lain-lain.

36.1: Melaburkan Harta Anak Yatim (a)

Abdullah Ibn Amr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ berkhotbah kepada orang ramai dengan bersabda:

أَلَا مَنْ وَلِيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَتَجَرَّ فِيهِ وَلَا يَتْرُكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ.

Maksudnya: “Ambillah perhatian, barangsiapa yang menjaga seorang anak yatim yang mempunyai harta, maka hendaklah dia berniaga dengannya dan janganlah meninggalkannya (mengabaikannya) sehingga hartanya itu dimakan oleh kewajipan zakat.”

T: al-Tirmidhi; al-Daruqutni; al-Bayhaqi dan lain-lain.

36.2 Melaburkan Harta Anak Yatim (b)

Umar Ibn al-Khattab رضي الله عنه dilaporkan berkata:

اتَّجَرُوا فِي أَمْوَالِ الْيَتَامَى لَا تَأْكُلْهَا الزَّكَاةُ.

Maksudnya: “Berniagalah (dan perolehlah keuntungan) pada harta-harta anak-anak yatim (agar) zakat tidak memakannya.”

T: Malik – al-Muwatta’.

36.3: Saidatina ‘A’ishah رضي الله عنها Menjaga Anak Yatim

Al-Qasim (Ibn Muhammad Ibn Abu Bakr al-Siddiq رضي الله عنه) berkata:

كَانَتْ عَائِشَةُ تَلِينِي وَأَخَا لِي يَتِيمِينَ فِي حَجْرِهَا، فَكَانَتْ تُخْرِجُ مِنْ أَمْوَالِنَا
الزَّكَاةَ.

Maksudnya: “(Saidatina) ‘A’ishah رضي الله عنها pernah menjaga urusanku dan abang/adik lelakiku sewaktu kami berdua masih yatim, dan beliau mengeluarkan zakat daripada harta-harta kami.”

T: Malik – al-Muwatta’.

36.4: Al-Ibda’

Al-Qasim (Ibn Muhammad Ibn Abu Bakr al-Siddiq رضي الله عنه) berkata:

كُنَّا أَيْتَامًا فِي حَجْرٍ عَائِشَةَ فَكَانَتْ تُزَكِّي أَمْوَالَنَا، وَتُبْضِعُنِيهَا فِي الْبَحْرِ.

“Pernah satu ketika dahulu sewaktu kami masih yatim di bawah jagaan (Saidatina) ‘A’ishah رضي الله عنها, beliau mengeluarkan zakat harta-harta kami dan meng*ibda’*kannya di dalam (perniagaan yang melalui) lautan.”

Ibda’ ialah menyerahkan harta sebagai modal perniagaan kepada pihak yang mengusahakannya dan seluruh keuntungan diberikan kepada pemilik modal atas jalan sukarela (*tabarru’*).

T: Ibn Abi Shaybah - Musannaf.

36.5: Menjaga Dan Mendidik Anak Yatim

Allah ﷻ berfirman (al-Nisa’: 5-6):

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ
وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴿٥﴾ وَأَبْلُوا إِلَيْنُمَا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ

رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ ۖ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبُرُوا ۚ وَمَنْ كَانَ
 غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۖ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ
 أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

Maksudnya: “[5] Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik. [6] Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdas dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).”

36.6: Melakukan Urusan Dengan Rahsia

Mu'adh Ibn Jabal رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

اسْتَعِينُوا عَلَىٰ إِجْحَاحِ حَوَائِجِكُمْ بِالْكِتْمَانِ، فَإِنَّ كُلَّ ذِي نِعْمَةٍ مُحْسُوذٌ.

Maksudnya: “Mintalah pertolongan dalam menjayakan hajat-hajat kamu dengan rahsia, maka sesungguhnya setiap orang yang mempunyai nikmat itu didengki (oleh orang lain).”

T: *al-Tabarani – al-Saghir, al-Awsat dan al-Kabir.*

37: KEPENTINGAN WASIAT

Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ يَبِيتُ لَيْلَتَيْنِ إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ.

Maksudnya: “Tidak berhak bagi seseorang Muslim yang baginya sesuatu yang patut diwasiatkan untuk tidur selama dua malam melainkan wasiatnya itu dituliskan di sisinya.”

T: al-Bukhari.

37.1: Wasiat Adalah Sedekah Dari Allah ﷻ

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ عِنْدَ وَفَاتِكُمْ بِثُلُثِ أَمْوَالِكُمْ زِيَادَةً لَكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah ﷻ bersedekah ke atas kamu ketika kamu meninggal dunia dengan satu pertiga harta kamu, (bagi menjadi) tambahan bagi kamu dalam amalan-amalan (soleh) kamu.”

T: Ibn Majah; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

37.2: Bahaya Penyelewengan Wasiat

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْخَيْرِ سَبْعِينَ سَنَةً فَإِذَا أَوْصَى حَافٍ فِي وَصِيَّتِهِ فَيُخْتَمُ لَهُ بِشَرِّ عَمَلِهِ فَيَدْخُلُ النَّارَ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الشَّرِّ سَبْعِينَ سَنَةً فَيَعْدِلُ فِي وَصِيَّتِهِ فَيُخْتَمُ لَهُ بِخَيْرِ عَمَلِهِ فَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ.

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang lelaki itu akan beramal dengan amalan orang yang baik selama tujuh puluh (70) tahun, maka apabila dia membuat wasiat, dia berlaku zalim di dalam wasiatnya, maka diakhiri bagi (hidup)nya itu dengan amalan yang

jahat, lalu dia memasuki neraka (kerananya); dan sesungguhnya seseorang lelaki itu akan beramal dengan amalan orang yang jahat selama tujuh puluh (70) tahun, maka apabila dia membuat wasiat, dia berlaku adil di dalam wasiatnya, maka diakhiri bagi (hidup)nya itu dengan amalan yang baik, lalu dia memasuki syurga (kerananya).”

T: Ibn Majah; al-Tirmidhi; Abu Dawud; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; Ahmad; al-Tabarani - al-Kabir dan al-Awsat; Abd al-Razzaq; al-Haythami - Kashf al-Astar dan lain-lain.

37.3: Kebaikan Wafat Dengan Wasiat

Jabir Ibn Abdullah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ مَاتَ عَلَى وَصِيَّةٍ مَاتَ عَلَى سَبِيلٍ وَسُنَّةٍ وَمَاتَ عَلَى تَقَى وَشَهَادَةٍ وَمَاتَ
مَغْفُورًا لَهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang wafat dalam keadaan (meninggalkan) wasiat, maka dia mati di atas jalan dan sunnah (Rasulullah ﷺ), dan wafat di atas ketaqwaan dan persaksian, dan mati dalam keadaan diampunkan baginya.”

T: Ibn Majah.

37.4: Keburukan Wafat Tanpa Wasiat

Jabir Ibn Abdullah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ مَاتَ عَلَى غَيْرِ وَصِيَّةٍ لَمْ يُؤْذَنْ لَهُ فِي الْكَلَامِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ . قَالُوا: يَا
رَسُولَ اللَّهِ، أَوْ يَتَكَلَّمُونَ قَبْلَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ؟ قَالَ: نَعَمْ ، وَيَزُورُ بَعْضُهُمْ
بَعْضًا.

Maksudnya: “Barangsiapa yang wafat tanpa (meninggalkan) wasiat, tidak diizinkan baginya untuk berkata-kata sehingga hari Kiamat. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah! Apakah (orang-orang yang telah wafat itu) berkata-kata sebelum tibanya hari

Kiamat?. Baginda menjawab: Ya, dan sebahagian mereka menziarahi sebahagian yang lain.”

T: Bakr al-Shirazi - Ahadith 'Ali Ibn Yusuf al-Shirazi.

38: HADIAH “ATIYYAH” DI KALANGAN ANAK-ANAK

al-Nu‘man Ibn Bashir رضي الله عنه berkata ketika beliau berada di atas mimbar:

أَعْطَانِي أَبِي عَطِيَّةً، فَقَالَتْ عَمْرَةُ بِنْتُ رَوَاحَةَ: لَا أَرْضَى حَتَّى تُشْهَدَ رَسُولَ
الله ﷺ فَأَتَى رَسُولَ اللهِ ﷺ فَقَالَ: إِنِّي أَعْطَيْتُ ابْنِي مِنْ عَمْرَةَ بِنْتِ رَوَاحَةَ
عَطِيَّةً، فَأَمَرْتَنِي أَنْ أُشْهَدَكَ يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: أَعْطَيْتَ سَائِرَ وَلَدِكَ مِثْلَ
هَذَا، قَالَ: لَا، قَالَ: فَاتَّقُوا اللهَ وَاعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ، قَالَ: فَرَجَعَ فَرَدَّ
عَطِيَّتَهُ .

Maksudnya: “Bapaku telah memberikanku satu pemberian, lalu (ibuku) ‘Amrah Bint Rawahah berkata: Aku tidak reda sehinggalah engkau menjadikan Rasulullah ﷺ sebagai saksi. Maka beliau pun datang berjumpa Rasulullah ﷺ dan berkata: Sesungguhnya daku telah memberi anak lelakiku dari ‘Amrah Ibn Rawahah dengan satu pemberian, dan dia mengarahkanku untuk menjadikan engkau sebagai saksi, wahai Rasulullah!. Baginda bertanya: (Adakah) engkau telah memberikan semua anak-anakmu seperti ini?. Beliau berkata: Tidak. Baginda bersabda: Maka bertaqwalah kepada Allah, dan berlaku adil di antara anak-anakmu. (al-Nu‘man) berkata: Maka beliau pun balik dan menarik semula pemberiannya.”

T: al-Bukhari.

38.1: Berlaku Adil Sesama Anak-Anak

al-Nu‘man Ibn Bashir رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ أُمَّهُ بِنْتَ رَوَاحَةَ سَأَلَتْ أَبَاهُ بَعْضَ الْمُوهَبَةِ مِنْ مَالِهِ لِابْنِهَا، فَالْتَوَى بِهَا سَنَةً
ثُمَّ بَدَأَ لَهَا، فَقَالَتْ: لَا أَرْضَى حَتَّى تُشْهَدَ رَسُولَ اللهِ ﷺ عَلَى مَا وَهَبْتَ لِابْنِي،
فَأَخَذَ أَبِي بِيَدِي وَأَنَا يَوْمَئِذٍ غُلَامٌ، فَأَتَى رَسُولَ اللهِ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ،
إِنَّ أُمَّ هَذَا بِنْتِ رَوَاحَةَ أَعْجَبَهَا أَنْ أُشْهَدَكَ عَلَى الَّذِي وَهَبْتُ لِابْنِهَا، فَقَالَ

رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : يَا بَشِيرُ أَلَيْكَ وَلَدٌ سِوَى هَذَا؟ قَالَ: نَعَمْ، فَقَالَ: أَكُلَّهُمْ وَهَبْتَ لَهُ مِثْلَ هَذَا؟ قَالَ: لَا، قَالَ: فَلَا تُشْهِدُنِي إِذَا فَاِنِّي لَا أَشْهَدُ عَلَى جَوْرِ .

Maksudnya: "Sesungguhnya ibunya (Amrah) Bint Rawahah telah meminta daripada bapanya sebahagian hadiah daripada hartanya untuk anaknya, maka dia menangguhkannya selama setahun dan kemudian barulah dia memberinya. Maka (ibunya) berkata: Aku tidak reda sehinggalah engkau bersaksikan Rasulullah ﷺ di atas apa yang engkau hadiahkan kepada anak lelakiku. Maka beliau pun memegang tanganku dan daku ketika itu masih kanak-kanak untuk pergi berjumpa Rasulullah ﷺ, lalu beliau berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibu (anak) ini, (Amrah) Bint Rawahah, sangat suka sekiranya daku menjadikan engkau saksi di atas apa yang telah daku berikan kepada anak lelakinya. Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Wahai Bashir! Adakah bagimu anak selain daripadanya?. Beliau menjawab: Ya. Maka Baginda bertanya: Adakah setiap daripada mereka telah engkau berikan seperti yang engkau berikan kepada (anak) ini?. Beliau menjawab: Tidak. Baginda bersabda: Maka oleh itu, janganlah engkau menjadikan aku saksi (bagi hal ini), maka sesungguhnya daku tidak bersaksi bagi sesuatu yang zalim (tidak adil)."

T: Muslim.

38.2: Keadilan Terhadap Anak-Anak

al-Nu^cman Ibn Bashir رضي الله عنه berkata:

انْطَلَقَ بِي أَبِي يَحْمِلُنِي إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنِّي قَدْ نَحَلْتُ النُّعْمَانَ كَذَا وَكَذَا مِنْ مَالِي، فَقَالَ: أَكُلَّ بَنِيكَ قَدْ نَحَلْتَ مِثْلَ مَا نَحَلْتَ النُّعْمَانَ؟ قَالَ: لَا، قَالَ: فَأَشْهَدُ عَلَى هَذَا غَيْرِي، ثُمَّ قَالَ: أَيَسْرُكَ أَنْ يَكُونُوا إِلَيْكَ فِي الْبِرِّ سَوَاءً؟ قَالَ: بَلَى، قَالَ: فَلَا إِذَا .

Maksudnya: "Ayahku bertolak dengan membawaku untuk pergi berjumpa Rasulullah ﷺ, lalu beliau berkata: Wahai Rasulullah! Saksikanlah sesungguhnya daku telah memberikan al-Nu^cman seperti ini dan seperti itu daripada hartaku. Maka Baginda

bersabda: Adakah setiap anak-anakmu telah engkau berikan seperti apa yang telah engkau berikan kepada al-Nu^cman?. Beliau menjawab: Tidak. Baginda bersabda: Maka persaksikanlah bagi hal ini (seseorang yang lain) selain dariku, (dan) Baginda bertanya: Adakah ianya menggembarakan kamu sekiranya mereka (anak-anakmu) itu berlaku baik kepada kamu secara sama rata?. Beliau menjawab: Bahkan. Baginda bersabda: Janganlah oleh itu (engkau tidak berlaku adil dan sama rata kepada mereka).”

T: Muslim.

38.3: Menyamaratakan Pemberian

‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

سَوُّوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ فِي الْعَطِيَّةِ فَلَوْ كُنْتُمْ مُفَضِّلًا أَحَدًا لَفَضَلْتُمُ النِّسَاءَ.

Maksudnya: “Sama ratakanlah di antara anak-anak kamu di dalam pemberian. Maka sekiranya aku melebihkan seseorang, daku akan melebihkan orang-orang perempuan.”

T: al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra; al-Tabarani - al-Kabir; Ibn ‘Asakir - Tarikh Dimashq dan lain-lain.

38.4: Bapa Boleh Menarik Semula Hadiah Yang Telah Diberikan Kepada Anaknya

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنه dan ‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَحِلُّ لِلرَّجُلِ أَنْ يُعْطِيَ عَطِيَّةً، ثُمَّ يَرْجِعُ فِيهَا إِلَّا الْوَالِدَ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ،
وَمَثَلُ الَّذِي يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ ثُمَّ يَرْجِعُ فِيهَا، كَمَثَلِ الْكَلْبِ أَكَلَ حَتَّى إِذَا شَبِعَ
قَاءَ ثُمَّ عَادَ فِي قَيْئِهِ.

Maksudnya: "Tidak halal bagi seorang lelaki yang telah memberikan satu pemberian, kemudian dia merujuk kembali (menarik semula) pada pemberiannya itu melainkan seorang ayah pada apa yang telah dia hadiahkan kepada anaknya. Dan

perumpamaan bagi orang yang memberikan hadiah, kemudian merujuk semula padanya, adalah seumpama seekor anjing yang makan sehingga apabila ia kenyang, ia memuntahkan dan kemudian kembali kepada muntahnya itu."

T: al-Tirmidhi: Hadith ini baik lagi sahih; Abu Dawud; al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; Ibn Hibban; al-Hakim; dan lain-lain.

39: KEWAJIPAN PEMBAHAGIAN FARAID

‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

أَحِقُّوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرٍ.

Maksudnya: “Berikanlah bahagian-bahagian yang telah difardukan kepada ahlinya/pemiliknya (waris si mati), dan apa yang tertinggal ialah bagi lelaki yang paling utama.”

T: al-Bukhari dan Muslim.

39.1: Pembahagian Berdasarkan Fara'id

‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

اقْسِمُوا الْمَالَ بَيْنَ أَهْلِ الْفَرَائِضِ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ، فَمَا تَرَكَتِ الْفَرَائِضُ، فَلِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرٍ.

Maksudnya: “Bahagikanlah harta di antara pemilik bahagian mengikut kitab Allah (al-Qur'an). Maka, apa yang tertinggal daripada baki lebihan pembahagian ialah bagi lelaki yang paling utama.”

T: Muslim; Ibn Majah; Ahmad dan lain-lain.

39.2: Kepentingan Ilmu Fara'id

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

يَا أَبَا هُرَيْرَةَ تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلَّمُوهَا فَإِنَّهُ نِصْفُ الْعِلْمِ وَهُوَ يُنْسَى وَهُوَ
أَوَّلُ شَيْءٍ يُنْزَعُ مِنْ أُمَّتِي .

Maksudnya: “Wahai Abu Hurayrah! Pelajarilah (ilmu) farai'd (pembahagian harta pusaka) dan ajarkanlah ia! Maka sesungguhnya ia adalah separuh daripada ilmu dan ia akan dilupai, dan ia adalah perkara pertama yang ditarik daripada umatku.”

T: al-Tirmidhi; Ibn Majah dan al-Daruqutni.

39.3: Kejahilan Ilmu Fara'id Membawa Kepada Fitnah Pergaduhan

Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ وَعَلَّمُوهُ النَّاسَ، وَتَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ، وَعَلَّمُوهَا النَّاسَ،
وَتَعَلَّمُوا الْعِلْمَ، وَعَلَّمُوهُ النَّاسَ، فَإِنِّي مَقْبُوضٌ، وَإِنَّ الْعِلْمَ سَيَنْقُصُ، وَتَظْهَرُ
الْفِتْنُ، حَتَّى يَخْتَلِفَ الْإِثْنَانِ فِي فَرِيضَةٍ، لَا يَجِدَانِ إِنْسَانًا يَفْصِلُ بَيْنَهُمَا .

Maksudnya: “Pelajarilah al-Quran dan ajarkanlah ia kepada manusia! Dan pelajarilah (ilmu) fara'id (pembahagian harta pusaka) dan ajarkanlah ia kepada manusia! Dan pelajarilah ilmu (agama) dan ajarkanlah ia kepada manusia! Sesungguhnya aku ini seorang yang akan wafat dan sesungguhnya ilmu ini akan diangkat dan akan zahirlah fitnah-fitnah, sehingga apabila dua orang yang berbeza pandangan berkenaan pembahagian pusaka tidak dapat menjumpai seseorang yang dapat menyelesaikan masalah ini di antara mereka berdua.”

T: al-Nasa'i - al-Kubra; al-Darimi; al-Hakim; al-Daruqutni; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Saghir dan al-Sunan al-Kubra; Abu Dawud al-Tayalisi; Abu Ya'la al-Mawsili dan lain-lain.

40: PERANCANGAN HARTA PUSAKA BAGI MENINGGALKAN HARTA KEPADA WARIS

Sa'd Ibn Malik (Abi Waqqas) رضي الله عنه berkata:

عَادِنِي النَّبِيُّ ﷺ عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ مِنْ مَرَضٍ أَشْفَيْتُ مِنْهُ عَلَى الْمَوْتِ، فَقُلْتُ:
يَا رَسُولَ اللَّهِ بَلِّغْ بِي مِنَ الْوَجَعِ مَا تَرَى، وَأَنَا ذُو مَالٍ وَلَا يَرِثُنِي إِلَّا ابْنَةٌ لِي
وَاحِدَةٌ أَفَاتَّصَدَّقُ بِثُلثِي مَالِي، قَالَ: لَا، قَالَ: فَاتَّصَدَّقْ بِشَطْرِهِ، قَالَ: الثُّلُثُ
يَا سَعْدُ وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ، إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ ذُرِّيَّتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً
يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ، وَلَسْتَ بِنَافِقٍ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا آجَرَكَ اللَّهُ بِهَا،
حَتَّى اللَّقْمَةَ تَجْعَلُهَا فِي فِي امْرَأَتِكَ، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْلَفُ بَعْدَ أَصْحَابِي،
قَالَ: إِنَّكَ لَنْ تُخْلَفَ فَتَعْمَلْ عَمَلًا تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أزدَدْتَ بِهِ دَرَجَةً
وَرِفْعَةً، وَلَعَلَّكَ تُخْلَفُ حَتَّى يَنْتَفِعَ بِكَ أَقْوَامٌ وَيُضِرَّ بِكَ آخَرُونَ، اَللَّهُمَّ
أَمْضِ لِأَصْحَابِي هِجْرَتَهُمْ، وَلَا تُرُدَّهُمْ عَلَى أَعْقَابِهِمْ، لَكِنَّ الْبَائِسُ سَعْدُ بْنُ
خَوْلَةَ يَرِثِي لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ تُؤْفِيَّ بِمَكَّةَ.

Maknanya: “Nabi ﷺ telah datang melawat daku pada tahun haji al-Wada^c lantaran kesakitan yang aku alami sehingga aku merasakan kematian aku pada kesakitan itu. Maka aku berkata: Ya Rasulullah! Kesakitan aku ini telah sampai ke tahap sepertimana yang engkau dapat lihat, dan aku adalah seorang yang mempunyai harta tetapi tidak mewarisi hartaku ini melainkan anak perempuanku yang seorang sahaja, apakah patut aku bersedekah dengan dua pertiga hartaku? Baginda bersabda: “Jangan.” Maka aku berkata: “Apakah patut aku bersedekah dengan separuhnya?” Baginda bersabda: “Jangan.” Maka aku berkata: “Satu pertiga?”

Baginda lantas bersabda: “Wahai Sa'd! Dan satu pertiga itu adalah banyak. Sesungguhnya sekiranya engkau meninggalkan zuriatmu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam keadaan tiada pergantungan sehingga terpaksa meminta-minta daripada manusia. Dan tidaklah engkau

menafkahkan satu nafaqah yang engkau cari dengannya keredaan Allah melainkan Allah akan mengganjarkan engkau dengannya sehingga satu suap (makanan) yang engkau suapkan kepada isterimu.

Daku berkata: Wahai Rasulullah! Adakah daku tertinggal (di Mekah) setelah sahabat-sahabatku (kembali ke Madinah)?. Baginda bersabda: Sesungguhnya tidaklah engkau dipanjangkan umur lalu engkau beramal dengan amalan yang engkau cari dengannya keredaan Allah melainkan engkau akan bertambah darjat dan ketinggian (kedudukan), dan mungkin juga engkau akan dipanjangkan umur sehingga sebahagian kaum mendapat manfaat denganmu dan sebahagian yang lain mendapat mudarat denganmu. Ya Allah! Sempurnakanlah bagi para sahabatku hijrah mereka, dan janganlah engkau kembalikan mereka di atas bahu-bahu mereka (lantaran meninggalkan hijrah dan kembali dari hal keadaan mereka yang diredai)", akan tetapi (bagi) Sa'd Ibn Khawlah yang zahir padanya kefaqiran, Rasulullah ﷺ berasa begitu sedih dan kasihan lantaran kewafatannya di Mekah.

T: al-Bukhari dan Muslim.

40.1: Jangan Sesekali Mengakhiri Hidup Dengan Amalan Jahat

Sahl Ibn Sa'd al-Sa'idi رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَعْمَلُ فِيمَا يَرَى النَّاسُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَإِنَّهُ لَمِنْ أَهْلِ النَّارِ،
وَيَعْمَلُ فِيمَا يَرَى النَّاسُ عَمَلَ أَهْلِ النَّارِ وَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَإِنَّمَا الْأَعْمَالُ
بِخَوَاتِيمِهَا.

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang hamba itu akan beramal pada apa yang dilihat oleh manusia sebagai amalan ahli syurga, dan sesungguhnya dia adalah dari kalangan ahli neraka, dan (seseorang hamba) itu akan beramal pada apa yang dilihat oleh manusia sebagai amalan ahli neraka dan dia adalah dari kalangan ahli syurga. Dan hanyasanya amalan-amalan itu adalah berdasarkan kepada penutup/ pengakhirannya.”

T: al-Bukhari.

40.2: Mengakhiri Hidup Ini Dengan Amalan Soleh

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ الزَّمَانَ الطَّوِيلَ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ، ثُمَّ يُحْتَمُّ لَهُ عَمَلُهُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ الزَّمَانَ الطَّوِيلَ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، ثُمَّ يُحْتَمُّ لَهُ عَمَلُهُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang lelaki itu akan beramal dalam jangka masa yang panjang dengan amalan ahli syurga, kemudian dikhatamkan (ditutupkan) baginya amalannya dengan amalan ahli neraka; Dan sesungguhnya seseorang lelaki itu akan beramal dalam jangka masa yang panjang dengan amalan ahli neraka, kemudian dikhatamkan (ditutupkan) baginya amalannya dengan amalan ahli syurga.”

T: Muslim.

40.3: Amalan Penutup Itu Penentu

‘A’ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْخَوَاتِيمِ .

Maksudnya: “Hanyasanya amalan-amalan (seseorang) itu adalah berdasarkan kepada amalan-amalan akhir/penutup (hidupnya).”

T: Ibn Hibban dan Ibn ‘Asakir - Tarikh Dimashq.

40.4: Doa Rasulullah صلى الله عليه وسلم Memohon Keluasan Rezeki Di Usia Tua

‘A’ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم berdoa:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ أَوْسَعَ رِزْقِكَ عَلَيَّ عِنْدَ كِبَرِ سِنِّي وَأَنْقِطَاعِ عُمْرِي .

Maksudnya: “Ya Allah! Jadikanlah seluas-luas rezeki-Mu ke atasku ketika tuanya usiaku dan (hampir) terputusnya umurku.”

T: *al-Hakim; al-Tabarani - al-Awsat; Ibn Abi al-Dunya; al-Bayhaqi - al-Da'awat al-Kabir; al-Shawkani - al-Fawa'id al-Majmu'ah dan lain-lain.*

Di dalam riwayat Ibn Abi al-Dunya - *Islah al-Mal* - terdapat tambahan di akhirnya:

وَقُرْبِ أَجَلِي .

Maksudnya: “Dan dekatnya ajalku.”

40.5: Doa Rasulullah ﷺ Memohon Rezeki Yang Baik

Ummu Salamah ؓ meriwayatkan bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقُولُ إِذَا صَلَّى الصُّبْحَ حِينَ يُسَلِّمُ: اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُّتَقَبَّلًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi ﷺ membaca (doa berikut) apabila Baginda telah mengerjakan solat Subuh selepas memberi salam: Ya Allah! Sesungguhnya daku memohon daripadaMu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.”

T: *Ibn Majah (275H) (lafaz di atas); Ahmad (241H); al-Nasa'i (303H) dan lain-lain.*

Di dalam riwayat ‘Abd al-Razzāq al-Ṣan‘ānī (211H) di dalam *muṣannaf* beliau, al-Ṭabarānī (360H) di dalam *al-Mu‘jam al-Saghīr*, Abu Nu‘aym al-Asbahānī (430H) di dalam *Akhbār Asbahān*, al-Shajari (499H) di dalam *al-Amālī al-Khamīsiyyah* dan beberapa yang lain, lafaz matannya mendahulukan rezeki yang baik berbanding ilmu yang bermanfaat seperti berikut:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ رِزْقًا طَيِّبًا، وَعِلْمًا نَافِعًا، وَعَمَلًا مُّتَقَبَّلًا

Maksudnya: “Ya Allah! Sesungguhnya daku memohon daripadaMu rezeki yang baik, ilmu yang bermanfaat dan amalan yang diterima.”



Telah sempurna penulisan ini dan segala pujian hanyalah bagi Allah ﷻ



[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.]

BIBLIOGRAFI

BERKAITAN AL-QURAN

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Basmeih, & Muhammad Noor Ibrahim (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama.

Ibn Kathir, Isma'il 'Umar (774H). (1419H). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

BERKAITAN HADITH

'Abd al-Razzaq al-San'ani (211H). (1403H). *al-Musannaf*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.

Abu Dawud, Sulayman al-Sijistani (275H). (2010). *Sunan Abi Dawud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu Dawud al-Tayalisi (204H). *Musnad Abu Dawud al-Tayalisi*. Misr: Dar Hijr li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). *Akhbar Asbahan*. Dilhi: al-Dar al-'Ilmiyyah.

Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). (1409H). *Hilyat al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiya'* (Vol. 10). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). *Sifat al-Jannah*. Dimashq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.

Abu Ya'la al-Mawsili (307H). (1992). *Musnad Abu Ya'la al-Tayalisi*. Dimashq - Bayrut: al-Thaqafah al-'Arabiyyah.

Abu Zar'ah al-'Iraqi (806H). (1999). *Tarh al-Tathrib*. Makkah al-Mukarramah - al-Riyad: Nizar Mustafa al-Baz.

Ahmad, Ibn Hanbal (241H). (1995). *al-Musnad*. 'Amman: Mu'assasat al-Risalah.

al-Baghawi, al-Husayn Mas'ud (516H). *Sharh al-Sunnah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.

al-Bayhaqi (458H). (1986). *al-Adab*. Bayrut: al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Bayhaqi (458H). (1993). *al-Asma' wa al-Sifat*. Jaddah: Maktabat al-Sawadi.
- al-Bayhaqi (458H). (1986). *al-Da'awat al-Kabir*. al-Kuwayt: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath.
- al-Bayhaqi (458H). (1988). *al-I'tiqad ila Sabil al-Rashad*. Bayrut: al-Kitab al-'Arabi.
- al-Bayhaqi (458H). (2000). *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqi (458H). *al-Zuhd al-Kabir*. Bayrut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Bayhaqi (458H). *Dala'il al-Nubuwwah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqi (458H). *Shu'ab al-Iman*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bazzar, Abu Bakr (292H). (1997). *al-Bahr al-Zakhkhar bi Musnad al-Bazzar*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Bukhari, Muhammad Isma'il (256H). (1989). *al-Adab al-Mufrad*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Bukhari, Muhammad Isma'il (256H). (1999). *Sahih al-Bukhari*. al-Riyad: Dar al-Salam.
- al-Bukhari, Muhammad Isma'il (256H). (2001). *al-Tarikh al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Busiri (840H). (1998). *Ittihaf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawa'id al-Masanid al-'Asharah*. al-Riyad: al-Rushd.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad 'Ali (852H). (1998). *al-Matalib al-'Aliyah bi Zawa'id al-Masanid al-Thamaniyah*. al-'Asimah al-Ghayth: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad 'Ali (852H). (1996). *Ittihaf al-Maharah*. al-Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd wa Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyah.
- al-Darimi, Abdullah Abdurrahman (255H). *Sunan al-Darimi*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Daruqutni, 'Ali 'Umar (385H). (2004). *Sunan al-Daruqutni*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Daruqutni, 'Ali 'Umar (385H). (1994). *Ta'liqat al-Daruqutni 'ala Kitab al-Majruhin li Ibn Hibban*. Misr: al-Faruq al-Hadithah - al-Kitab al-Islami.
- al-Daylami, Abu Shuja' (509H). (1986). *Musnad al-Firdaws (al-Firdaws bi Ma'thur al-Khitab)*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dhahabi, Muhammad Ahmad (748H). (1992). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Diya' al-Maqdisi (643H). *al-Ahadith al-Mukhtarah*. al-Sa'udiyyah: 'Abd al-Malik Dahish.
- al-Hakim, Ibn al-Bayyi' al-Naysaburi (405H). (1990). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haythami, Nur al-Din (807H). *Kashf al-Astar*.
- al-Khatib al-Bahgdadi, Ahmad 'Ali (463H). (2001). *Tarikh Baghdad*. Bayrut: al-Gharb al-Islami.
-

- al-Mizzi, Yusuf (742H). (2002). *Tahdhib al-Kamal*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Nasa'i, Ahmad Shu'ayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nasa'i, Ahmad Shu'ayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Sughra / al-Mujtaba min al-Sunan*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- al-Nawawi, Yahya Sharaf (676H). (2001). *Riyad al-Salihin*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Yahya Sharaf (676H). (1999). *al-Minhaj: Sharh sahih Muslim Ibn al-Hajjaj*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Quda'i, al-Shihab (454H). (1986). *Musnad al-Shihab*. Bayrut: al-Risalah.
- al-Rafi'i, 'Abd al-Karim (623H). (1987). *al-Tadwin fi Akbar Qazwin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shawkani (1255H). *al-Fawa'id al-Majmu'ah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabarani, Sulayman Ahmad (360H). *al-Du'a*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah / Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabarani, Sulayman Ahmad (360H). *al-Mu'jam al-Awsat*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Tabarani, Sulayman Ahmad (360H). *al-Mu'jam al-Kabir*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Tabarani, Sulayman Ahmad (360H). *al-Mu'jam al-Saghir*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.

- al-Tabarani, Sulayman Ahmad (360H). *Musnad al-Shamiyyin*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Tahawi (321H). *Mushkil al-Athar*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Tahawi (321H). *Sharh Ma'ani al-Athar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Tirmidhī, Muḥammad 'Īsā (279H). *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. al-Riyāḍ: Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Shirazi, Bakr Ahmad 'Ali (730H). *Ahadith 'Ali Ibn Yusuf Ibn Ahmad al-Shirazi*.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah (463H). *al-Tamhid*. al-Maghrib: Wizarat 'Umum al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn Abi al-Dunya (281H). *Islah al-Mal*. Misr: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyyah / Dar al-Wafa;.
- Ibn Abi Shaybah (235H). (2004). *Musannaf Ibn Abi Shaybah*. al-Riyad: al-Rushd.
- Ibn al-Muqri', Abu Bakr (381H). *Mu'jam Ibn al-Muqri'*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Rushd.
- Ibn Asakir, Ali Hasan (571H). (1998). *Tarikh Dimashq*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hibban, Muhammad (354H). (1993). *Sahih Ibn Hibban*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn Khuzaymah (311H). *Sahih Ibn Khuzaymah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī (273H). *Sunan Ibn Mājah: Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah*.

Ishaq Ibn Rahuwayh (238H). *Musnad Ishaq Ibn Rahuwayh*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Iman.

Malik, Anas al-Madani (179H). (1985). *al-Muwatta'*. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Muslim, Ibn al-Hajjaj (261H). (2006). *al-Jami' al-Sahih / Sahih Muslim*. al-Riyad: Dar Taybah.

LAIN-LAIN

Abu al-Mawahib al-Sha'rani, 'Abd al-Wahhab Ahmad (973H). (2005). *Lawaqih al-Anwar al-Qudsiyyah fi Bayan al-'Uhud al-Muhamadiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (505H). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

al-Maliki, Muhammad 'Alawi (1425H). *Abwab al-Faraj*.

LAIN-LAIN

Financial plan. (2013, April 28). Wikipedia, the free encyclopedia. Daripada: <http://en.wikipedia.org>

Making Cents: Wealth management vs. financial planning. (n.d.). <http://www.uticaod.com>. Pada 2 Mei 2013, daripada <http://www.uticaod.com>

Wealth management. (2013, April 19). Wikipedia, the free encyclopedia. Daripada: <http://en.wikipedia.org>

The difference between “wealth management” and financial planning | NextLevel. (n.d.). Pada 19 Julai 2013, daripada: <http://www.nextlevelinvestor.net>

Sinopsis

Buku ini mengandungi hadith-hadith yang terpilih berkaitan dengan pengurusan harta dan perancangan kewangan daripada ketiga-tiga sudut Shariat: (i) aqidah, (ii) fiqh dan (iii) tasawwuf. Daripada hadith-hadith yang telah dipilih, penulis menjadikan empat puluh (40) hadith sebagai hadith-hadith utama dan selebihnya sebagai hadith-hadith sokongan yang mempunyai kaitan dengan hadith-hadith utama. Penulis telah cuba sedaya upaya memastikan agar hadith-hadith yang dipilih sebagai hadith-hadith utama adalah berstatus *sahih* atau sekurang-kurangnya *hasan* (baik). Bagi hadith-hadith sokongan, hadith-hadith da'if juga dipilih selagi mana ia tidak mengandungi perkara-perkara aqidah atau elemen halal dan haram. Sebagai tambahan faedah, penulis juga meletakkan ayat-ayat al-Quran dan kata-kata para ulama', khususnya para sahabat ﷺ, di tajuk-tajuk yang relevan.

Penulis membahagikan hadith-hadith tersebut kepada tujuh bahagian, iaitu: Prinsip Asas, Penjanaan Harta, Pengembangan Harta, Perlindungan Harta, Pembersihan Harta, Penyucian dan Infaq Harta dan Pengagihan Harta.



Abdullaah Jalil

Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam) (Kepujian) (Kelas Pertama/Mumtaz), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan; MBA (Perbankan dan Kewangan Islam) (Anugerah Pelajar Terbaik Program), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak; Sedang melanjutkan pengajian doktor falsafah di dalam bidang kewangan Islam (PhD in Islamic Finance) di INCEIF, Kuala Lumpur. Beliau merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.

